

Jilid II  
Bil. 42



Hari Khamis  
3hb November, 1988

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 7321]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7378]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7378]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

.. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

.. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

.. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

.. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

.. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

.. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

.. DR V. DAVID (Puchong).

.. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

.. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

.. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

.. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

.. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

.. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

.. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

.. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

.. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

.. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

.. TUAN HU SEPANG (Rasah).

.. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

.. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

.. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

.. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

.. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

.. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

.. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

.. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).

.. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

.. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

.. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 3hb November, 1988

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah tidak hadir).*

**PETANI TERMISKIN—PROGRAM BANTUAN**

**2. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk melaksanakan program khas bagi membantu petani-petani yang paling miskin. Kalau bercadang bilakah program ini akan dilaksanakan dan apakah program-program yang akan dilaksanakan itu; dan
- (b) berapa ramaikah petani-petani yang paling miskin di mana pendapatan mereka kurang daripada \$175.00 sebulan. Nyatakan bilangan mereka mengikut negeri-negeri yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang bercadang untuk melaksanakan program-program bagi membantu petani-petani termiskin iaitu keluarga yang berpendapatan kurang dari \$175 sebulan dan menghadapi masalah bagi menampung keperluan asas dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Untuk maksud ini, beberapa program telah pun dikenalpasti dan dicadang untuk dilaksanakan dalam tempoh baki Rancangan Malaysia Kelima. Program-program ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang bagi meningkatkan pendapatan petani-petani. Program-program tersebut ialah:

- (i) pemulihan tanah terbiar;
- (ii) projek-projek pertanian, ternakan dan perikanan berkelompok;
- (iii) pemberian khidmat latihan ke arah pertanian moden;
- (iv) mengadakan projek-projek ekonomi sampingan;
- (v) mengadakan kemudahan infrastruktur perparitan dan jalan-jalan ladang; dan
- (vi) mengadakan modal melalui pinjaman yang tidak membebankan petani-petani untuk projek ekonomi.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, terdapat sebanyak 131,700 isirumah petani-petani termiskin di Semenanjung

Malaysia pada tahun 1985 yang berpendapatan kurang dari \$175 sebulan. Jumlah ini tidak termasuk petani-petani di FELDA, FELCRA dan Lembaga Kemajuan Wilayah. Pecahan petani-petani termiskin mengikut negeri-negeri terlibat ialah:

Negeri	Bil. Isirumah Termiskin
(1) Kedah	26,500
(2) Kelantan	22,000
(3) Perak	19,500
(4) Johor	12,100
(5) Terengganu	10,800
(6) Selangor	9,600
(7) Pahang	9,200
(8) Melaka	8,900
(9) Negeri Sembilan	6,200
(10) Pulau Pinang	3,500
(11) Perlis	3,400

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tak salah ingatan saya semasa Perdana Menteri Tun Abdul Razak dahulu telah dikeluarkan kenyataan bahawa penduduk Malaysia yang paling miskin mendapat lebih kurang \$300 sebulan. Ini angka yang paling rendah, tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi masih ada lagi rakyat yang berpendapatan tidak sampai \$175 sebulan. Manakah di antara satu kenyataan itu yang benar.

Yang kedua, cerita lama juga iaitu semasa PAS memerintah dahulu telah diperkenalkan negeri Kelantan ialah negeri yang paling miskin sekali dan rakyat paling susah akibat daripada Kerajaan PAS, tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi angka kemiskinan di Kelantan hanya 22,000 sahaja kalau berbanding dengan angka kemiskinan di Kedah 26,500 sedangkan pada hari

ini Kerajaan Barisan Nasional sendiri memerintah negeri Kelantan? Saya minta penjelasan.

**Dato' Alexandar Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, angka \$175 sebulan didefinisikan sebagai petani termiskin adalah definisi yang diberikan kepada petani-petani, bukan semua golongan dan apa yang saya sebutkan ialah berkenaan dengan petani-petani sahaja.

Berkenaan dengan angka yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu, angka-angka yang saya sebutkan tadi iaitu petani-petani sahaja dan tidak termasuk FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Wilayah dan yang di bandar-bandar.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan telah melaksanakan dasar pengurangan subsidi kepada petani-petani khususnya kerana tidak mahu petani-petani khasnya orang-orang Melayu dikenali sebagai "Bangsa Subsidi". Jadi, sehingga sekarang apakah hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut sama ada petani-petani menjadi lebih senang dan lebih maju tanpa subsidi atau sebaliknya petani-petani menjadi bertambah susah?

**Dato' Alexandar Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada dasar Kementerian Pertanian untuk mengurangkan subsidi iaitu kita berharap petani-petani boleh berdikari dan ada beberapa program yang dilaksanakan oleh Kementerian saya untuk meningkatkan pendapatan petani-petani melalui program-program di mana petani-petani sendiri bekerja dengan sikap berdikari dan meningkatkan pendapatannya. Setakat ini kita belum mendapat apa-apa hasil daripada program-program ini.

**Dato' Haji Mohammed Abu Bakar Rautin bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah pun memberi angka-angka atau jumlah dan kadar kemiskinan dari masa ke semasa di dalam negara kita ini dan bagi angka yang terakhir sekali kita dapat mengikut angka yang diberi oleh Kerajaan bahawa kadar kemiskinan telah pun dikurangkan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jumlah orang-orang miskin yang diiktiraf miskin di kalangan petani-petani ini yang telah pun diberi oleh Yang Berhormat tadi, diasaskan kepada angka-angka ataupun kajian bancian tahun bila. Dan adakah angka-angka ini telah pun bertambah baik. Maksud saya adakah jumlah dan kadar kemiskinan ini telah pun diperbaiki dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini di kalangan petani-petani.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada angka-angka yang diberikan pada tahun 1985 dalam kajian Kementerian Pertanian dan tidak ada angka-angka yang lain untuk tahun-tahun yang lain dan tidak boleh dibandingkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Peter Paul Dason tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Madatang Morejal.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Madatang Morejal tidak hadir).*

## BARANGAN BERBAHAYA/ KURANG BERMUTU

**6. Tuan Mohamad Subky bin Abdul Rauf** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan menyekat atau megesan pelbagai barangan berbahaya dan keluaran yang kurang bermutu dan sempurna, yang diharamkan di negara maju atau negara pembuat, sebaliknya barang-barang tersebut dihantar ke negara ini untuk dijual semula.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan tidak membenarkan barang-barang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dari memasuki negara ini. Bagi melaksanakan dasar ini beberapa akta dan peraturan telah dikuatkuasakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menyekat kemasukan barangan yang berbahaya dan tidak bermutu.

Sebagai contohnya, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1988 mengenakan kawalan yang ketat ke atas kemasukan barangan yang berbahaya di segi kesihatan dan keselamatan awam. Kemasukan barangan makanan dan ubat-ubatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat kesihatan dan mutu di bawah Akta Makanan 1983 dan Ordinan Dadah Berbahaya 1952 (disemak 1980). Begitu juga dengan racun perosak di mana pengimportannya adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Di bawah Akta Jemaah Pemeriksa Letrik 1983 pula barangan elektrik yang tidak setaraf dengan piawaian yang telah ditetapkan tidak dibenarkan memasuki negara ini. Dengan adanya langkah-langkah kawalan seperti tersebut di atas Kerajaan dapat memastikan bahawa

barangan yang dibawa masuk memenuhi ciri-ciri keselamatan, kesihatan dan mutu yang telah ditetapkan.

### PELANCONG SINGGAH TRANSIT DI KUALA LUMPUR

**Tuan Haji Mohd, Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa setengah-tengah pelancong hanya singgah transit di lapangan-lapangan terbang kita kerana mereka tidak mendapat maklumat-maklumat tentang negara kita juga cantik untuk dilihat. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang telah sedang dan akan diambil bagi menguntungkan negara.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, pelancong-pelancong yang menuju ke sesuatu destinasi pada kebiasaannya merancang perjalanan mereka lebih awal. Mereka yang singgah transit di Kuala Lumpur ini kerana menanti penerbangan mereka seterusnya untuk ke destinasi yang dituju walaupun mereka sebenarnya tahu juga terdapat tarikan-tarikan yang baik di negara kita. Dan ada juga terdapat pelancong-pelancong yang terpaksa singgah transit di Kuala Lumpur kerana menggunakan syarikat penerbangan Malaysia.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa ada kemungkinan setengah-setengah pelancong hanya singgah transit di lapangan terbang Kuala Lumpur kerana tidak menyedari tentang tarikan yang ada di negara kita. Ini boleh berlaku kerana galakan yang dijalankan oleh Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia tidak dapat meliputi kesemua daerah dan negara di dunia ini. Oleh itu di antara

langkah-langkah penggalakan yang diambil ialah dengan mengadakan pameran bahan-bahan Muzium di lapangan terbang, khusus untuk mereka yang singgah transit ini.

Kita juga menyediakan broucher-broucher mengenai negara kita dan kita berharap mereka yang singgah transit di lapangan terbang dapat mengambil broucher-broucher ini untuk bacaan mereka. Kita juga menyediakan gambar-gambar pemandangan di lapangan terbang, di terminal building dan juga beberapa program-program lain termasuk siaran melalui peti TV di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur. Dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini, dengan adanya promosi yang diadakan di lapangan terbang itu sendiri, kita berharap bagi mereka yang singgah transit pada kali mereka ini akan membuat rancangan untuk melawat Malaysia di dalam cutinya masa-masa hadapan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, setelah Kementerian ini ditubuhkan berapa peratuskah tambahan pelancong-pelancong yang telah datang ke negara ini berbanding daripada masa sebelum Kementerian ini ditubuhkan.

Yang kedua, saya ingin mengetahui siapakah yang telah meletakkan satu papan iklan di persimpangan jalan antara Jalan Pekeliling/Jalan Ampang, berhadapan dengan Ampang Park tentang keindahan Thailand. Adakah ini kerja yang dibuat oleh badan pelancongan di negara ini dan adakah bentuk dan pendekatan yang sama yang dibuat oleh Kementerian ataupun badan pelancongan di negara kita ini di negara-negara lain.

Yang ketiga, apakah wadah yang sangat diinginkan oleh para pelancong

untuk datang ke negara kita kalau dibandingkan dengan pendedahan dari para pelancong yang ingin ke Thailand ataupun ke Filipina.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini seperti kita ketahui telah ditubuhkan dalam bulan Mei tahun lepas, 1987. Seperti yang diperlukan, bagi tahun 1986 iaitu sebanyak 3.02 juta, tahun 1987 3.14 juta. Ini kira-kira 3.87%. Bagi tahun 1988 ini kita menjangka kira-kira 3.35 juta. Insya Allah, tahun depan kita berharap 3.6 juta dan tahun 1990, 4 juta. Jadi puratanya sekarang ini kira-kira 3% atau 4%. Dan dengan adanya Kementerian ini, kita berharap peratusan akan bertambah kepada 6% ke 7% bagi tahun ini dan tahun depan dan tahun 1990 kira-kira 10% tambahan pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Berkenaan dengan papan iklan, saya tidak melihat papan iklan yang itu. Namun demikian, kalau sekiranya papan iklan itu menceritakan tentang keindahan negeri Thailand maka pihak Tourist Association of Thailandlah yang membuatnya, serupa juga dengan negara kita mengadakan papan-papan iklan di negara-negara lain termasuk di Thailand, Singapore, Amerika dan sebagainya.

Berkenaan wajah yang sangat diingini oleh pelancong-pelancong, kita sekarang ini mementingkan unsur-unsur kebudayaan bagi menarik pelancong-pelancong ke negara kita. Kita juga cuba menunjukkan keindahan negara melalui pantai-pantai, bukit-bukau dan sebagainya tetapi kita tahu pantai-pantai dan bukit-bukit ini terdapat juga di negara-negara lain. Walaupun kita menggambarkan keindahan negara tetapi kita lebih mementingkan unsur-unsur kebudayaan yang mana walaupun unsur-unsur kebudayaan kita agak tidak berbeza sangat dengan

kebudayaan di rantau ini tetapi ada sedikit special kerana di sini terdapat satu kumpulan penduduk yang terdiri dari berbagai kaum tetapi dapat hidup bersama-sama dengan cara mana damai dan juga tiap suku kaum itu mempunyai kebudayaan berasingan yang berbeza tetapi dapat disatukan secara menyeluruh sebagai kebudayaan kebangsaan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada sebilangan pelancong yang sedar akan kecantikan Pulau Tioman yang juga kita sentiasa menonjol-menonjolkan Pulau Tioman ini tetapi kekurangan kemudahan seperti komunikasi serta tempat penginapan. Ada sebilangan pelancong berminat melawat Pulau Tioman tetapi disebabkan kekurangan ini mereka tidak dapat melawat pulau ini. Apakah langkah-langkah yang akan diambil ataupun sedang dirancang oleh pihak Kementerian?

Kedua, Abu Dhabi adalah satu lapangan terbang di mana mereka membekalkan duty free goods, dengan izin, yang termurah sekali di dalam dunia ini. Adakah pihak Kementerian merancang supaya lapangan terbang Subang ini boleh menjadi satu tempat yang membekalkan duty free goods yang termurah sekali di rantau ini?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa sememangnya banyak kekurangan khususnya dari segi communication ke Pulau Tioman dan juga accommodation, dengan izin. Maka dengan sebab itu usaha-usaha sedang dijalankan untuk membaiki lagi keadaan ini. Pada 8hb November ini chalet-chalet berharga murah akan dibuka secara rasmi di Pulau Tioman untuk menambah lagi tempat tidur bagi mereka yang melawat Pulau Tioman.

Berkenaan dengan Abu Dhabi, saya kurang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat mengatakan barang yang tidak bercukai di Abu Dhabi paling murah dalam dunia. Rokok, sebagai misalannya, lebih murah di lapangan-terbang Kuala Lumpur berbanding dengan rokok di Abu Dhabi, iaitu barang yang tidak bercukai. Namun demikian, bukanlah tujuan saya untuk menyalahkan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi sememangnya kita juga bercadang untuk membesarkan lagi lapangan-terbang khusus untuk menambahkan lagi kedai-kedai bebas cukai dan kita percaya bangunan tambahan itu akan siap pada penghujung tahun ini, insya Allah dan di awal tahun hadapan akan bertambahlah kedai-kedai bebas cukai ini.

#### MESIN JACK-POT

**8. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa berapa jumlah mesin jack-pot telah diluluskan kepada kelab-kelab co-operate sehingga 1-1-1988 dalam negara ini. Dan berasaskan apakah kelulusan ini diberikan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah mesin slot yang diluluskan kepada kelab-kelab syarikat korporat sehingga 1-1-1988 ialah sebanyak 1,442 unit. Asas-asas yang digunakan pada amnya semasa menimbangkan permohonan lesen mesin slot tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kelab syarikat hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh syarikat berhad yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965;
- (ii) kelab hendaklah mempunyai sistem dan peraturan kawalan yang ketat dan sempurna. Ini termasuklah mengadakan

kawalan di pintu masuk bilik mesin slot di mana orang ramai yang bukan ahli kelab dan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah dilarang memasuki bilik mesin slot untuk bermain mesin slot.

Bilangan 1,442 unit ini tidak termasuk Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis dan tidak ada kelab yang dimaksudkan oleh kerana itu tidak ada mesin slot yang ada atau diluluskan di negeri-negeri tersebut.

- (iii) kelab syarikat hendaklah bergiat dalam bidang rekreasi dan sukan serta menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan sukan kepada ahli-ahlinya; dan
- (iv) kelab hendaklah mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kelab tersebut.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah mesin slot yang telah dibenarkan oleh Kerajaan, bolehkah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah hasil pendapatan yang dipungut oleh Kerajaan daripada jumlah mesin itu. Jika sekiranya hasil pendapatan itu lumayan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lagi lesen-lesen tersebut.

**Tuan Mohd. Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan hasil ataupun pungutan duti mesin slot bagi tahun 1980 hingga September, 1988 yang kita ada, izinkan saya membaca sedikit:

Tahun 1980 — \$230,000

Tahun 1988 hingga September — \$6,392,318.17

Pada masa ini pada dasarnya Kerajaan tidak bertujuan membesarkan bilangan mesin-mesin slot yang telahpun diluluskan. Setakat ini, untuk makluman Yang Berhormat, ianya adalah dibekukan buat sementara waktu.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada jumlah mesin slot yang telah diluluskan oleh Kerajaan kepada kelab-kelab korporat, adakah didapati kelab-kelab ataupun sindiket-sindiket menjalankan kegiatan ini secara haram atau tanpa lesen? Jikalau ada, apakah tindakan atau langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini dan jikalau ada berapakah kes yang sudah dihadapi ke mahkamah setakat ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan ada juga terdapat sindiket-sindiket haram yang telahpun menjalankan mesin slot ini dan setakat yang ada makluman pada kita, kita telahpun mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada tetapi untuk makluman terperinci, saya tidak ada sekarang ini dan saya mohon notis.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini beberapa lesen telah dilulus dan dikeluarkan oleh Kementerian ini untuk menubuhkan beberapa off-course-betting centre. Bukankah ini satu keputusan yang tidak diingini kerana ia menggalakkan perjudian dan meracun fikiran orang ramai?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa ramai pengunjung-pengunjung kelab yang ada mesin jackpot ini terdiri

daripada bukan ahli-ahli kelab itu, malah membenarkan orang-orang Islam berjudi di tempat tersebut. Kelab-kelab ini telah menyalagunakan kebenaran yang diberi. Soalan saya, bagaimana Kementerian hendak mengawal penyelewengan yang berlaku ini dan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak semula peraturan-peraturan atau Akta ini supaya orang-orang Islam dilarang dari masuk ke dalam kelab-kelab tersebut.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan ada juga kelab-kelab yang telahpun membenarkan kadang-kadang secara sengaja atau tidak orang-orang yang disifatkan bukan ahli oleh kelab-kelab tersebut, tetapi Kementerian Kewangan sentiasa dari satu masa ke satu masa telahpun menghantar ataupun mengarah pegawai-pegawai daripada Kementerian dengan kerjasama polis untuk mengawasi kawasan kelab-kelab tersebut supaya tidak diselewengkan syarat-syarat yang telahpun ditetapkan oleh Kerajaan semasa meluluskan lesen-lesen tersebut.

Pada peringkat ini memang apabila saya katakan tadi bahawa Kerajaan sudahpun membekukan buat sementara pengeluaran lesen-lesen tersebut adalah bertujuan untuk menyemak semula dasarnya semula ataupun melihat sekaligus masalah-masalah yang timbul daripada pengeluaran lesen-lesen tersebut ataupun masalah-masalah yang timbul semasa kelab-kelab ini menjalankan aktiviti mereka.

## PEKERJA HARAM

9. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan anggaran jumlah pekerja haram yang sedia ada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, dan mengapa mereka tidak didakwa di bawah

undang-undang yang sedia ada; nyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini demi memastikan rakyat Malaysia yang menganggur diberi keutamaan dalam perkara mencari pekerjaan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini pihak Kerajaan tidak mempunyai satu anggaran yang tepat mengenai jumlah pekerja-pekerja haram yang sedia ada di negara ini. Ini adalah kerana kemasukan mereka ke negara ini adalah melalui pintu masuk yang tidak sah dan sering berpindah-randah (mobile) dari satu tempat ke satu tempat yang lain mengejar nafkah.

Mereka yang ditangkap oleh pihak Kerajaan akan didakwa di mahkamah mengikut undang-undang yang sedia ada dan terpulang kepada pihak mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, beberapa langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah:

- (a) Menangkap dan mengusir keluar para pekerja haram ini ke negara asal mereka. Tindakan ini sering dilaksanakan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis di seluruh negara.
- (b) Kerajaan juga melalui Wisma Putra selalu menerangkan masalah ini kepada negara-negara yang berkenaan terutama untuk mengambil tindakan menyekat daripada pekerja-pekerja haram ini untuk datang ke negara ini.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini adakah pihak berkuasa telah berjaya menangkap mereka yang menyeludup masuk pekerja-pekerja haram ke negara kita dan adakah terwujud sebuah sindiket yang bertanggungjawab membawa masuk pekerja-pekerja haram itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak yang bertanggungjawab seperti Imigresen dan Polis memang sentiasa mengadakan rondaan-rondaan dan kawalan-kawalan untuk menentukan bahawa pekerja-pekerja haram ini dapat dibanteras, ditangkap dan dihantar pulang. Tetapi oleh kerana adanya masalah-masalah yang kadangkala sukar diselesaikan, misalnya ada tuan-tuan ladang yang sengaja menyembunyikan pekerja-pekerja haram ini, saya tidak nafikan kemungkinan besar ada sindiket-sindiket yang cuba dan yang telah berjaya membawa pekerja-pekerja haram ini, ke dalam negara ini. Inilah menyebabkan kesukaran kepada pihak yang berkuasa.

Saya tidak dapat memastikan adakah benar-benar sindiket yang berorganised. Namun begitu pihak Polis dan Imigresen sedang menyiasat perkara ini dan baru-baru ini pihak berkuasa Indonesia telah memberi amaran bahawa jikalau sekiranya didapati sindiket mengatur kedatangan pendatang haram atau pekerja-pekerja haram ke Malaysia, tindakan yang tegas akan diambil. Ini menunjukkan satu kerjasama yang erat telah wujud di antara kedua negara.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, apakah anggaran pihak Kementeriannya mengenai bilangan pendatang ini di Sabah, sama ada 300,000 ataupun 500,000?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk pelarian Filipina bilangannya 78,000. Pendatang haram yang lain dianggarkan lebih kurang antara 200,000 ke 300,000 orang dan usaha-usaha sedang dijalankan antara dua negara bagaimanakah masalah ini dapat kita selesaikan secara yang baik.

### PERUMAHAN BAGI PEKERJA LADANG

**10. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Buruh menyatakan adakah Yang Berhormat Menteri sedar beberapa ladang-ladang seperti Ladang Pilmoor, Ladang Kinrara, Ladang Castlefield dan beberapa ladang-ladang yang lain yang terlibat beberapa Tuan Ladang seperti Sime Darby, Harrison & Crossfield, UDA, Island Peninsular, Magnum, Golf Resorts Sdn. Bhd. dan lain-lain, sedang mengambil tindakan mahkamah untuk memaksa pekerja-pekerja mereka keluar dari rumah-rumahnya tanpa pemberian kemudahan alternatif kepada mereka. Sebab apakah pihak Kementerian tidak mengambil berat di atas masalah ini. Bukankah ini suatu perkara kemanusiaan di bawah mana pekerja-pekerja yang telah menyumbang jiwa raga kepada tuan tanah, tetapi pada akhirnya tuan tanah dapat mengeluarkan pekerja-pekerja tersebut tanpa apa-apa alternatif untuk menyara kehidupan mereka. Hingga masa kini apakah sumbangan Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah di ladang-ladang yang telah dinamakan di atas. Berapakah kes-kes yang telah diselesaikan dengan sempurna iaitu dengan pemberian rumah-rumah alternatif dan berapa kes yang telah dipaksa keluar.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh pernah memberi jawapan

kepada soalan yang serupa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor di Dewan yang mulia ini pada 7hb Julai, 1988.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa masalah perumahan yang dihadapi oleh bekas pekerja-pekerja beberapa ladang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor adalah di luar bidangkuasa Kementerian Buruh. Di bawah Undang-undang Buruh yang dikuatkuasakan, tiada peruntukan yang mewajibkan majikan menyediakan rumah untuk bekas pekerja-pekerja mereka. Undang-undang buruh yang berkenaan hanya boleh dikuatkuasakan dalam perkara ini jika masih wujud perhubungan di antara majikan dan pekerja. Dalam kes-kes yang dibangkitkan dalam soalan dari Ahli Yang Berhormat, perlu dijelaskan bahawa perhubungan majikan/pekerja tidak lagi wujud kerana ladang-ladang berkenaan telah dipindahmilik kepada pemilik-pemilik baru. Oleh itu pemilik-pemilik baru tidak boleh dipaksa untuk menyediakan kemudahan alternatif kepada bekas pekerja-pekerja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh walau bagaimanapun telah membantu sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah pemberhentian pekerja-pekerja yang terlibat di Ladang Castlefield dan Ladang Kinrara. Hasil rundingan tersebut, persetujuan telah dicapai di antara kedua-dua pihak, iaitu majikan dan pekerja mengenai faedah-faedah yang perlu dibayar di bawah undang-undang buruh yang berkenaan.

Kementerian Buruh tidak dapat campurtangan sekiranya pemilik-pemilik baru itu ingin mengambil tindakan mahkamah untuk memaksa bekas pekerja mengosongkan rumah-rumah yang mereka duduki kerana ia

merupakan satu tindakan sivil yang perlu diselesaikan di antara kedua-dua pihak yang berkenaan.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar Ladang Castlefield, Ladang Pilmoor dan Kinrara tidak ikut undang-undang buruh yang menyediakan rumah kepada semua orang pekerja. Estet-estet dan ladang-ladang berkenaan tidak ada api dan air. Api tidak ada di Castlefield dan Kinrara dan rumah-rumah di situ tidak boleh lagi diduduki sebab ladang ini sudah dibeli oleh syarikat-syarikat perumahan, tetapi syarikat ini kata dia tidak bertanggungjawab atas perkara ini, sebab perkara ini bukan kuasa dia. Dia kata dia sudah beli harta tetapi dia bukan beli "nyawa" pekerja di sana. Macam manakah Kementerian Buruh akan mengambil tindakan undang-undang atas majikan-majikan ini untuk dibawa ke mahkamah? Macam mana tindakan akan diambil atas perkara ini? Umpamanya di bawah undang-undang, ada standard bagi rumah yang hendak diikuti tetapi mereka tidak ikut undang-undang itu. Macam mana Kementerian mahu ambil tindakan?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang yang ada, jika sekiranya majikan itu menyediakan rumah, mereka mesti mengikut standard yang telah ditetapkan misalannya luas dan juga jumlah bilik rumah itu, bekalan air yang bersih dan sebagainya, dan jika sekiranya majikan ladang ini melanggar undang-undang ataupun seperti standard yang telah ditetapkan kita akan mengambil tindakan. Kita mula-mulanya memberi nasihat dan kalau mereka tidak dapat jelaskan sebab-sebab munasabah kita akan ambil tindakan, tetapi soalan asal ini ialah berkait dengan apakah yang telah kita buat kepada bekas pekerja ladang itu dan saya telah jawab, Tuan

Yang di-Pertua, dalam hubungan ini tidak ada lagi hubungan di antara majikan dan pekerja, maka tidak ada apa yang dapat kita buat, melainkan kita bantu. Soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Puchong sudah berbeza skopnya, dia membangkitkan soal rumah dan adakah memenuhi syarat ataupun tidak.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun saya sedar pihak Kementerian tidak boleh memaksa pihak majikan untuk memberi rumah-rumah alternatif, tujuan untuk saya membangkitkan soalan ini ialah untuk menyedari pihak Kementerian iaitu peranan yang telah dimainkan oleh pihak Kementeriannya tidak ada apa-apa kesan untuk menyelesaikan masalah ini. Sejauhmana yang saya ketahui, pihak Kementerian telah pun membuang masalah ini kepada pihak lain dan tidak ingin mengambil inisiatif untuk berhubung dengan pihak majikan dan menyumbang kepada pihak pekerja-pekerja untuk menyelesaikan masalah ini. Inilah tujuan yang telah saya bangkitkan di sini dan saya ingin dapat tahu sebab apa pihak Kementerian sudah cuci tangan di atas perkara ini.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan daripada Yang Berhormat itu telah tercapai, terima kasih banyak. Tetapi soal kita cuci tangan ini tidak betul. Kita hanya buat bidang kuasa kita tetapi kita tidak mahulah sibuk-sibuk campur yang bukan kerja kita. Kalau kerja kita, kita beri jaminan mesti kita buat, tetapi kalau bukan kerja kita, kita tidak boleh buat. Terima kasih.

#### PELAN INDUK PERINDUSTRIAN—PERLAKSANAAN

11. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat

manakah kemajuan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian dan apakah faedah-faedah nyata yang dinikmati oleh negara dan rakyat Malaysia hasil daripada pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Induk Perindustrian (PIP) merupakan satu panduan rancangan bagi jangka masa 1986-1995 untuk menjadikan sektor perkilangan sebagai jentera pendorong perkembangan ekonomi negara. Selaras dengan syor-syor PIP, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menghapuskan halangan-halangan yang ada bagi mewujudkan satu iklim pelaburan yang lebih menarik supaya mencapai objektif membangunkan dengan lebih pesat sektor perkilangan dan meningkatkan eksport. Langkah-langkah yang telah diambil seperti kelonggaran dalam keperluan perlesenan, penyertaan ekuiti asing serta pengwujudan galakan-galakan pelaburan yang lebih menarik telah dapat menarik pelabur-pelabur asing. Di samping itu bagi tujuan melaksanakan PIP dengan lebih berkesan lagi sejak bulan Julai, 1986, 13 pasukan petugas telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengawasi pembangunan 12 sektor-sektor industri yang dikenalpasti untuk pembangunan di bawah PIP.

Pasukan-pasukan petugas tersebut telah berjaya mengenalpasti masalah yang dialami bagi tiap-tiap sektor dan syor-syor yang sesuai telah dikemukakan kepada Jabatan yang berkenaan untuk memajukan sektor tersebut. Bagi maksud meningkatkan keupayaan teknologi tempatan Kerajaan telah menubuhkan institusi seperti MIMOS untuk membantu Kerajaan dalam kerja-kerja

penyelidikan. Kerajaan telah juga memperkenalkan galakan-galakan untuk syarikat-syarikat yang menjalankan R&D atau penyelidikan dan pembangunan dan juga latihan-latihan dalam bidang-bidang tertentu.

Sungguhpun pada ketika ini hasil PIP itu adalah terlalu awal untuk dilihat dari segi pencapaian matlamatnya dari segi eksport, pencapaiannya sangat menggalakkan, terutamanya bagi industri-industri berasaskan getah, kelapa sawit, kimia, logam bukan ferros, tekstil dan pakaian, jentera dan kejuruteraan. Secara keseluruhannya, sumbangan sektor perkilangan kepada keluaran domestik negara kasar yang telah meningkat daripada 20.9% dalam tahun 1986 kepada 22.4% dalam tahun 1987 adalah agak memuaskan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah keutamaan yang telah diberi kepada perlindungan alam sekitar dalam melaksanakan Industrial Master Plan ini untuk mengelakkan daripada tragedi yang telah berlaku di negara-negara maju?

Kedua, apakah keutamaan sedang diberi kepada industri-industri yang berasaskan kepada komoditi utama negara kita seperti getah, kayu, rotan dan sebagainya untuk tujuan eksport supaya kita boleh menambah nilai barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, adalah banyak langkah-langkah perlindungan di dalam Plan Induk Perindustrian, tetapi langkah-langkah itu semua dilindungi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Mengenai soalan yang kedua, seperti saya dari masa ke semasa adalah memaklumkan di dalam atau di luar Dewan yang mulia ini, bagi semua sektor yang dikenalpasti oleh Pelan

Induk Perindustrian kita meningkatkan penggunaan sumber-sumber tempatan iaitu yang disebut oleh Yang Berhormat. Dalam tahun 1987 sejumlah 333 projek-projek baru telah diluluskan terdiri dari 156 projek untuk industri-industri berasaskan sumber dan 177 projek untuk industri-industri bukan berasaskan sumber. Bagi 8 bulan pertama tahun ini jumlah keseluruhan projek telah meningkat kepada 428 projek di mana 286 projek untuk industri-industri yang berasaskan sumber dan 152 projek untuk industri yang bukan berasaskan sumber. Adalah jelas bahawa dalam dua tahun kebelakangan ini sektor perkilangan telah berkembang dengan pesat dan berbagai jenis keluaran telah diusahakan bukan sahaja untuk pasaran dalam negeri, malah juga untuk dieksport. Di sini kita boleh melihat pencapaian di dalam guna sumber-sumber tempatan telah berjaya.

**Dato Dr Afifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di masa PIP dilancarkan lebih kurang 2 tahun setengah yang lalu, modal tempatan iaitu modal dari dalam negeri menurun jika dibandingkan dengan kemasukan modal dari luar negeri. Di dalam jawapan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa PIP telah dapat menarik modal dari luar negeri yang banyak. Soalan saya adakah semenjak pelancaran PIP ini modal dari dalam negeri untuk sektor pengilangan bertambah. Kalau dapat berapa banyakkah penambahan dan bagaimana pula dengan pekerjaan ataupun, dengan izin, employment.

Soalan kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang R&D, iaitu peningkatan tahap R&D. Jadi, saya ingin bertanya apakah SIRIM telah dilengkapi dengan kemudahan ataupun kebolehan, dengan izin, capacity untuk mengambil daya utama di dalam

meningkatkan teknologi perindustrian ini dan bagaimana pula peranan SIRIM di dalam MIMOS Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, di sini saya hendak menekankan lebih sekali, PIP ada menggalakkan pelaburan melibatkan modal tempatan. Sebenarnya, modal tempatan dari pelaburan adalah lebih kalau kita membandingkan dengan pelaburan dari luar negeri. Tetapi di sini saya tidak ada angka-angka, tetapi saya harap Yang Berhormat boleh memberi saya notis.

Mengenai soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat, SIRIM sekarang bukan dikawal oleh Kementerian saya tetapi tugas-tugas SIRIM iaitu untuk "testing" sahaja, dengan izin, tetapi MIMOS ialah satu institusi atau organisasi untuk menjalankan penyelidikan asas dangunaan dalam bidang mikro-elektronik, itu satu R&D yang istimewa (special) untuk bidang mikro-elektronik sahaja.

## LESEN BOT LAUT DALAM

**12. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga hari ini sudah berapa banyakkah Lesen Bot Laut Dalam telah diluluskan. Dari jumlah itu berapa bilangan yang telah beroperasi. Berapa ramai nelayan yang telah dapat bekerja dan dari bilangan itu berapa nelayan tempatan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 406 unit lesen bot laut dalam telah diluluskan di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah ini, bilangan bot yang sedang beroperasi ialah 146. Bilangan nelayan yang bekerja di atas bot-bot tersebut ialah sejumlah 2,200 orang

dan separuh darinya adalah terdiri dari nelayan tempatan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa jumlah lesen yang dikeluarkan untuk laut dalam begitu banyak manakala yang beroperasi begitu kecil. Apakah sebab-sebab perkara ini berlaku dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa kekurangan mereka yang mendapat lesen untuk beroperasi di laut dalam ialah kerana sukar mendapat pinjaman untuk membeli bot kerana institusi bank kewangan sukar memberi pinjaman untuk kaum nelayan membeli bot. Oleh itu, adakah Yang Berhormat bercadang untuk meminta dengan pihak Kerajaan meningkatkan, memulihkan kembali Skim Khidmat Kredit yang diberi kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, satu ketika dahulu, supaya memudahkan mereka ini mendapat pinjaman dan biarlah peruntukan itu mencukupi seperti misalnya contoh \$50 juta ataupun \$100 juta, bukan \$7-\$8 juta hanya 3-4 buah bot sahaja. Maka kalau itulah dibuat, mungkin operasi laut dalam akan berjaya dan tidak payahlah kita heboh-heboh lagi, kita terpaksa mengimport ikan \$300 juta lebih setahun dan apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan dan saranan yang saya buat bagi mengatasi masalah operasi laut dalam ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kesemua 140 unit bot sedang beroperasi, 64 unit bot sedang dibina dan 127 unit bot belum dibina tetapi akan dibina. Sebanyak 159 unit kelulusan lesen telah ditarik balik oleh kerana pemohon tidak dapat membina bot dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh yang ditetapkan ialah 8 bulan dan di dalam 8 bulan ini pemohon-pemohon mestilah dapat menyelesaikan masalah-masalah ini dan termasuk pinjaman-pinjaman.

Berkenaan kesusahan mendapat pinjaman daripada Bank Pertanian, Bank Pertanian sekarang ada satu skim khusus kepada petani dan nelayan iaitu Skim pinjaman Khas Pertanian (SPKP) dan faedah (interest rate) ialah 4% sahaja dan nelayan-nelayan yang dapat kelulusan bolehlah memohon pinjaman ini dan SPKP ini ialah satu khas untuk petani-petani dan nelayan-nelayan. Oleh sebab ada skim SPKP ini, kita tidaklah perlu mengkaji semula Skim Khidmat Kredit yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kalaulah Yang Berhormat ada apa-apa kes yang tidak boleh dapat pinjaman, silakan berikan butir-butir kepada saya dan saya boleh kemukakan kepada Bank Pertanian.

**Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sehingga kini sejauh manakah pencapaian atau kemajuan yang telah dicapai oleh nelayan-nelayan kita telah beroperasi atau meneroka laut dalam di dalam negara?

Yang keduanya, adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa ramai di antara nelayan kita yang tidak sabar untuk berada di laut dalam lebih daripada seminggu, sehingga ada yang mohon berhenti?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pencapaian operasi laut dalam, apa yang saya sebutkan ialah 146 unit bot telah menjalankan operasi dan saya tidak ada angka-angka berkenaan beberapa tan ikan yang ditangkap oleh 146 bot itu, tetapi saya boleh beritahu Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, hasil-hasil daripada tangkapan bot-bot laut dalam ini adalah memuaskan.

Berkenaan nelayan-nelayan yang tidak sabar untuk tinggal di laut, inilah satu faktor yang kita ada mengkaji dengan mendalam dan ada kemungkinan kita mesti mengubah

sikap nelayan-nelayan tempatan supaya mereka sanggup pergi ke laut dalam dan boleh duduk di laut 7 hari atau lebih. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat ini, jumlah nelayan-nelayan yang ada di bot-bot laut dalam nelayan tempatan adalah 1,000 daripada jumlah 2,200 dan ini kita rasa adalah memuaskan.

#### AMPANGAN HULU KELANG— KESELAMATAN

**13. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah keselamatan ampangan di Hulu Kelang terjamin terutamanya di musim hujan lebat. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan keselamatan ampangan tersebut.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa keadaan keselamatan di Ampangan Hulu Kelang adalah terjamin, terutamanya pada musim hujan lebat. Dalam hal ini, saya sendiri bersama-sama dengan beberapa pegawai-pegawai atasan Kementerian Kerjaraya dan juga Jabatan Kerjaraya telah melawat ampangan tersebut pada 25hb Oktober, 1988 dan berpuashati akan keselamatan ampangan itu.

Di dalam lawatan itu juga saya sendiri mengarahkan pihak Jabatan Kerja Raya supaya sentiasa mengkaji semua aspek perhubungan dengan keselamatan ampangan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang terakhir yang telah dibuat untuk memeriksa tentang keselamatan ampangan ini adalah pada tahun 1987 di mana ianya adalah terjamin sebagai baik dan selamat.

Akhir kata sekali lagi saya ingin meyakinkan kepada penduduk-penduduk di kawasan persekitaran

ampangan supaya tidak kluatir dan ragu-ragu lagi mengenai keselamatannya.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri menjangka bahawa ampangan Ulu Klang ini akan rosak manakala Lebuhraya Fraser's Hill—Cameron Highlands dibina, kerana selepas Lebuhraya itu dibina nanti mungkin kawasan tadahan atau "catchment area" akan berubah dan menyebabkan keadaan hujan yang turun di kawasan tersebut berlainan dengan apa yang berlaku pada masa ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya aliran yang ditetapkan oleh Lebuhraya dari Genting Highlands ke Bukit Fraser dan Cameron Highlands tidak ada apa-apa kaitan dengan kawasan yang kita sedia ada di ampangan ini. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian cadangan itu daripada Ahli Yang Berhormat, dan saya akan minta untuk siasatan lebih mendalam atas perkara ini.

#### MAS—JUMLAH PESAWAT

**14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah pesawat yang dimiliki oleh MAS setakat ini. Nyatakan bilangan dan jenis pesawat yang ditempah dan yang diterima dalam sepanjang tahun 1987 dan 1988 serta jumlah wang yang diguna dan akan diguna dalam pembelian dan/atau tempahan itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pesawat yang dimiliki oleh MAS pada

masa ini ialah sebanyak 37 buah. Pesawat-pesawat ini terdiri daripada:

- 3 buah B747
- 3 buah DC10
- 4 buah Airbus
- 12 buah B737
- 11 buah F27; dan
- 4 buah Twin Otter.

Bagi tempoh tahun 1987 hingga 1988, MAS telah hanya menerima sebuah pesawat baru jenis B737 yang dibeli dengan harga kira-kira \$38 juta. Bagi tempoh yang sama, MAS telah menempah 3 buah pesawat B747-400 dan 9 buah pesawat jenis F50. Kos pembelian pesawat-pesawat baru B747 dan F50 berserta dengan alat-alat gantiannya adalah dianggarkan berjumlah \$1,200 juta.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah sedikit sebanyak tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberi oleh MAS kepada pelancong-pelancong yang datang daripada luar negeri melalui Singapura ke Sarawak, dan mereka saya rasa berminat kalau sekiranya SIA dibenarkan datang ke Sarawak. Jadi adakah pembelian pesawat-pesawat baru ini secara tidak langsung ataupun langsung satu bukti yang ditunjukkan oleh Kerajaan untuk menghalang SIA untuk datang ke Sarawak dan memberi satu jaminan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang tanpa SIA ke Sarawak pun pelancong-pelancong boleh diberi khidmat oleh pihak MAS untuk ke Sarawak?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul soal memberi bukti untuk menghalang sesiapa. Apa yang akan dibuat oleh MAS, ialah dengan bertambahnya pesawat-pesawat baru yang akan tiba insya

Allah, penerbangan ke Singapura akan dapat ditambah sesuai dengan tambahan-tambahan di tempat lain juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 4, 5 dan 15 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).*

### PASARAN EROPAH—HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI

**1. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke Republik Persekutuan Jerman dan Belgium berhubung dengan penubuhan Pasaran Akta Eropah Tunggal yang dirancang pada tahun 1992 dan juga perjumpaan dengan Perdana Menteri Puan Margaret Thatcher berhubung dengan usaha bagi peningkatan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara termasuk tambahan penerbangan MAS ke London.

15-11-88

**12. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri ke Jerman Barat baru-baru ini dan apakah harapan kita dalam konteks hubungan ekonomi dengan negara tersebut.

25-11-88

**7. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang ditanggung semasa Y.A.B. Perdana Menteri dan rombongan melawat Jerman Barat baru-baru ini;

- (b) apakah hasil lawatan tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Dengan izin, saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat pada 15hb November 1988 dan Padang Serai pada 25hb November 1988 mengenai perkara yang sama.

Lawatan rasmi Y.A.B. Perdana Menteri ke Republik Persekutuan Jerman (RPJ) pada 18 hingga 22hb September dan Belgium pada 22 hingga 24hb September, 1988 telah menghasilkan faedah dan kejayaan yang besar. Semasa lawatan tersebut, Y.A.B. Perdana Menteri telah membangkitkan beberapa isu kepentingan bersama dengan pemimpin negara-negara tersebut yang bertujuan untuk mempereratkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan kedua-dua buah negara itu. Di RPJ, Y.A.B. Perdana Menteri telah membangkitkan beberapa isu dua hala dengan pemimpin-pemimpin Jerman, termasuk soal perdagangan dan pelaburan, masalah dadah, kerjasama di bidang kebudayaan dan pelancongan, penambahan penerbangan MAS dan masalah pelarian Vietnam yang dihadapi oleh Malaysia. Hasil dari perbincangan yang telah diadakan sangatlah menggalakan dan tindakan susulan akan diambil oleh agensi-agensi berkenaan. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah mengambil kesempatan untuk menerangkan keadaan sebenar di negara kita mengenai isu penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, kes-kes pergantungan hakim-hakim serta isu pembalakan yang dijalankan di Malaysia dengan tujuan memperbaiki imej Malaysia akibat laporan berat sebelah yang disebarkan oleh media barat.

Di Belgium pula, perbincangan mengenai isu-isu dua hala untuk kepentingan bersama telah juga diadakan. Y.A.B. Perdana Menteri

telah menjemput ahli-ahli perdagangan Belgium untuk melabur di dalam perusahaan kereta Proton Saga dan beliau juga menyuarakan kemungkinan Malaysia mengeksport kereta tersebut ke negara-negara Eropah.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin RPJ dan Belgium mengenai isu-isu antarabangsa seperti masalah Kampuchea, Afghanistan, Palestin, hubungan Iran-Iraq dan penubuhan pasaran tunggal Eropah. Kebimbangan Malaysia terhadap penubuhan pasaran tunggal Eropah menjelang 1992 telah mendapat perhatian pemimpin-pemimpin RPJ, Belgium dan pihak Kesatuan Ekonomi Eropah. Malaysia berpuashati dengan jaminan mereka bahawa peluang pasaran barangan Malaysia ke Eropah akan terus terbuka. Bagaimanapun, kita akan terus memerhati perkembangan yang berlaku mengenai perkara ini.

Oleh kerana Kerajaan-kerajaan RPJ dan Belgium telah memberikan taraf tetamu kepada rombongan Y.A.B. Perdana Menteri, perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia ke atas lawatan-lawatan tersebut tidaklah begitu tinggi.

Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke London, walaupun tidak rasmi, telah juga mendatangkan kejayaan. Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani semasa lawatan tersebut bukan sahaja dapat mempertingkatkan lagi kerjasama di segi pertahanan, tetapi ia juga diharap dapat memperluaskan lagi kerjasama politik dan ekonomi di antara Malaysia dan Britain. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah membangkitkan permohonan MAS untuk menambahkan penerbangan ke London dengan Perdana Menteri, Puan Margaret Thatcher. Walau pun

tiada persetujuan dicapai, Puan Thatcher telah berjanji untuk mengambil tindakan sewajarnya. Malaysia berharap isu penambahan penerbangan MAS ke London akan dapat diselesaikan secepat mungkin.

## TANAH RUNTUH DI LEBUHRAYA

3. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

(i) Bilangan kejadian-kejadian tanah runtuh dan paras jalanraya tenggelam yang mengganggu lalulintas di sepanjang:

- (a) Lebuhraya Timur-Barat
- (b) Lebuhraya Karak
- (c) Lebuhraya Ipoh-Taiping
- (d) Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
- (e) Lebuhraya Kayu Hitam-Gurun; dan

(ii) Sebab-sebab kerap berlaku dan kos membaiki tanah-tanah runtuh dan paras jalan raya tenggelam ini.

**Dato' S. Samy Vellu:**

(i) Bilangan kejadian tanah runtuh dan paras jalanraya tenggelam yang terjadi di Lebuhraya-lebuhraya sehingga sekarang adalah seperti berikut:

- (a) Lebuhraya Timur-Barat, sebanyak 7 kejadian Jalan dan Tanah Runtuh yang melibatkan cerun-cerun telah berlaku sejak ia dibuka pada bulan Julai 1982.
- (b) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, sejak ia dibuka dalam tahun 1978 yang lalu sebanyak lebih dari 25 kejadian tanah runtuh telah berlaku di 25 tempat di sepanjang

jalan tersebut di mana satu kejadian telah berlaku dalam tahun 1987 dan jalan itu telah terpaksa di tutup kepada lalulintas selama 2 hari.

(c) Lebuhraya Ipoh-Taiping, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah Lebuhraya Ipoh-Changkat Jering dan hanya 1 kejadian tanah runtuh telah berlaku sejak Lebuhraya itu dibuka kepada lalu lintas pada pertengahan tahun 1986 yang lalu.

(d) Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, terdapat satu kejadian permukaan jalanraya tenggelam sejak ianya dibuka kepada lalu lintas dalam tahun 1978.

(e) Lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Gurun yang telah dibuka pada tahun 1985 yang lalu pula, tiada kejadian tanah runtuh berlaku di Lebuhraya ini, walau bagaimanapun terdapat kejadian enapan kebezaan (Differential Settlement) di beberapa bahagian permukaan Lebuhraya tersebut.

(ii) Kejadian-kejadian tanah runtuh di antaranya adalah disebabkan oleh hakisan air di permukaan tanah, khasnya di bahagian-bahagian cerun bukit yang telah dipotong. Kekurangan sistem peparitan yang sempurna di setengah-tengah cerun berkenaan telah juga menjejaskan lagi kestabilan cerun-cerun tersebut dan seterusnya menyebabkan ia runtuh.

Selain daripada itu cerun-cerun yang telah dipotong itu tidak mempunyai perlindungan yang cukup dan sukar diselenggarakan terutama bagi cerun-cerun yang curam.

Mengenai kes-kes tepi jalan runtuh pula khususnya yang berlaku di Lebuhraya Timur-Barat, perkara ini disebabkan oleh tambakan jalan raya yang tidak sempurna yang dilakukan semasa pembinaan jalan tersebut dilaksanakan.

Anggaran Kos bagi memperbaiki sejumlah 101 cerun di Labuhraya Timur-Barat adalah sejumlah \$180 juta dan Anggaran Kos bagi membaiki cerun-cerun di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ialah sejumlah \$46 juta. Kerja bagi membaiki di kedua-dua lebuhraya tersebut sedang dilaksanakan pada masa ini.

Kos Membaiki tanah runtuh di Lebuhraya Ipoh-Changkat Jering pula, dianggarkan sebanyak \$40,000 dan biayai oleh syarikat projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad, pihak swasta yang melaksanakan projek Lebuhraya Utara Selatan pada masa ini.

Kejadian permukaan Lebuhraya tenggelam yang berlaku di Kilometer 22 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban pula, adalah disebabkan oleh keadaan geoteknik tanahnya yang terdiri daripada batu kapur (lime stone) yang larut (dissolve) serta keruntuhan rongga-rongga (cavities) batu kapur di kawasan tersebut. Anggaran Kos membaikannya adalah sejumlah lebihkurang \$22 juta, di mana Kerajaan telah terpaksa

membina jambatan konkrit di bahagian berkenaan Lebuhraya tersebut.

Kejadian enapan kebezaan (differential settlement) permukaan Lebuhraya yang terjadi di Lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Gurun pula berlaku disebabkan ianya dibina di kawasan tanah jenis "Marine Clay" yang sedang mengalami proses penstabilannya oleh kerana berat beban Lebuhraya tersebut. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah lebihkurang \$400,000 bagi menurap semula permukaan Lebuhraya yang rosak tersebut.

#### INDUSTRI ROTAN

**4. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Dasar Masa Depan Industri Rotan dari segi:

- (a) menjadikan hasil rotan sebagai salah satu komoditi utama untuk eksport.
- (b) menyelaraskan penghasilan rotan secara jangka panjang untuk memenuhi keperluan kegiatan industri kraftangan berasaskan rotan bagi keperluan dalam negeri dan eksport.
- (c) mengkaji semula dasar cukai eksport rotan yang dikenakan sekarang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):**

- (a) adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan eksport barangan utama yang mempunyai nilai tambah. Memandangkan rotan dalam bentuk komoditi utama adalah rendah nilai tambahnya maka

Kerajaan tidaklah menggalakkan ianya dieksport dalam bentuk mentah.

- (b) untuk menyelaraskan penghasilan rotan dengan keperluan kegiatan industri kraftangan rotan yang berorientasikan pasaran dalam negeri mahupun yang berorientasikan eksport di dalam jangkamasa panjang, Kerajaan telah menjalankan program penanaman rotan disamping menggalakkan pihak swasta supaya menanam secara komersial. Kerajaan juga menjalankan penyelidikan bagi mengemukakan kaedah penanaman rotan yang paling sesuai di samping kaedah menyediakan benih rotan secara besar-besaran bagi penanaman komersial. Selanjutnya memandangkan penghasilan rotan pada masa ini masih belum digunakan secara optimum, Kerajaan menggalakkan pembangunan industri pemprosesan rotan melalui langkah-langkah seperti menaikkan duti eksport rotan, melaksanakan program latihan dalam pembuatan barangan-barangan rotan seperti dilakukan oleh Kemas dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, menyediakan insentif-insentif yang menarik untuk pelaburan dalam perusahaan-perusahaan rotan serta menjalankan program-program penggalakan pelaburan luar negeri di dalam perusahaan rotan di Malaysia.

- (c) dasar cukai eksport rotan sememangnya sedang dikaji semula pada masa ini dengan tujuan untuk menjadikannya lebih berkesan dalam membangunkan industri pemprosesan rotan di dalam negara, memelihara kepentingan pengusaha-pengusaha rotan

peringkat huluan (pencari rotan, pemborong dan pengawet rotan) serta melindungi inventori rotan di hutan Malaysia.

#### SEKOLAH SMK SIKUATI—PEMBINAAN

5. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab Bangunan "SMK Sikuati" dibina di Sikuati dan bukan di Kampong Pinawantai Kudat seperti yang dikehendaki oleh rakyat di kawasan Matungging.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab SMK Sikuati dibina adalah oleh kerana tapak untuk sekolah SMK Sikuati telah sedia ada dan kawasan ini mempunyai kemudahan asas yang utama iaitu elektrik, air dan jalan raya yang mana adalah merupakan perkara penting di dalam pembinaan sesebuah sekolah.

#### KUALA KRAI KAWASAN PERINDUSTRIAN

15. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menjadikan Kuala Krai menjadi kawasan Perindustrian bagi Negeri Kelantan selain dari kawasan yang ada hari ini, iaitu Pengkalan Chepa memandangkan ia terletak di tengah-tengah Negeri Kelantan, dan dapat dihubungi oleh jalan raya, keretapi dan juga mempunyai lain-lain kemudahan pengangkutan serta tenaga kerja. Dari segi lokasi dan juga kemudahan pengangkutan serta tenaga kerja, maka adalah wajar Kuala Krai dijadikan Pusat Perindustrian.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang

Berhormat bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak terlibat secara langsung dengan pembangunan Kawasan Perindustrian. Sesuatu rancangan Kawasan Perindustrian itu adalah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri termasuk Perbadanan dan Majlis-majlis Tempatannya, ataupun oleh pihak swasta atas kelulusan dari Kerajaan Negeri. Setakat ini, saya difahamkan bahawa belum ada lagi keputusan untuk menubuhkan Kawasan Perindustrian di Kuala Krai.

**SEKOLAH RENDAH/  
MENENGAH DI SARAWAK—  
PERUNTUKAN**

**16. Tuan James Jimbun anak Pungga** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak daripada jumlah peruntukan \$58.8 million yang dipinjam dari Bank Dunia akan diperuntukkan kepada Sarawak untuk membiayai perbelanjaan membina lebih banyak bilik darjah tambahan yang sangat diperlukan, asrama dan rumah tempat kediaman kepada guru-guru luar bandar.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pinjaman Bank Dunia Kesepuluh yang baru dirundingkan dengan pihak Bank Dunia, sebanyak \$13.15 juta telah pun diperuntukkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bagi melaksanakan projek-projek pendidikan khususnya pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah.

**YAYASAN KEBAJIKAN  
NEGARA—WANG  
TERKUMPUL**

**17. Tuan Tan Koi Wai** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (i) amaun wang yang terkumpul oleh Yayasan Kebajikan Negara sejak penubuhannya;

(ii) nama-nama pertubuhan atau institusi yang telah dan bercadang akan diberikan bantuan dan jumlah wang oleh yayasan ini; dan

(iii) sama ada bantuan wang akan diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan amal seperti rumah orang tua, rumah orang cacat, rumah kanak-kanak dan hospital yang diurus secara sukarela jika permohonan-permohonan dibuat kepada yayasan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) jumlah wang yang telah dikumpul dalam tabung Yayasan Kebajikan Negara sejak penubuhannya ialah lebih kurang \$13.3 juta;

(ii) setakat ini di antara Pertubuhan-pertubuhan Sukarela dan Institusi-institusi yang telah diberi bantuan oleh Yayasan ialah:

- Persatuan Orang-orang Pekak Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- The National Austistic Society of Malaysia;
- Rumah Seri Kenangan, Pasir Puteh, Kelantan;
- Majlis Pusat Kebajikan Kelantan;
- Majlis Pusat Kebajikan Malaya Cawangan Negeri Johor;
- Persatuan Kanak-kanak Spastik Johor;
- Johor Area Rehabilitation Organisation (JARO);

- Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Terengganu;
- Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- Majlis Pemulihan Malaysia;
- Sarawak Han Nam Siang Tng;
- Hospital Universiti;
- Hospital Besar, Kuala Lumpur;
- Majlis Pusat Kebajikan Malaya Semenanjung Malaysia; dan
- Hospital Mata Tun Hussein Onn.

Berhubung dengan soalan mengenai bantuan yang akan diberi oleh Yayasan Kebajikan Negara, ingin saya maklumkan bahawa mengikut amalan Yayasan Kebajikan Negara, sesuatu bantuan yang diberi adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima. Justeru itu, maklumat berhubung dengan nama pertubuhan-pertubuhan atau institusi yang akan diberi di masa hadapan tidak dapat dinyatakan oleh kerana ia akan bergantung kepada permohonan yang akan diterima oleh pihak Yayasan tersebut.

- (iii) Yayasan Kebajikan Negara akan menimbangkan pemberian bantuan jika permohonan diterima daripada badan-badan sukarela seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu permohonan yang diluluskan oleh Yayasan Kebajikan

Negara adalah berdasarkan kepada dua faktor iaitu:

- (a) projek yang dikemukakan hendaklah selaras dengan tujuan Yayasan Kebajikan Negara; dan
- (b) peruntukan adalah mencukupi dalam tabung Yayasan Kebajikan Negara.

### PROJEK LUAR BANDAR DI SIMUNJAN

18. Tuan Haji Bujang Haji Ulis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan kewangan bagi projek-projek luar bandar di Daerah Simunjan dalam tahun-tahun 1985, 1986, 1987 dan setakat bulan Ogos 1988 dengan memberi senarai projek-projek tersebut;
- (b) bilakah Kerajaan hendak menambah peruntukan tersebut memandangkan Daerah Simunjan amatlah jauh ketinggalan dalam bidang itu oleh daerah-daerah lain di Malaysia;
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi peruntukan percuma atau pinjaman tanpa faedah kepada siswazah-siswazah menganggur yang berasal dari luar bandar untuk menjalankan perusahaan-perusahaan kecil; kalau ya, bila dan berapakah jumlah peruntukan itu; dan
- (d) bagaimanakah kejayaan program melibatkan siswazah-siswazah menganggur dalam bidang industri kecil setakat ini.

**Setiausaha Parlimen, Kementerian  
Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):**

- (a) Jumlah peruntukan bagi program-program luar bandar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi tahun 1985 hingga tahun 1988 di daerah Simunjan, Sarawak ialah \$982,000. Pecahan agihan peruntukan bagi program-program berkenaan mengikut tahun 1985-1988 adalah seperti berikut:

1988	..	..	..	\$163,000
1986	..	..	..	\$273,000
1987	..	..	..	\$ 50,000
1988	..	..	..	\$496,000
				<hr/>
Jumlah	..	..	..	\$982,000
				<hr/>

- (b) Daerah Simunjan tidak ketinggalan dalam peruntukan projek-projek luar bandar. Daerah Simunjan akan terus diberikan peruntukan sewajarnya mengikut kemampuan agensi/Jabatan pelaksanaan dan cadangan oleh pihak berkenaan. Setakat ini 700,000 telah pun diluluskan untuk projek Jalan Luar Bandar (JALB) Daerah Simunjan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1989 atau 1990.
- (c) Kementerian ini mempunyai beberapa program untuk membangunkan industri kecil, termasuk industri kampung. Siswazah-siswazah menganggur yang berasal dari luar bandar adalah digalakkan untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu. Sejak dua tahun kebelakangan ini, sebanyak 30 buah projek kelolaan siswazah telah diluluskan bantuan mesin dan bengkel di bawah Program Industri Kampung. Projek-projek tersebut melibatkan 53

orang siswazah, dengan perbelanjaan kira-kira \$1.25 juta.

- (d) Setakat ini masih terlalu awal untuk mengukur kejayaan projek-projek tersebut kerana kebanyakannya masih dalam proses permulaan industrinya.

**BEKALAN ELEKTRIK**

**19. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Tenaga, Pos dan Telekom menyatakan apakah tindakan dan langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementeriannya untuk memberi bekalan elektrik kepada penyewa-penyewa yang tinggal di tanah-tanah persendirian yang tidak menikmati bekalan kerana tidak mendapat kebenaran dari tuan tanah untuk mendirikan tiang-tiang elektrik atas tanah itu.

**Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Pembekalan elektrik memanglah tanggungjawab LLN, tetapi ini hanya boleh dilakukan sekiranya syarat-syarat tertentu telah dipatuhi terlebih dahulu. Antara syarat-syarat lain, salah satu daripadanya ialah LLN perlu memastikan bahawa pemilik Tanah yang terlibat dapat memberi kebenaran kepada LLN untuk mendirikan tiang-tiang elektrik di atas tanah. Di dalam kes ini, pemilik tanah berkenaan tidak membenarkan LLN mendirikan tiang-tiang elektrik di atas tanahnya. Selagi kebenaran tidak diberi, maka selagi itulah LLN tidak dapat berbuat apa-apa kerana LLN mungkin akan didakwa di mahkamah sekiranya ia mendirikan jua tiang-tiang elektrik tanpa kebenaran pemilik tanah berkenaan.

**FILEM IMPORT DARI  
LUAR NEGERI**

**20. Tuan Nurnikman bin Abdullah**  
minta Menteri Penerangan

menyatakan berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh RTM untuk mengimport filem-filem dari luar negeri yang ditayangkan di kedua rangkaian TV iaitu TV1 dan TV2 bagi tempoh satu tahun. Negara manakah yang membekalkan filem terbanyak bagi RTM dan berapakah jumlah wang yang terlibat.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Berdasarkan kepada perbelanjaan tahun 1987, jumlah perbelanjaan ke atas sewaan rancangan-rancangan yang diimport dari luar negeri baik dalam bentuk filem ataupun pita-pita video ialah:

Melalui Belanja Mengurus	\$6,657,853
Melalui Akaun Amanah Tajaan	\$2,155,000
Belanja Tambang (Freight)	\$ 358,809
Jumlah	<u>\$9,171,662</u>

Sebanyak 75% daripada rancangan-rancangan tersebut dibekalkan dari negara Amerika Syarikat dan jumlah wang yang terlibat ialah \$6,878,746.

Sungguhpun begitu, dalam tahun ini semakin banyak rancangan-rancangan tempatan telah diadakan oleh RTM sendiri dan syarikat-syarikat penerbit swasta. Adalah hasrat Kementerian Penerangan untuk terus berusaha mengurangkan pembelian dari luar negeri dan meningkatkan kadar penerbitan dan pembelian program dari dalam negeri sendiri.

### RTM DISWASTAKAN

**21. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah benar RTM hendak diswastakan, kalau ya, apakah menafaatnya kepada negara terutama dari segi keselamatan dan moral.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** RTM tidak akan diswastakan. Ia tetap menjadi alat penerangan yang penting untuk berhubung dengan orang ramai.

Namun begitu demi melibatkan orang ramai terutamanya mereka yang terlibat dalam industri hiburan baik filem, video atau seniman-seniman yang berkaitan dengannya, RTM telah pun memutuskan supaya penerbitan rancangan-rancangan tempatan RTM diswastakan dengan tujuan seperti berikut:

- Pertama : Untuk menambahkan penyertaan rakyat jelata di dalam penerbitan rancangan-rancangan tempatan.
- Kedua : Untuk meningkatkan mutu penerbitan tempatan.
- Ketiga : Untuk meningkatkan produktiviti.
- Keempat : Untuk mengembangkan perindustrian filem tempatan yang lemah sekarang dan untuk mengujudkan satu industri perfileman baru iaitu industri televisyen tempatan.

Kementerian Penerangan atau RTM melalui dasar ini akan hanya menerbitkan rancangan-rancangan berita dan beberapa penerbitan tempatan khususnya seperti rancangan "Hiburan Malam Minggu Ini" dan "Drama Minggu Ini". Segala penerbitan Kementerian ini yang dikendalikan oleh RTM sekarang akan diserahkan kepada rakyat tempatan secara peringkat demi peringkat.

Berikutan dengan itu Kementerian sedang berusaha untuk menjadikan RTM sebagai satu Perbadanan di mana kuasa-kuasa kewangan dan kuasa pengambilan dapat diserahkan kepada perbadanan tersebut untuk pengurusan yang lebih berkesan. Dengan cara begini diharapkan kecekapan dan produktiviti serta peningkatan hasil untuk Kerajaan dapat dicapai.

**KEMPEN ANTI DADAH—  
KESEDARAN**

**22. Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Latif** meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai penagih dan pengedar najis dadah setelah undang-undang bagi pencegahannya dikuatkuasakan:

- (a) apakah hasil positif telah dicapai;
- (b) berapakah kos perbelanjaan dalam setahun bagi mencegah dan menyelamatkan penagih-penagih sejak tahun 1985 hingga sekarang;
- (c) tidakkah Kementerian bercadang bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan supaya penagih-penagih yang ada di pusat pemulihan diberi latihan tentera dan kemudiannya diserapkan menjadi tentera simpanan khas yang terkawal.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Hasil-hasil positif yang dicapai sejak pelancaran Kempen Anti Dadah Kebangsaan dalam tahun 1983 adalah seperti berikut:
  - (i) Timbulnya kesedaran masyarakat mengenai bahaya dan masalah dadah dan terdapat kerjasama semua pihak untuk bersama-sama mencegah dan membanteras masalah penagihan dadah. Ini jelas kelihatan dengan terdapatnya penurunan dalam bilangan kes-kes penagih dadah baru dari 14,624 penagih dalam tahun 1983 kepada 7,596 dalam tahun 1987;
  - (ii) Bekalan dadah heroin dalam pasaran telah berkurangan, harganya telah meningkat

manakala ketulinannya telah menurun berikutan dari tindakan-tindakan tegas dan agresif pihak penguatkuasa dalam mengawal pengedaran dadah beserta dengan wujudnya undang-undang yang ketat;

- (iii) Sindiket-sindiket dadah antarabangsa mula mengelak dari menggunakan Malaysia sebagai negara "transit"; dan
- (iv) Usaha dan pendirian tegas negara Malaysia terhadap masalah dadah telah mula mendapat sokongan dan sanjungan dunia antarabangsa. Semakin banyak negara menyokong hukuman gantung untuk pengedar dan mengiktiraf masalah dadah di negara masing-masing. Kerjasama antarabangsa dalam memerangi masalah pengedaran dadah ini adalah sangat perlu dalam memerangi wabak dadah dengan berkesan.
- (b) Jumlah perbelanjaan setahun untuk mencegah dan menyelamatkan penagih-penagih najis dadah sejak tahun 1985 adalah seperti berikut:

1985	..	..	..	\$34,026,115
1986	..	..	..	\$54,427,964
1987	..	..	..	\$56,363,768

Bagi tahun 1987 juga sejumlah \$96,300,000 telah dibelanjakan daripada Tabung Akaun Amanah Anti Dadah untuk membiayai beberapa projek anti dadah.

Bagi pertubuhan bukan kerajaan pula, pihak PEMADAM

telah membelanjakan sejumlah \$934,432 dalam tahun 1985, \$812,609 dalam tahun 1986 dan \$1,181,686 dalam tahun 1987 untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan anti dadah anjuran mereka.

- (c) Di Pusat-pusat pemulihan bekas-bekas penagih ini memang ada diberi latihan ala-Tentera seperti berkawad dan menjaga disiplin diri yang ketat. Tetapi latihan Tentera sama seperti yang diberikan di Kem-kem Askar untuk tujuan menjadi ahli Tentera seperti yang Y.B. maksudkan belum ada dibuat lagi. Latihan tentera ini difikirkan tidak sesuai diberikan.

#### TELEFON—KENAIKAN WANG CAGARAN

**23. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak kenaikan cagaran telefon, jumlah wang yang dipungut dan sama ada pihak berkenaan bercadang membayar faedah ke atas cagaran tersebut; jika tidak, bukannya ini satu bentuk paksaan yang dikenakan ke atas rakyat oleh sebuah monopoli tanpa membekalkan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan kepada rakyat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Dalam soalan ini tiga perkara telah dibangkitkan. Perkara pertama yang dibangkitkan ialah kenaikan wang cagaran telefon.

Saya telah menjawab soalan ini semasa saya menjawab soalan Y.B. Tuan Hsing Yin Shean pada 14-10-88 iaitu Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) tidak menaikkan cagaran telefon dan saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan kepada jawapan yang telah diberi.

Berkenaan dengan soalan (2) setakat 30 September 1988, jumlah wang cagaran yang dipungut oleh STM daripada pelanggannya di seluruh negara berjumlah \$235,377,393.00. Pada tarikh yang sama hutang pengguna kepada STM ialah \$262,633,432.00, iaitu melebihi jumlah cagaran yang telah dipungut oleh STM.

STM tidak bercadang untuk membayar faedah kerana maksud wang cagaran ialah untuk mengurangkan risiko kehilangan hasil sekiranya pelanggan berkenaan gagal menjelaskan bilnya. Wang cagaran ini dikira sebagai tanggungan yang perlu dikembalikan apabila perkhidmatan telefon diberhentikan, setelah ditolak segala tunggakan yang ada.

#### KAMPUNG CEMPAKA—RASUAH ATAS PERUNTUKAN RUMAH

**24. Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau menerima salinan suatu pengaduan bertulis bertarikh 2 Mei 1988 beralamat kepada Menteri Besar Negeri Selangor daripada penduduk-penduduk di Kampung Chempaka Petaling Jaya;
- (b) bahawa pengaduan tersebut menubuh amalan rasuah dan ketidakadilan dalam peruntukan lot-lot perumahan di kampung tersebut;
- (c) adakah Biro Pencegah Rasuah (BPR) membuat penyiasatan di atas pengaduan ini, terutamanya mengenai peruntukan lot-lot bernombor 36, 37 dan 38 kepada keluarga-keluarga ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Chempaka;
- (d) adakah beliau sedar bahawa perbuatan seperti ini boleh dianggap sebagai suatu

perlakuan rasuah menurut Akta Pencegah Rasuah; dan

- (e) apakah keputusan penyiasatan, jika ada.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Badan Pencegah Rasuah Malaysia ada menerima satu maklumat bertulis sepertimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut merupakan dakwaan-dakwaan atau tuhmahan-tuhman umum yang memerlukan pengesahan lanjut daripada pihak-pihak yang terlibat.

Maklumat yang diterima itu masih lagi di dalam tindakan BPR dan dengan demikian ianya diklasifikasikan sebagai rahsia. Justeru itu, soalan-soalan seterusnya daripada Ahli Yang Berhormat tidak berbangkit.

#### PUSAT PENDIDIKAN TIDAK FORMAL

**25. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Perdana menyatakan:

- (i) setakat ini apakah kemajuan Program Pendidikan Tidak Formal (yang diganti dari kelas perpaduan) dapat dilaksanakan di negara ini;
- (ii) berapakah unit-unit yang ditubuhkan; dan
- (iii) apakah penekanan untuk merapatkan hubungan kaum.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Bagi tahun 1988 sahaja, sebanyak 70 buah Pusat Pendidikan Tidak Formal telah pun diwujudkan di seluruh negara. Dari 70 buah pusat itu, 59 pusat telah beroperasi sepenuhnya dengan program-program yang telah ditetapkan.

Penekanan kepada merapatkan hubungan antara kaum yang diberi di dalam program-program tersebut ialah dari segi penyertaan peserta-peserta dari berbagai kaum dan juga dari segi isi kandungan modul kurikulum terasnya. Isi kandungan modul tersebut termasuklah Nilai Bersama, Tanggungjawab Sosial, Kejiranan, Kewarganegaraan, Rukunegara, Unsur-unsur Perpaduan serta Individu dan Peranannya.

#### FAKIR MISKIN SEMUA KAUM

**26. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan fakir miskin di negara ini mengikut negeri-negeri dan apakah langkah-langkah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Pusat Islam bagi mengatasi keadaan sosial dan ekonomi mereka. Adakah Pusat Islam mempunyai angka-angka tentang fakir miskin yang sudah terkeluar dari kategori itu disebabkan oleh tindakan Pusat Islam untuk membantu mereka dan kiranya ada sila turunkan angka-angka tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor):** Bilangan keluarga termiskin dari semua kaum dan agama adalah seperti berikut:

		<i>Kadar Kemiskinan (% dari jumlah semua keluarga)</i>
Kedah .. .. .	34,300	13.51
Kelantan .. .. .	32,100	15.53
Sarawak .. .. .	27,370	9.70
Perak .. .. .	26,800	6.70
Sabah .. .. .	23,050	10.03
Terengganu .. .. .	15,000	11.58
Johor .. .. .	11,150	3.05
Pahang .. .. .	10,300	5.40
Selangor .. .. .	9,000	2.51
Pulau Pinang	8,300	4.08
Melaka .. .. .	5,200	5.45

		<i>Kadar Kemiskinan (% dari jumlah semua keluarga)</i>
N. Sembilan .. .. .	5,000	3.73
Perlis .. .. .	4,700	11.70
W. Persekutuan .. .. .	3,300	1.35
Malaysia ..	215,570	6.90

Dimaksudkan dengan keluarga termiskin ialah keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan \$175.00 dan kurang. Mungkin keluarga ini boleh dikategorikan sebagai keluarga fakir.

Jabatan-jabatan dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri ada memberi sumbangan dalam usaha-usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan iaitu memberi bantuan kepada orang-orang fakir dan miskin yang beragama Islam daripada wang zakat dan fitrah.

Bahagian Hal Ehwal Islam (Pusat Islam) sentiasa bekerjasama dengan semua pihak untuk mengatasi masalah kemiskinan. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri berusaha menyelaras dan memberi nasihat kepada pihak-pihak berkuasa agama Islam dalam semua perkara berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam dengan tujuan untuk mewujudkan pentadbiran hal ehwal Islam yang cekap, berkesan dan seragam di negara ini. Dalam hubungan ini peranan Bahagian Hal Ehwal Islam dalam usaha membasmi kemiskinan adalah secara tidak langsung.

Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan agama adalah merupakan dasar Kerajaan. Semua agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab dan terlibat dalam pelaksanaan Dasar ekonomi Baru ini

mengikut fungsi dan bidang kuasa masing-masing sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu jika seseorang atau sesuatu kumpulan orang miskin telah menjadi kaya itu bukanlah hasil kejayaan sesuatu agensi tertentu tetapi adalah hasil usaha bersama.

## PENGUNDI YANG BERDAFTAR

27. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pengundi yang berdaftar untuk tahun 1988, dan nyatakan pecahannya bagi setiap buah negeri; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa banyak nama-nama pengundi yang telah berdaftar tetapi tercicir tanpa sebab, dan ada beberapa orang telah mendaftarkan nama sebagai pengundi sebanyak dua tiga kali dan mengundi dua atau tiga kali pada pilihanraya negeri Sarawak yang lalu. Apakah tindakan yang wajar akan diambil oleh Kementerian ke atas perkara ini.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) Bilangan pemilih yang berdaftar sebagaimana yang disahkan pada 31hb Januari 1988 ialah seramai 7,086,738 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

(i) Perlis .. —	85,731
(ii) Kedah .. —	596,094
(iii) Kelantan .. —	475,986
(iv) Terengganu —	278,390
(v) Pulau Pinang —	511,184
(vi) Perak .. —	957,064
(vii) Pahang .. —	388,731

(viii) Selangor ..	—	773,207
(ix) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	—	470,573
(x) Negeri Sembilan	—	306,667
(xi) Melaka ..	—	243,768
(xii) Johor ..	—	875,353
(xiii) Wilayah Persekutuan Labuan	—	12,684
(xiv) Sabah ..	—	458,629
(xv) Sarawak ..	—	652,677

Peraturan-peraturan Pilihanraya. (Perjalanan Pilihanraya) 1981.

## PEJABAT BIRO PERKHIDMATAN GUAMAN

**28. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilangan Biro Perkhidmatan Guaman (Legal Aid Bureau) di seluruh negara mengikut negeri. Nyatakan jumlah kes sivil dan jenayah yang didaftarkan dengan Biro ini dan yang masih belum diselesaikan mengikut jenis kes. Adakah Kerajaan bercadang supaya bidangkuasa sivil dan jenayah Biro ini diperluaskan serta dinaikkan. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan Pusat Guaman (Legal Aid Centre) yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Malaysia. Jika tidak, apakah tindakan diambil supaya peranan Pusat ini diperbaiki.

**Dato' Oo Gin Sun:** Pada masa ini, Pejabat Biro Bantuan Guaman terdapat di tiap-tiap ibu negeri di seluruh Malaysia dan juga di bandar-bandar seperti Taiping, Raub dan Muar. Pada keseluruhannya terdapat 17 Pejabat Biro Bantuan Guaman iaitu Perlis (Kangar), Kedah (Alor Setar), Pulau Pinang (Georgetown), Selangor (Kuala Lumpur), Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), Negeri Sembilan (Seremban), Melaka (Bandar Melaka), Kelantan (Kota Bharu), Terengganu (Kuala Terengganu), Sabah (Kota Kinabalu), Sarawak (Kuching) dan dua pejabat di negeri-negeri Perak (Ipoh dan Taiping), Johor (Johor Bahru dan Muar), dan Pahang (Kuantan dan Raub).

Jumlah kes-kes sivil yang telah didaftarkan dengan Biro Bantuan Guaman pada keseluruhannya sejak tahun 1970 (tahun khidmat bantuan guaman dimulakan) sehingga bulan Ogos 1988 ialah 36,338 dan jumlah bagi kes-kes jenayah ialah 1,416. Kes

(b) Penggunaan istilah "tercicir" bagi daftar pemilih adalah kurang tepat. Suruhanjaya Pilihanraya tidak mencicirkan nama pengundi tanpa sebab. Nama-nama pengundi yang dikatakan "tercicir" biasanya didapati berdaftar di lain tempat setelah mereka sendiri memohon. Mengenai pendaftaran berganda, Suruhanjaya Pilihanraya mengambil tindakan memotong nama-nama berganda menerusi gerakan pembersihan daftar-daftar pemilih. Oleh itu Ahli Yang Berhormat tidak perlu khuatir mengenai hal tersebut. Mengenai dakwaan ada pengundi yang telah mengundi 2 atau 3 kali dalam pilihanraya Negeri Sarawak yang lalu Ahli Yang Berhormat sepatutnya mengemukakan bantahan mengenainya jika beliau ada bukti yang nyata supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Walau bagaimanapun tindakan tidak dapat diambil mengenainya buat masa kini kerana semua dokumen termasuklah kertas-kertas undi yang berkaitan dengan pilihanraya umum dewan Undangan Negeri Sarawak 1987 telah pun dimusnahkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan (15) dan (16)

sivil yang belum diselesaikan ialah 18,568 dan jenayah ialah 123.

Bidangkuasa Biro Bantuan Guaman diperuntukkan di dalam Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat Akta Bantuan Guaman 1971. Buat masa sekarang bidangkuasa yang telah diperuntukkan adalah memadai. Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan mendapati bidangkuasa Biro Bantuan Guaman perlu diubah atau dipertingkatkan lagi tindakan sewajarnya akan diambil untuk tujuan tersebut.

Mengenai Pusat Guaman (Legal Aid Centre) yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Malaysia, Pusat ini adalah di bawah pengurusan Majlis tersebut dan pihak Kerajaan tidak ada apa-apa kaitan ataupun bantahan terhadap penubuhan Pusat tersebut, kerana pada dasarnya khidmat yang diberikan oleh Pusat Bantuan Guaman ini adalah seiring dengan khidmat Biro Bantuan Guaman. Sebaliknya keadaan ini menguntungkan golongan yang memerlukan bantuan guaman kerana mereka mempunyai pilihan dalam mendapatkan khidmat guaman.

#### **PILIHANRAYA KECIL JOHOR BAHRU—KEPUTUSAN**

29. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa Perdana Menteri dan Kabinetnya tidak sepatutnya meletak jawatan apabila rakyat telah menolak mereka seperti yang dibutirkan oleh keputusan Pilihanraya Kecil di Johor Bahru baru-baru ini dan mendapati mustahak meneruskan kempen semarak dan membanjiri rakyat semua bentuk propaganda cuma untuk meninggikan imej dan masih memegang kuasa apabila imejnya telah menurun.

**Perdana Menteri:** Sebagaimana kita sedia maklum sistem demokrasi yang

wujud di negara ini, telah memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih calon-calon yang bertanding di dalam pilihanraya samada pilihanraya umum atau pilihanraya kecil. Kemenangan seseorang calon yang bertanding di dalam pilihanraya kecil merupakan pilihan rakyat di kawasan itu bagi mewakili mereka.

Adalah tidak demokratik dan tidak berbangkit sama sekali bagi anggota-anggota Jemaah Menteri yang telah mendapat mandat rakyat meletak jawatan oleh kerana calon daripada parti pembangkang telah mendapat kemenangan dalam pilihanraya kecil bagi kawasan Johor Bahru baru-baru ini. Yang penting Kerajaan yang ada sekarang akan terus memberi khidmat dan menjalankan tanggungjawab melalui program-program tertentu termasuk SEMARAK dan program-program lain yang munasabah, selagi rakyat dan parlimen menaruh kepercayaan kepadanya.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1989**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1989**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (2hb November, 1988).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari SibU, sila menyambung.

3.36 ptg.

**Tuan Tieu Sung Seng (Sibu):** Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lalu, Kerajaan banyak menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di negara kita, tetapi pihak Kerajaan telah mengabaikan kepentingan perdagangan dengan negeri China yang sangat memerlukan barang-barang keluaran negara kita seperti minyak kelapa sawit, getah, bijih timah, koko, lada, kayu-kayan, minyak, gas, barang-barang elektronik, textile dan kereta-kereta Proton Saga di mana mereka mempunyai pasaran yang terbesar di dunia bagi barangan seperti ini.

Jikalau Malaysia berjaya berniaga dengan negeri China, sudah pasti kita akan mendapat keuntungan yang berlipatkali ganda.

Apa yang menjadi masalahnya sekarang ialah peniaga-peniaga dari Malaysia yang banyak mengalami kerumitan untuk pergi berniaga ke negeri China dan begitu juga sebaliknya untuk mendapatkan permit

dan visa dan lain-lain, sebahagian dari mereka terpaksa merasuahkan pegawai-pegawai tertentu supaya proses mendapatkan permit dan visa dijalankan segera dan lancar. Adakah ini satu dasar yang mendatangkan faedah kepada negara kita? Kita sudah menjangkau akhir tahun 1980an, tetapi masih bersikap seperti zaman tahun 1960an iaitu masih takutkan komunis, pada hal sebenarnya sekarang komunis lebih takutkan kita.

Saya cadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas dengan segera bagi memperbaiki hubungan perdagangan kita dengan negeri China dengan menghapuskan semua sekatan yang menyukarkan para peniaga Malaysia berniaga ke negeri China dan begitu juga sebaliknya.

Lawatan ke negeri China oleh pesakit-pesakit dan orang-orang yang menziarahi saudara-mara di negeri itu dari Malaysia sampai kini masih menjadi satu masalah besar kerana susah sekali untuk mendapatkan kebenaran dari Kerajaan.

Saya berpendapat bahawa kita haruslah membuat satu kajian sama ada sekatan-sekatan yang masih dijalankan sekarang patut dikurangkan atau dihapuskan sekaligus. Lawatan-lawatan bagi kedua-dua kategori yang telah diluluskan oleh Kerajaan buat 25 tahun yang lalu boleh digunakan sebagai satu kriteria untuk kajian yang saya cadangkan. Adakah lawatan-lawatan tersebut telah membahayakan atau mengancam keselamatan negara kita? Jawapannya ialah tidak. Kalau tidak, apakah gunanya berbagai sekatan itu? Sebaliknya lawatan-lawatan tersebut telah membuka mata orang Malaysia bahawa kita lebih bebas, bahagia dan baik. Percakapan-percakapan seperti ini dari orang-orang yang telah melawat ke negeri China sentiasa kedengaran di kalangan rakyat.

Saya mendesak Kerajaan supaya mengambil tindakan positif dengan segera iaitu memberi rakyat Malaysia kebebasan membuat lawatan ke negeri China tanpa sebarang sekatan dari Jabatan-jabatan tertentu.

Saya menyokong penuh "Gerakan Cintailah Bahasa Kita", tetapi saya rasa tindakan-tindakan dan kemudahan-kemudahan yang telah diselenggarakan oleh pihak yang berkenaan untuk menggalakkan sektor swasta, orang ramai dan para pelajar di sekolah-sekolah memang tidak memuaskan dan langsung tidak dirasai adanya gerakan yang sedang dijalankan.

Pada pendapat saya Kementerian Pendidikan sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan dan meluaskan penggunaan bahasa kita.

Saya rasa hairan hampir seluruh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah beberapa kali memohon dan merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya pihak sekolah-sekolah yang berkenaan diberi kebenaran oleh pihak Kementerian untuk menambahkan masa belajar bagi matapelajaran Bahasa Malaysia, tetapi sentiasa ditolak dengan alasan-alasan yang tidak meyakinkan dan tidak dapat diterima oleh pihak ibubapa-ibubapa, Guru Besar-Guru Besar, guru-guru dan orang ramai pada keseluruhannya.

Saya tidak bersetuju dengan penolakan Kementerian Pendidikan itu kerana saya merasa pihak Kementerian memang bertanggungjawab untuk memastikan para pelajar di sekolah-sekolah khasnya sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan mempelajari dan menggunakan bahasa kita dengan faham. Dan saya tidak faham apabila sekolah-sekolah, ibu-ibu bapa dan orang ramai mahu murid-murid berkenaan

mempelajari bahasa kita, permintaan mereka tidak dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Adakah ini sesuai dengan Gerakan Cintailah bahasa kita. Adakah Kementerian Pendidikan betul-betul memikul tanggungjawab untuk meningkatkan dan meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar sekolah sebaliknya tindakan Kementerian Pendidikan adalah mengecewakan orang ramai yang sangat berminat untuk mempelajari bahasa kita supaya kita betul-betul mahir menggunakannya dan mencintai bahasa kita. Kesimpulannya adakah Kementerian Pendidikan sedang menjalankan satu gerakan berlawanan iaitu janganlah cintai bahasa kita. Jikalau bukan kenapa rakyat mahu belajar bahasa kita pun tidak diberi peluang sepenuhnya.

Jadi, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula permintaan-permintaan dari sekolah-sekolah jenis kebangsaan untuk memberi kebenaran kepada mereka menambahkan masa untuk mengajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah yang berkenaan. Saya harap pengkajian ini boleh dijalankan dengan segera dan kelulusan dapat diberi agar isu ini boleh selesai.

Kekurangan guru-guru siswazah pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan yang berkelayakan sudah lama wujud di sekolah-sekolah menengah di SibU. Jumlah kekurangan adalah lebih kurang 8 orang sekarang. Kementerian Pendidikan enggan memenuhi tempat-tempat kosong tersebut dengan alasan bahawa keutamaan hanya diberi kepada guru-guru siswazah pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan sahaja walaupun ramai guru-guru siswazah dari universiti-universiti tempatan yang juga berkelayakan

tetapi bukan pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan masih menganggur di Sarawak ini. Mereka langsung tidak beri peluang mengisi tempat-tempat kosong yang sudah lama tidak dipenuhi.

Kajian menunjukkan bahawa hampir 100% pemegang-pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan adalah orang-orang Semenanjung dan lagi pun mereka enggan mengajar di negeri Sarawak. Polisi ini adalah tidak adil bagi kami orang-orang Sarawak khasnya graduan-graduan berkenaan dan ianya juga telah mengakibatkan penderitaan bagi murid-murid itu di sekolah-sekolah yang berkenaan. Oleh itu saya harap supaya tempat-tempat kosong ini dipenuhi dengan segera dan secepat mungkin oleh guru-guru berkelayakan, tidak kira sama ada mereka pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan ataupun tidak.

Permohonan peruntukan kewangan untuk sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bagi mendirikan semula bangunan lama yang hampir-hampir runtuh itu masih susah untuk mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pendidikan walaupun cuma 50% "capital grant" akan diberi jika terdapat kelulusan. Adakah kesukaran ini disebabkan oleh polisi tertentu Kementerian Pendidikan.

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tun San, Sibu adalah satu contohnya. Sekolah tersebut telah memohon 50% "capital grant", iaitu cuma \$160,000 untuk mendirikan semula bangunan sekolah lama yang memerlukan sebanyak \$320,000; tetapi belum lagi diluluskan walaupun permohonan itu telah dibuat beberapa tahun dahulu. Lagipun, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri sudah melihat gambar-gambar berkenaan dengan kerapuhan bangunan tersebut dan telah menjanjikan peruntukan kewangan pada awal tahun 1987.

Perkara ini telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada bulan Mac, 1988. Saya harap Kementerian Pendidikan jangan bersikap sebagai telinga tempayan, biarlah saya mengingatkan sekali lagi bahawa sekolah tersebut mempunyai lebih 400 orang murid-murid yang masih belajar di bangunan sekolah yang merbahaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih dua tahun Kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan kewangan kepada Rancangan Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES) Rural Electrification Scheme. Akibatnya wujudlah banyak aduan iaitu Kerajaan telah menjalankan satu polisi diskriminasi kerana didapati banyak permohonan yang dibuat serentak dengan mereka itu yang sudah mendapat bekalan elektrik masih menunggu, khasnya di kawasan-kawasan pedalaman. Memandangkan pemulihan ekonomi negara yang sedemikian cepat dan memuaskan, Kerajaan mestilah mengambil berat tentang aspirasi-aspirasi penduduk-penduduk luar bandar, memastikan supaya kawasan-kawasan di luar bandar yang belum ada bekalan elektrik diagih dengan adil dari hasil pendapatan negara, dan menentukan kelulusan peruntukan kewangan untuk RES bagi tahun 1989.

Sejak diwastakan Jabatan Telekom Malaysia, terdapat banyak aduan daripada orang ramai khasnya kepada bil-bil bayaran bulanan yang diterima oleh para pelanggan di mana bayarannya sering berlipat ganda daripada sepatutnya walaupun sebenarnya pelanggan yang berkenaan tidak menggunakan telefon sekerap itu. Hal ini masih belum diselesaikan. Perkara ini membuat saya kesal dan berharap supaya pihak Syarikat Telekom Malaysia mengkaji dengan teliti akan hal ini dan menjamin supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Saya sedar bahawa semua pelanggan Syarikat Telekom Malaysia Berhad diperlukan membayar deposit tunai. Ini sudah lama menjadi satu syarat STM. Sepatutnya STM membayar interest kepada semua deposit tunai yang disimpannya kerana ia adalah satu syarikat swasta sekarang.

STM adalah satu agensi yang menyimpan deposit-deposit tunai daripada para pelanggan tanpa membayar interest. Deposit-deposit tunai yang disimpan oleh STM berjumlah berjuta-juta ringgit. Ini memang tidak adil dan tidak sesuai dengan sistem sosio-ekonomi yang kita amalkan. Masa sudah sampai untuk Kerajaan mengambil satu tindakan tegas mengarahkan STM membayar interest mengikut kadar EPF secara wajib. Untuk deposit tunai yang melebihi daripada \$1,000, pelanggan-pelanggan STM hendaklah dibenarkan menggantikannya dengan "Bank Guarantee".

Sebelum Jabatan Telekom diwastakan, pihak yang berkenaan pernah menjanjikan kepada seluruh perkerja Telekom yang bukan eksekutif, untuk memberi bonus kepada mereka sebagai satu insentif, sekiranya Jabatan ini diwastakan. Saya telah difahamkan bahawa bonus tersebut belum lagi diberikan kepada seramai 26,000 orang pekerja. Pada pendapat saya, kalau sudah dijanjikan begitu, Syarikat Telekom Malaysia tidak dapat tidak mesti membayar bonus tersebut. Ini baru dikatakan AMANAH.

Sejak dua tahun yang lalu, pegawai-pegawai penyiasat dari Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa menjalankan siasatan ke pejabat-pejabat syarikat dan ke rumah-rumah di mana kadangkadangkang diiringi oleh polis berseragam kerana kononnya hendak menyiasat sama ada orang-orang yang berkenaan mengelak daripada membayar cukai pendapatan. Seolah-olah orang-orang

yang diasiat itu telah membuat sesuatu jenayah yang serius. Saya difahamkan bahawa sikap para pegawai penyiasat tersebut bukan sahaja kasar tetapi langsung tidak bersopan santun dan hal-hal ini telah dilaporkan beberapa kali di akhbar-akhbar tempatan. Pada pendapat saya tindakan sedemikian tidak perlu kerana Jabatan tersebut memang sudah mempunyai kuasa-kuasa yang cukup di bawah undang-undang yang ada sekarang untuk membuat satu keputusan tentang berapakah jumlah pembayaran cukai pendapatan untuk sesuatu syarikat yang tertentu.

Jika siasatan terlampau kerap dijalankan, ianya sudah pasti akan menakut-nakutkan bukan sahaja pelabur-pelabur tempatan, malah para pelabur asing juga. Ini pula akan mejejaskan dasar Kerajaan menggalakkan para pelabur asing melabur di negara kita. Oleh itu, pihak Kerajaan mesti mengambil langkah segera untuk menghentikan terus siasatan seperti itu.

Akhir-akhir ini semua suratkhbar telah melaporkan kenyataan-kenyataan tentang pengelakan pembayaran cukai pendapatan khasnya oleh Timbalan Ketua Pengarah, Datuk Hassan Ibrahim. Apa yang dikatakannya hanya boleh mengurangkan lebih lagi keyakinan pelaburan baik pelabur-pelabur asing mahupun pelabur-pelabur tempatan untuk melabur di negara kita. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, lebih baik dia tutup mulut, dengan izin, "it better for him to shut up".

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Saya tidak beri jalan kerana tidak ada masa.

Masalah kelewatan memberi cek-cek pencen kepada para pesara . . . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Bahasa biadab, biasa yang tidak besopan apabila menyebut "shut up" adalah satu perkataan yang tidak sepatutnya disebut kepada pegawai Kerajaan. Saya harap ditarik balik cakap itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payahlah, Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Masalah kelewatan memberi cek-cek pencen kepada para pesara atau keluarga-keluarga mereka telah lama wujud. Nampaknya masalah ini semakin buruk pada masa sekarang. Akibatnya, balu-balu dan orang-orang yang bergantung hidup mereka kepada cek-cek pencen tersebut sudah banyak menderita kerana menunggu cek-cek pencen dari Jabatan yang bertanggungjawab. Kerap kali setelah setengah tahun atau lebih barulah cek-cek pencen tersebut diterima. Kita mesti ingat pencen adalah diberi kepada kakitangan Kerajaan yang sudah bersara untuk mengenang jasa perkhidmatan mereka dan menolong mereka serta keluarga mereka apabila mereka tidak mampu lagi untuk mencari rezeki kerana sudah tua. Saya cadangkan supaya Jabatan yang bertanggungjawab diarah mesti menyediakan semua cek pencen dan kemudian dikirimkan kepada para pesara dan orang-orang yang memerlukannya sebulan lebih awal. Jikalau Jabatan yang berkenaan tidak mematuhi arahan itu, ianya mesti dikenakan tindakan disiplin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, 2 minit lagi.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Terima kasih. Walaupun sudah 31 tahun Merdeka dan terlepas daripada belenggu penjajah, saya dapati sebahagian

daripada pegawai-pegawai kanan dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan, masih bersikap seperti pegawai-pegawai koloni dan oleh itu, mereka tidak dihormati langsung oleh orang ramai kerana banyak menimbulkan kerumitan kepada rakyat khususnya rakyat luar bandar. Saya cadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mendisiplinkan pegawai-pegawai yang didapati masih berlagak sebagai tuan besar ataupun pegawai koloni, supaya mereka yang digaji oleh Kerajaan dapat benar-benar berkhidmat kepada rakyat dan negara. Jika pegawai-pegawai yang berkenaan dibiarkan berterusan sikap sebagai tuan besar, sudah tentu ianya akan berkesudahan kesan yang buruk kepada Kerajaan Barisan Nasional yang tentu akan menjadi sasaran kritik rakyat. Dengan perkataan-perkataan lain, Barisan Nasional yang akan disalahkan akhirnya.

Kementerian Pengangkutan Jalan telah didapati mengamalkan sikap diskriminasi di mana didapati bas-bas yang mempunyai kuasa kuda 5871 cc di Semenanjung Malaysia telah dikenakan cukai jalan cuma \$1,716.00 sahaja tetapi di Sarawak bagi kuasa kuda yang sama terpaksa membayar cukai jalan sebanyak \$2,850.00. Ini menyebabkan tambang-tambang bas di Sarawak mahal daripada yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Saya tidak faham mengapa ada dua polisi . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Ya, saya gulung sekarang. Saya tidak faham mengapa ada dua polisi bagi cukai jalan dalam sebuah negara dan ini telah menghairankan saya sebagai seorang Ahli Parlimen. Oleh yang demikian, saya mendesak Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan dengan segera

supaya bayaran cukai jalan bagi bas-bas yang mempunyai kuasa kuda yang sama di seluruh negara disamaratakan.

Tuan Yang di-Pertua, projek tanaman pekebun kecil adalah kurang menggalakkan, terutamanya penanaman koko dan lada hitam. Walaupun pengeluaran koko dijangka mencatat pertambahan pada 1988, harga pasaran koko adalah sangat rendah dan adalah di bawah, dengan izin, "break-even point". Petani lada hitam pula mengalami kesusahan yang teruk, harga lada hitam telah menurun kepada \$3,200 se metrik tan, tahap yang paling rendah daripada \$10,350 semetrik tan pada kemuncaknya dan harga lada putih turun daripada \$14,000 kepada \$5,550 se metrik tan. Dengan harga input pertanian semakin naik, harga pasaran komoditi ini yang rendah, dan risiko penyakit buruk akar yang besar, perusahaan penanaman lada hitam akan runtuh jika langkah-langkah tidak diambil untuk memulihkan harganya. Harga baja kompaun Jerman telah meningkat daripada \$800 se tan pada bulan Mac, tahun ini ke \$880 se tan sekarang faktor-faktor yang tertentu dan harga racun serangga dan rumput-rumpai pula telah naik dengan kadar yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara pengeluar lada hitam terbesar di dunia dan koko juga telah menjadi tanaman yang penting. Untuk memulihkan perusahaan dua tanaman ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah positif untuk mengatasi masalah ini. Baja Jerman kini dikenakan cukai \$44.46 satu tan dan surcharge 5%. Saya mencadangkan cukai import duti bagi baja Jerman dan racun makhluk perosak dikecualikan sebagai bantuan dalam bentuk subsidi diberikan kepada pekebun-pekebun kecil koko dan lada hitam. Untuk melindungi perusahaan lada hitam, Kerajaan adalah diminta untuk membina

"stock-pile" dan menetapkan harga minima supaya perusahaan lada hitam akan terus berkembang di negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Tieu Sung Seng:** Yang mustahak sekali, pekebun-pekebun kecil akan terus berusaha mendapatkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1989.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kok Lanas.

3.58 ptg.

**Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Menteri Kewangan telah crafted satu Belanjawan dengan mewujudkan keadaan-keadaan yang akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi. Menteri Kewangan consistent dengan dasar Kerajaan bahawa sektor swasta mempelopori pertumbuhan iktisad.

Khazanah negara telah bertambah baik kerana Menteri Kewangan tidak segan jadi tidak popular. Beliau menjalankan dasar fiskal yang strict dan berdisiplin. Menteri Kewangan kita tidak boros, ia seorang yang kedekut. Sebab itulah khazanah negara bertambah teguh dan prestasi ekonomi kita bertambah kukuh dan meningkat. Kerana sifat berjimat cermat ini, setelah beberapa lama, kita sekarang mempunyai lebih dalam akaun semasa Belanjawan. Dewan ini harus memberi tahniah kepada Menteri Kewangan kerana prestasi ekonomi dan pentadbiran Belanjawan yang baik ini.

Saya berharap Menteri Kewangan akan pulihkan tambang percuma dan perbelanjaan dan elaun kerajaan dalam

Budget tahun depan apabila sumber-sumber hasil lain seperti V.A.T. telah berjalan dengan baik.

Perindustrian kecil adalah tulang belakang dan satu base yang kukuh kepada keseluruhan pembangunan perindustrian negara.

Maka sebab itulah saya menyokong insentif-insentif yang diberikan kepada sektor perindustrian-perindustrian kecil ini dan saya harap insentif-insentif ini dipergunakan untuk mempertingkatkan prestasi industri-industri kecil.

Yang Berhormat Menteri Kewangan harus dipuji kerana sikap kedekutnya yang nyata telah berjaya mentadbir ekonomi dan kerana tidak digoda oleh instinct untuk berbelanja semata-mata kerana untuk generate growth, dengan izin. Jelas private sector boleh menggunakan sumber-sumber dengan lebih efficient lagi dari Kerajaan atau syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan Kerajaan.

Satu feature lagi yang menarik perhatian saya ialah sikap Menteri Kewangan: Tidak harus meminjam lebih dari yang kita mampu membayarnya.

Kesimpulannya, belanjawaan tahun ini adalah consistent dan balanced dan bertimbangrasa. Saya memuji Menteri Kewangan kerana telah dapat mengawal nafsu untuk berbelanja lebih dari sepatutnya, sungguhpun ekonomi kita telah pulih semula. Belanjawan ini adalah satu belanjawan yang realistik kerana ia memberi peranan pertumbuhan ekonomi kepada pihak yang wajar.

Tuan Speaker, Malaysia telah dipilih sebagai Anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tempoh dua tahun mulai tahun depan. Mula-mula Malaysia menduduki Majlis Keselamatan ialah pada tahun 1965 selama satu tahun berkongsi penggal dua tahun dengan Czechoslovakia

yang menjadi ahli sebelum kita pada tahun 1964.

Pemilihan kita pada tahun 1965 adalah satu penghormatan yang besar dan pengiktirafan yang tinggi oleh anggota-anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kerana waktu itu Malaysia sedang menghadapi kemuncak kofrantasi Indonesia terhadap kita. Presiden Soekarno membangkang keras pencalonan kita, dan setelah Indonesia gagal menahan pemilihan kita, Indonesia dengan amat marah telah keluar dari menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya memberi tabik hormat kepada pemimpin-pemimpin dan diplomat-diplomat kita, dahulu dan sekarang, kerana kecekapan mereka melaksanakan dasar diplomasi negara kita. Saya memberi tahniah kepada para diplomat kita di atas kejayaan cemerlang semenjak tahun 1965. Dari sini, saya harap kita akan terus mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Saya suka melihat tidak lama lagi seorang anak Malaysia dipilih menjadi Pengerusi Perhimpunan Agong Tahunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kejayaan kita jelas menunjukkan bahawa dasar luar kita benar-benar berkecuali. Dunia mengakui kebolehan dan kemampuan dan kewibawaan para diplomat dan negara kita untuk memberi sumbangan kepada keamanan dan keselamatan dunia melalui keanggotaan kita dalam Majlis Keselamatan yang terpenting itu yang sentiasa dalam pandangan dunia.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dalam kita gembira dengan kemenangan ini saya berharap Wisma Putra walaupun kita harus "magnanimous in victory" atau murah hati bila menang, tidak akan lupa pengalaman kita dengan Bangladesh.

Kita juga jangan sekali-kali lupa dan mengenang sikap muhibbah Cyprus, sebuah negara Kristian terhadap kita.

Saya suka melihat Kerajaan membesarkan, melengkap dan memberi segala kemudahan dan perbelanjaan bagi mempertingkatkan lagi kebolehan, kemampuan dan kemahiran Wisma Putra dan diplomat-diplomat kita agar mereka dapat menjalan dan memperjuangkan diplomasi Malaysia ke mercu yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira dengan setiakawan antara negara-negara ASEAN, terutamanya persahabatan antara kita dengan negara-negara serumpun, Indonesia dan Brunei dan dengan jiran-jiran terdekat kita, Singapura dan Thailand. Saya berharap persahabatan dan setiakawan ini dapat dipertingkatkan lagi terutama dalam bidang ekonomi, keselamatan dan pertahanan. Peranan Filipina juga penting tetapi kita berharap Filipina dapat menyelesaikan masalah Sabah yang berlarutan dari satu regim ke satu regim, dari satu janji ke satu janji.

Saya percaya Filipina mahu menyelesaikan masalah Sabah ini, tetapi ia masih tidak ada "political will" dengan izin, untuk berbuat demikian. Selagi masalah Sabah yang pada kita tidak ada tolak ansur, tidak diselesaikan, maka persahabatan dan kesetiakawanan kita tidak akan serapat seperti perhubungan kita dengan jiran-jiran lain.

Tuan speaker, dengan izin, I am delighted "the buy British last" policy did not last. Saya memuji usaha Kerajaan melengkapkan angkatan tentera kita dengan kelengkapan dan teknologi yang moden. Tiada guna negara kita maju dan makmur kalau pertahanannya tidak sekuat mungkin, kerana dalam dunia yang pragmatik ini power atau kekuatan sahaja yang dihormati oleh lawan dan kawan.

Pembelian kapalterbang Tornados Ground Attack Fighters, Javelin Ground-to-air Missile Launcher dan Howitzers dan radar pertahanan udara, kapalselam dan kelengkapan-kelengkapan tentera yang lain membuka sejarah baru dan peningkatan teknologi memberi dimension baru kepada tentera kita.

Saya rasa perbelanjaan lebih kurang antara \$6—\$7 billion atau £1.5 billion yang akan dibelanjakan bagi meningkatkan pertahanan negara dalam masa 10 tahun tidak banyak. Saya menggesa Menteri Kewangan jika perlu menambahkan lagi peruntukan untuk pertahanan dan keselamatan dalam negeri kerana tidak guna kalau segala-galanya yang kita sayang dan cintai hilang, segala-galanya yang kita ada hapus through default, dengan izin.

Kita telah menunjukkan persahabatan kita terhadap Great Britain . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, minta duduk sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta penjelasan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas memberi penjelasan, kenapakah belanjawan pertahanan yang begitu besar itu perlu. Adakah kerana kita menjangkakan ugutan dari manamana negara jiran dan siapakah musuh-musuh kita yang kita memerlukan perlanjaan begitu besar, yang memerlukan kita mendistractkan belanjawan yang mana mungkin lebih baik sekiranya kita membelanjakan ke atas tujuan-tujuan pembangunan. Kenapa? Siapa berikan satu rasional sahaja.

**Dato' Abdullah Ahmad:** Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat

itu bertanya kepada Menteri Pertahanan. Kita telah menunjukkan persahabatan kita terhadap Great Britain dengan membeli British, bukan American dan saya berharap Great Britain akan membalas persahabatan kita ini dan saya percaya perhubungan Great Britain dengan Malaysia akan lebih baik lagi jika lebih ramai orang-orang Malaysia terutamanya orang-orang Melayu dapat melawat Great Britain. Memberi hak pendaratan kepada Penerbangan Malaysia tiap-tiap hari ke London dalam seminggu akan membawa keuntungan kepada Great Britain yang lebih daripada apa yang didapatinya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu fenomena baru telah wujud kebelakangan ini di Amerika dan Eropah dan yang sudah mulai menyerang negara kita: football mania, suka dan leisure mania and entertainment business, perusahaan hiburan dan rekreasi dan sports. Leisure dan entertainment industry adalah multi-billion dollar industry di Amerika dan di Eropah seperti juga industri pengurusan, penyimpanan, sembahyang dan pengkebumian mayat dan mengurus kubur, funeral parlours dan maintenance of graves, burial ground and cremation, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, industri pengurusan, penyembahyangan dan pengkebumian mayat secara professional akan berlaku di negara ini tidak lama lagi. 35 tahun dulu tidak ada orang Melayu mengadakan majlis-majlis perkahwinan dan kenduri-kendara di hotel-hotel, kecuali orang-orang Melayu yang terlampau ultra-modern. Tetapi sekarang sudah menjadi satu perkara biasa bagi orang-orang Melayu mengadakan kenduri dan majlis persandingan di hotel-hotel. Catering business sudah menjadi satu business yang besar di kalangan orang Melayu. There you are! Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap semoga ada antara

kita yang akan menjadi jutawan-jutawan hasil dari penglibatan mereka dalam pengurusan industri orang mati.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mati, biarlah saya bercakap pula tentang hidup dan leisure. Industri ini besar dan berkembang kerana semua yang hidup di semua peringkat, memerlukan leisure, inginkan rekreasi, memerlukan hiburan. Universiti-universiti dan politeknik-politeknik negara-negara maju telah mengadakan kursus dari peringkat diploma hingga ke peringkat Ph. D. dalam pengurusan dan pentadbiran, industri sukan, rekreasi, hiburan dan leisure. Saya harap institusi-institusi pengajian tinggi kita akan mengadakan kursus-kursus dan pengajian di bidang ini seberapa segera yang boleh untuk memenuhi keperluan negara.

Sudah sampai masanya bakal-bakal ahli sukan dan olahraga kita, pengurus-pengurus dan jurulatih dan pentadbir-pentadbir sports dilatih secara profesyenal. Kalau tidak mutu sukan dan sports kita tidak akan meningkat. Lihat sahaja bagaimana Korea telah mencapai ke tahap sekarang, terutama dalam permainan hoki, satu permainan baru bagi negara itu. Amerika Syarikat saya kira akan menjadi soccer power tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, gila-gila bola dan sukan satu perkara yang baik. Sukan akan menarik muda-mudi kita daripada terjerumus pada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Maka saya harap, kegiatan-kegiatan sukan di sekolah dipertingkatkan lagi. It is good politics as well as good economic sense, dengan izin, bagi Kerajaan Pusat, bagi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar Baba dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengeksploitasikan mania bola ini.

Sudah tiba masanya Stadium Merdeka diperbesarkan secepat

mungkin agar dapat menampung 100 ribu lebih penonton. Saya menyeru Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar Baba dan Dato Daim, mengarahkan Dato' Najib supaya bertindak segera melaksanakan pembesaran Stadium Merdeka. Kalau kita pandang jauh ke depan mania bola yang menjadi-jadi ini, buatlah stadium yang dapat menampung 150 ribu penonton. Saya harap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan mengarahkan Datuk Muhammad Taib agar membina Stadium Negeri Selangor yang paling kurang dapat menampung 70 ribu hingga 100 ribu manusia sama ada di Kelang ataupun di Kajang. Selangor walaupun kalah ke peringkat akhir tetap akan menjadi power-house di negara kita ini. Saya harap Stadium-stadium di Kota Bharu, Alor Star, Kuala Terengganu, Kuching, Johor Bahru, Seremban, Ipoh, Pulau Pinang, Kuantan, Melaka dan Kota Kinabalu diperbesarkan untuk kegunaan 50,000 penonton paling kurang.

Tuan Yang di-Pertua, semua perkara yang saya madah ini tadi tidak akan tercapai kalau Kerajaan kita tidak teguh. Kalau tidak ada political stability dan racial harmony dalam negara kita. Dan political stability dan racial harmony ini tidak akan wujud tanpa ada dominant group yang memerintah, yang menentukan dasar, matlamat dan cita-cita negara dan bangsa kita yang menggerakkan nadi bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang tidak selemah disangka, begitu juga perpaduan Melayu tidak sekecai seperti yang diinginkan oleh musuh-musuh bangsa Melayu dan orang-orang yang berkepentingan. Mereka yang menentang arus akan hanyut selalunya tetapi hanya satu nakhoda yang berani, tegas dan bijak

dapat mengemudi bahteranya dengan selamat, walaupun gelombang datang menggunung.

Usaha-usaha haruslah diteruskan untuk mencapai perpaduan dan solidarity di kalangan orang Melayu. Sebenarnya di kalangan bekas-bekas ahli-ahli UMNO dengan UMNO yang wujud. Walaupun usaha itu amat sukar sekali untuk berjaya, kita harus terus berusaha kerana tanpa perpaduan satu antara dua pihak ini akan kalah menjadi abu pada akhirnya dan kalau pertandingan menjadi amat sengit kedua pihak mungkin menjadi abu dan pihak yang lain akan memerintah negara ini. Harapan saya ialah secarik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga. Itu lah doa saya. Marilah kita ke pangkal jalan. Malay survival is above everything else, and national unity is above and beyond all else, dengan izin.

Saya mohon menyokong Belanjawan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Yang Berhormat dari Sandakan.

*4.18 ptg*

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):**  
Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa 5 orang tahanan di Kem Tahanan Kemunting telah didapati mencuri makan semasa mogok lapar yang dilancarkan oleh 18 orang tahanan. Beliau telah membuat tuduhan yang palsu sungguhpun sebelum ini Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Kota Melaka serta Pasar Pinji telah menafikan tuduhan itu dengan sekeras-kerasnya.

Di sini saya mencabar Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengulangi kenyataan beliau di luar

Dewan yang mulia ini, kalau beliau merupakan seorang yang bertanggungjawab, beliau tidak akan mendapat perlindungan di dalam Dewan yang mulia ini untuk membuat tuduhan tersebut. Sebaliknya, beliau akan bersikap berani dan mengulangi tuduhan tersebut di luar Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah meminta supaya sebuah Jawatankuasa Bebas ditubuhkan untuk menyalahkan tuduhan tersebut. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sanggup berbuat demikian. Sepatutnya ketiga-tiga Yang Berhormat itu hendaklah diberi peluang untuk membela diri di hadapan Jawatankuasa tersebut demi keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah datang ke Dewan yang mulia ini untuk meminta Dewan ini meluluskan peruntukan perbelanjaan sejumlah \$30,105 juta bagi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang meliputi \$22,280 sebagai Perbelanjaan Mengurus dan \$7,899 juta sebagai Perbelanjaan Pembangunan. Dari jumlah \$30,165 juta ini, 19.99% atau \$6,003 juta adalah diperuntukkan untuk tujuan khidmat hutang untuk tahun 1989 berbanding dengan \$5,962 juta untuk 1988 iaitu penambahan sebanyak \$41 juta atau 0.88%.

Hasil yang dianggarkan untuk tahun 1989 hanya \$22,533 juta yang merupakan 75.4% daripada jumlah perbelanjaan. Ini bermakna Kerajaan terpaksa meminjam \$7,421 juta untuk menampung kekurangan dalam hasil tahun hadapan. Ini juga bermakna Kerajaan meminjam \$7,421 juta untuk membiayai khidmat bayaran hutang sebanyak \$6,003 juta.

Berdasarkan premis ini, Kerajaan Persekutuan sebenarnya meminjam lebih wang daripada membayar balik wang yang dipinjamnya setiap tahun.

Saya ingin memberi angka-angka berikut menguatkan alasan saya:

*Tahun 1984/1985—*

Hasil \$29,191 juta dari mana 25% atau \$7,298 juta adalah dari pinjaman khidmat bayaran hutang—\$5,459 juta atau 18.7% dengan baki \$1,839 juta untuk perbelanjaan lain selepas khidmat bayaran hutang.

*Tahun 1985/1986—*

Hasil \$30,812 juta dari mana 27.7% atau \$8,535 juta adalah diperolehi dari pinjaman khidmat bayaran hutang—19.3% atau \$5,947 juta dengan tinggalnya \$2,588 juta untuk perbelanjaan selepas khidmat bayaran hutang.

*Tahun 1986/1987—*

Hasil \$27,412 juta dari mana 34.1% atau \$9,347 juta adalah diperolehi dari pinjaman khidmat bayaran hutang—21.7% atau \$5,948 juta dengan baki \$3,399 juta untuk perbelanjaan selepas khidmat bayaran hutang.

*Tahun 1987/1988—*

Hasil \$28,122 juta dari mana 26% atau \$7,311 juta diperolehi daripada pinjaman khidmat bayaran hutang—21.2% atau \$5,962 juta dengan baki \$1,349 juta untuk perbelanjaan lain selepas khidmat bayaran hutang.

*Tahun 1988/1989—*

Hasil \$30,105 juta dari mana 24.6% diperolehi dari pinjaman khidmat bayaran hutang—19.9% atau \$6,003 juta dengan baki \$1,418 juta untuk perbelanjaan lain selepas khidmat bayaran hutang.

Daripada angka-angka ini kita akan perhatikan kita meminjam wang yang lebih setiap tahun untuk tujuan khidmat bayaran hutang dan semenjak Belanjawan tahun 1985 hingga Belanjawan tahun 1989, kadar

pinjaman kita berbanding dengan khidmat bayaran hutang adalah \$10,593 juta yang merupakan 47.53% daripada hasil yang dianggarkan untuk tahun 1989 iaitu \$22.286 juta. Keadaan ini adalah amat mencemaskan dan dipandang berat oleh rakyat Malaysia.

Usaha untuk mengurangkan nisbah khidmat hutang luar Malaysia terjejas dengan seriusnya akibat penurunan nilai ringgit kita berbanding dengan Dollar Amerika dan Yen Jepun yang mana 34.9% dan 29.5% daripada jumlah hutang Kerajaan Pusat adalah dalam matawang Dollar Amerika dan Yen Jepun masing-masing. Akibat ini, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah sebanyak 21% untuk tahun 1988 berbanding dengan tahun lepas.

Kerajaan bukan sahaja harus mengurangkan hutang luarnya tetapi usaha-usaha hendaklah diambil untuk mengurangkan kedudukan hutang negara dan perbelanjaan-perbelanjaan hendaklah dikurangkan agar ia setanding dengan hasil kita demi memastikan terhadap pertumbuhan sihat ekonomi kita.

Belanjawan 1989 mencadangkan sejumlah \$693 juta diperuntukkan kepada sektor komersial dan industri. Daripada ini, \$532 juta adalah diperuntukkan kepada HICOM, Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries (SFI).

Di sini ingin saya menghadkan diri saya untuk membincangkan tentang Sabah Forest Industries. Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan 600,000 ekar tanah kayu-balak kepada SFI bagi tujuan menampung projek pulpa kertas di Sipitang. Saya difahamkan seluruh kawasan itu masih belum siap diukur dan sempadan sebenarnya tidak tentu.

Projek ini telah dijamin oleh Kerajaan Pusat untuk membolehkan SFI memperolehi pinjaman asing

untuk operasinya dan sekiranya projek ini diuruskan dengan baik, ia bukan sahaja akan menguntungkan Negeri Sabah bahkan seluruh negara.

Malangnya SFI menghadapi beberapa masalah. Pertama, ialah pengajian jurutera-jurutera asing yang saya difahamkan tidak mendaftarkan diri dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Mereka digaji menerusi sebuah agensi pekerjaan di Hong Kong. Saya juga difahamkan bahawa mereka ini dikehendaki membayar komisyen bulanan kepada ahli-ahli tertentu Lembaga Pengarah SFI sebagai imbuhan untuk membolehkan mereka digaji oleh SFI.

Kerja-kerja yang dilakukan oleh jurutera-jurutera asing ini boleh dilakukan oleh jurutera-jurutera tempatan. Bukan sahaja jurutera-jurutera asing ini tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan tetapi mereka juga dibayar gaji yang tinggi.

Apabila PBS memegang teraju Kerajaan Negeri dalam tahun 1986, tanah kayu balak di SFI dibenarkan untuk diusahakan dengan kadar \$300 hingga \$340 setiap ekar. Tanah tersebut diluluskan semata-mata untuk menampung projek pulpa kertas SFI dan bukan mengkayakan ahli-ahli politik yang menjualkan tanah tersebut kepada orang-orang lain yang akan menjejaskan keseluruhan projek tersebut.

Parti DAP menyeru Kerajaan menyiasat ke dalam amalan-amalan rasuah ini untuk memastikan projek SFI berfungsi dengan baik dan bebas dari amalan-amalan rasuah. Sekiranya terdapat sesiapa yang didapati berasuah atau menyalahgunakan kuasanya, maka tindakan sewajarnya termasuk pendakwaan hendaklah diambil terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Kewangan semasa lawatannya ke Negeri Sabah dalam bulan Mei tahun ini telah berkata di

Labuan bahawa kedai-kedai kopi yang menjual arak yang tidak termasuk dalam taksiran arak atau "hard liquor" tidak perlu memperolehi lesen menjual arak menurut seksyen 32 Akta Eksais 1976. Namun, kedai-kedai kopi di Sabah dan Labuan yang menjual bir dan stout dalam botol terpaksa membayar \$420 setiap tahun sebagai bayaran lesen arak semenjak penguatkuasaan Akta tersebut. Sebaliknya, kedai-kedai kopi di Semenanjung Malaysia yang berada dalam kategori yang sama tidak dikehendaki membuat pembayaran tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan telah berkata bahawa beliau telah pun memberitahu pihak yang berkenaan supaya hentikan kutipan bayaran lesen arak daripada kedai-kedai kopi di Sabah dan Labuan.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan ialah mengapa kesilapan ini berlaku di Sabah dan Labuan di mana tuannya-tuannya kedai kopi terpaksa membuat bayaran tersebut walaupun tidak dikehendaki berbuat demikian menurut undang-undang? Kerajaan hendaklah menerangkan mengapa berlakunya diskriminasi antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur dalam perkara ini.

Demi perpaduan, integrasi dan keseragaman negara serta untuk membuktikan bahawa Kerajaan tidak berniat buruk dalam perkara ini, saya menggesa Kementerian Kewangan memulangkan bayaran lesen arak yang disalah kutip daripada kedai-kedai kopi di Sabah dan Labuan.

Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah mencadangkan supaya potongan untuk bayaran bonus dipinda di mana hak maksimum sekarang sebanyak \$1,000 dinaikkan kepada \$2,000 atau 2 bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi dua kali ganda peratus kenaikan keuntungan bersih mengikut yang

mana lebih tinggi. Sekiranya tujuan Kerajaan ialah untuk membolehkan majikan membayar bonus berdasarkan kepada prestasi syarikat dan mendorong pekerja-pekerja untuk meningkatkan daya pengeluaran, maka Kerajaan seharusnya tidak patut campurtangan dalam pembayaran bonus kerana majikan lebih mengetahui apakah yang harus dibayar kepada pekerja-pekerja mereka. Juga, pada masa-masa lampau terdapat aduan-aduan di mana wakil majikan yang mengambil bahagian perundingan gaji sering berkata bahawa walaupun mereka ingin membayar bonus yang lebih, namun mereka tidak dapat berbuat demikian kerana had maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekiranya Kerajaan membenarkan bayaran bonus maksimum diambil kira untuk maksud potongan dalam pengiraan pendapatan yang diselaraskan, Kerajaan juga akan menikmati faedah kerana pekerja-pekerja berkenaan akan tergolong dalam senarai pendapatan cukai tinggi dan terpaksa membayar cukai pendapatan yang lebih. Maka, dengan berbuat demikian Kerajaan tidak akan mengalami kerugian besar dari segi hasil.

Cadangan Kerajaan supaya perbelanjaan tambang percuma yang dibelanjakan oleh syarikat tidak lagi dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan telah mengejutkan para pekerja dan juga majikan di sektor swasta. Sekiranya cadangan ini diluluskan, para majikan tidak akan lagi membayar tambang percuma untuk pekerja-pekerja mereka bagi perjalanan. Pembayaran tambang percuma ini dilakukan secara sukarela oleh majikan dan keputusan Kerajaan ini telah mengejutkan kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Amalan sekian lama ini di mana majikan membayar tambang percuma kepada

pekerja-pekerja mereka dilakukan untuk memupuk perhubungan berharmonis antara majikan dan pekerja serta juga untuk meningkatkan daya pengeluaran para pekerja. Peluang sedemikian yang disediakan oleh majikan juga membolehkan pekerja-pekerja melawat bukan sahaja bahagian-bahagian lain negara kita, tetapi juga negara-negara lain kerana dengan pengembaraan tersebut, pengetahuan mereka juga akan diperluaskan.

Pekerja-pekerja sendiri kurang mampu untuk membiayai tambang perjalanan sendiri dan pemansuhan tambang percuma bagi maksud potongan daripada pendapatan akan menjejaskan perhubungan antara majikan dan pekerja, semangat serta daya pengeluaran mereka. Cadangan ini nampaknya menunjukkan dasar dan sikap Kerajaan yang anti-pekerja. Kami dalam DAP menggesa Menteri Kewangan menimbang semula cadangannya itu dan membenarkan perbelanjaan tambang percuma yang dibelanjakan oleh syarikat-syarikat terus dibenarkan sebagai potongan kepada majikan dalam pengiraan pendapatan yang diselaraskan.

Saya gembira bahawa Kerajaan telah menyahut seruan yang dibuat oleh saya dalam Ucapan Belanjawan dahulu di mana saya telah menyeru supaya cukai pembangunan dimansuhkan yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang mana cukai tersebut diperkenalkan semasa konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia dalam tahun 1963. Namun, saya kesal bahawa pemansuhan cukai pembangunan itu hanya akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1990 secara beransur-ansur dengan pengurangan sebanyak 1% setahun. Adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk melambatkan pemansuhan cukai pembangunan ini kerana ia tidak memenuhi tujuannya. Disebabkan itu, Parti DAP menyeru supaya cukai

pendapatan sebanyak 5% itu dimansuhkan dengan sekaligus dan bukan beransur-ansur. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bagan Serai.

*4.38 ptg.*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya bersama-sama berbahas dalam Ucapan Budget yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb yang lalu.

Saya akui bahawa Budget ini merupakan satu Budget yang terbuka dan meliputi semua peringkat. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mempunyai hasrat yang baik dalam membentangkan Budget yang besar ini. Sebagai kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, "Kerajaan berhasrat untuk menunaikan janji kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah melupai janjinya". Cuma saya berharap biarlah Kerajaan berjanji dan menepati janjinya, di samping itu juga jangan pula berjanji tetapi terlalu lewat ataupun sengaja dilewatkan untuk menunaikan janji-janji ini.

Kerajaan telah menunaikan janji kepada kakitangan Kerajaan dalam kenaikan gaji bagi kategori A, B dan C dan melibatkan kewangan Kerajaan sebanyak \$289 juta dan jika diselaraskan dengan kategori D ianya menjadi \$712 juta.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah tawarkan menerima kenaikan gaji. Saya percaya dengan kelulusan kenaikan gaji yang baru ini Kerajaan telah mengakui akan khidmat pegawai-pegawai

Kerajaan yang akan mendapat keuntungan dari segi kenaikan gaji ini. Ini bererti bahawa Kerajaan juga telah mengakui akan khidmat yang baik yang penuh dedikasi yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dalam perjawatan dan kerja mereka masing-masing. Kalau kenaikan gaji ini sebagai tanda kenaikan kecekapan mereka, mengapa pula Menteri Kewangan membangkitkan keraguan di atas etika kerja mereka ini seperti yang terdapat di dalam muka surat 48 dan 49 dalam teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya yakin kalau bersandarkan ini, ditambah dengan kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh mereka, sama ada melalui kerja-kerja atau nyanyian yang dibuat pada setiap pagi, tiada kurangnya kesetiaan dan dedikasi yang ditunjukkan oleh anggota-anggota pasukan Polis dan Tentera Di-Raja Malaysia terhadap Kerajaan dan bukan sahaja mereka ini memberi perkhidmatan, bahkan mereka telah sanggup menyabung nyawa untuk rakyat dan Kerajaan. Ketika kita berada di dalam Dewan ini sebahagian dari mereka berada di dalam hutan dan seperti yang kita tahu pasukan polis mengawal keselamatan dan meronda di jalan-jalan serta di tempat-tempat lain yang bahayanya mereka sendiri tidak ketahui. Bukan sahaja mereka ini meredah hutan belantara, belukar usang dan mendaki gunung, tetapi mereka juga mengharung sungai yang penuh dengan bahaya dan pancaroba. Selalunya kita dapat melihat sama ada di waktu panas ataupun hujan lebat pasukan anggota polis trafik mengawal keselamatan lalu lintas di persimpangan, di tempat-tempat yang begitu sibuk, sedangkan kita anak berada di dalam kereta bahawa dingin. Jarang-jarang pula di antara kita yang mahu mengangkat tangan tanda berterima kasih di atas perkhidmatan mereka. Sama ada kita berterima

kasih atau tidak pasukan polis ini dengan setianya terus menjalankan tugas dan khidmat.

Saya pernah mendengar satu rancangan kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai polis tingkatan rendah yang telah diisytiharkan oleh Kabinet, tetapi kemudiannya ditarik balik sehingga pada hari ini. Saya tidak mengetahui apakah sebab-sebab pengisytiharan kenaikan gaji ini telah ditarik balik. Kalau hendak dikatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup dalam Budget ini, Kerajaan telah mengisytiharkan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Adakah dalam pertimbangan Kerajaan hanya kumpulan-kumpulan yang tertentu sahaja yang perlu diberi perhatian sedangkan kumpulan yang lain didiamkan dahulu. Saya menyokong kalau Kerajaan akan memberi pertimbangan dan kelulusan kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai polis berpangkat rendah pegawai-pegawai tentera berpangkat rendah dalam Budget tahun yang akan datang. Tetapi kalau tahun yang akan datang Kerajaan akan menghadapi kekurangan pendapatan kerana telah dijangka prestasi ekonomi yang mungkin tidak baik, maka sudah tentu Kerajaan tidak akan memberi pertimbangan kepada kenaikan gaji bagi kumpulan tentera dan polis yang berpangkat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bilakah kumpulan-kumpulan ini akan menerima kenaikan gaji ini sedangkan Kerajaan telah berjanji secara terbuka. Inilah yang telah saya perkatakan pada peringkat awal tadi, di mana kalau pun sudah berjanji, tetapi telah dilambat-lambatkan. Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional telah menunaikan janji tetapi untuk kenaikan gaji polis dan tentera ini, walaupun bagi kenaikan gaji pasukan polis berpangkat rendah masih tidak ditunaikan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian terhadap kemudahan perumahan bagi pegawai-pegawai polis dan tentera berpangkat rendah ini. Oleh kerana keadaan pendapatan mereka yang tidak begitu banyak dan mungkin sebahagian dari mereka sudah mempunyai keluarga yang banyak, maka pendapatan ini akan menjadi satu beban untuk mengatasi masalah harian. Seperti di bandar-bandar, diketahui bayaran sewa rumah adalah lebih tinggi daripada kawasan-kawasan di luar bandar, sedangkan Kerajaan memberi elaun sewa rumah kepada mereka ini sama sahaja di bandar ataupun di luar bandar. Saya akui sebahagian daripada mereka mendapat rumah-rumah yang disediakan oleh pasukan masing-masing, tetapi masih banyak yang terpaksa tinggal di rumah-rumah sewa.

Di Kuala Lumpur tidak ada rumah sewa yang kurang dari \$150, bahkan mungkin lebih dari \$200 untuk mendapat tempat yang selesa, sedangkan kalau sudah 5 tahun bekerja mereka ini baharu mendapat gaji dan elaun sebanyak lebih kurang \$550. Kalau ditolak \$200, bermakna hanya tinggal lebih kurang \$300. Ada seorang anak yang akan bersekolah dan bil air dan bil api yang belum diselesaikan, serta pakaiannya yang diperlukan. Saya melihat bahawa pendapatan yang mereka perolehi tidak pun memberi keselesaan yang cukup. Saya mencadangkan setidaknya tidaknya elaun sewa rumah pegawai-pegawai polis dan askar yang berpangkat rendah hendaklah dinaikkan bagi mereka yang berkhidmat di kawasan dalam bandar dan dikekalkan bagi mereka yang berkhidmat di kawasan luar bandar. Saya percaya kita dapat memberi tinjauan dan pertimbangan dalam masalah ini untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh anggota-anggota polis berpangkat rendah. Kita

perlukan khidmat mereka, maka adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan untuk melihat keperluan mereka supaya mereka boleh memberi khidmat yang sempurna dan baik.

Perkara yang kedua yang akan saya babitkan ialah mengenai kesanggupan kita terhadap pegawai-pegawai Kerajaan. Kesangsian kita terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dipilih untuk mentadbir badan-badan berkanun ataupun badan-badan awam bukan kewangan seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan menegaskan secara terang kalau mereka ini tidak menjalankan tugas dengan baik dan sempurna Kerajaan tidak ada jalan lain, selain daripada menggugurkan mereka daripada jawatan masing-masing. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menunjukkan sikap ketegasan bagi pihak Kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab ini. Saya juga percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan memikirkan dalam bidang-bidang yang lain supaya perkara-perkara seperti ini tidak perlu kerana sebahagian kegagalan badan-badan yang berkenaan adalah kerana penyesuaian yang tidak sempurna termasuk dari pemimpin-pemimpin peringkat atas. Contohnya, kita selalu salahkan pengurus, sedang pengurus-pengurus ini adalah daripada kumpulan dan orang-orang yang kita lantik. Kadang-kadang kita lupa bahawa sebilangan besar badan-badan ini adalah ditubuhkan setelah dibincangkan dengan begitu mendalam dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang mentadbir. Kalau projek-projek yang hendak dijalankan oleh Kerajaan, biasanya akan mengarahkan pihak perunding untuk mengemukakan kertas kerja yang dirancangan dan setelah dibincang

secara meluas, baharulah projek-projek ini dijalankan. Telah menjadi kebiasaan pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai yang disalahkan kalau terdapat kepincangan dan kegagalan terhadap projek yang dijalankan.

Jarang sekali kita membincangkan terhadap cadangan-cadangan dan tahap-tahap pekerjaan yang dikemukakan oleh kertas kerja perunding yang membawa kegagalan ini. Terdapat kadang kala semua prosedur-prosedur yang dicadangkan oleh perunding dijalankan oleh pentadbir ataupun pengurus-pengurus. Tetapi ini pun gagal juga Sayangnya yang menerima tohmah ialah pegawai-pegawai dan pengurus-pengurus yang berkenaan. Perunding selalunya terlepas dari kesalahan yang mereka kemukakan, bahkan bukan sahaja mereka terlepas dengan tuduhan, tetapi mereka berjaya mengaut keuntungan ke atas cadangan yang silap yang mereka kemukakan.

Saya juga mengakui terdapat pengurus-pengurus yang telah dilantik yang tidak menjalankan tugas yang baik sedangkan peringkat awal mereka adalah dipilih daripada kumpulan yang terbaik, tetapi setelah diberi tanggungjawab mereka telah melalaikan tanggungjawab ini dan menjadikan badan yang mereka uruskan itu atau projek yang dipertanggungjawabkan itu gagal sebelum ianya membawa kepada kejayaan. Seperti kata orang tua-tua "Kalau kayu ukur yang bengkok yang digunakan, bagaimana kita akan mendapat satu garis yang lurus". Saya tidak menolak cadangan yang gagal oleh kerana kekurangan kecekapan pengurus seperti yang telah disarankan tadi. Maka di sini adalah wajar bagi Kerajaan mengambil tindakan tegas seperti sebahagian daripada badan-badan berkanun yang telah ditutup dan ada di antara

pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai yang telah diberhentikan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula perunding-perunding yang telah memberi nasihat yang salah? Bukan sahaja perunding-perunding yang diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang terdiri daripada perunding-perunding dalam negeri, bahkan kemungkinan besar ada perunding-perunding yang dijemput khas untuk memberi cadangan-cadangan bagi projek-projek yang tertentu dari luar negeri dan kita selalu mendengar para Menteri mengatakan ini adalah perunding-perunding yang terbaik yang akan memberi cadangan, bentuk pekerjaan yang akan dikemukakan, merupakan semuanya yang terbaharu dan akan memberi keputusan dan hasil yang baik pada akhirnya, sepertimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dalam jawapan mengenai cadangan pembinaan jalanraya Genting Highlands-Bukit Fraser-Cameron Highlands.

Setelah projek ini dijalankan, setelah sebahagian besar wang dibelanjakan, setelah sebahagian besar rakyat mengharapkan kejayaannya, setelah ia menjadi satu berita yang besar, projek ini terbengkalai. Projek besar terbengkalai, projek kecil pun terbengkalai. Projek kecil terbengkalai kadang-kadang kerana kontraktor kecil tidak mempunyai wang yang cukup untuk mengendalikan projek itu sedangkan tuntutan-tuntutan mereka dilupakan daripada segi pembayaran kemajuannya. Tetapi bagaimana dengan projek-projek besar kalau mengikut perancangan yang telah dicadangkan oleh perunding bukan sahaja daripada segi sistem program dan tekniknya, terdapat juga cadangan-cadangan bagaimana hendak mendapatkan sumber-sumber

keuangan yang sempurna daripada Kerajaan ataupun daripada pinjaman, tetapi projek ini juga gagal, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah yang menjadi masalah kepada kita hari ini. Kalau kita katakan pengurusan tidak baik sedangkan Kerajaan memilih orang-orang yang terbaik dalam kumpulan yang baik. Kalau kita katakan program yang telah disusun tidak baik, Kerajaan telah memilih perunding-perunding yang terbaik dari dalam ataupun dari luar negeri. Kalau kita katakan Kerajaan tidak ada wang, kita telah mendengar bahawa penyusunan sumber wang ini telah ada oleh Kerajaan sendiri ataupun melalui pinjaman. Sebagai contoh, kalau projek-projek besar seperti yang telah biasa dibangkitkan di dalam Dewan ini dan akhir ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran mengenai projek PERWAJA di negeri Terengganu ataupun Sabah Gas dan lain-lain yang sebahagian besarnya diketahui oleh kita semua.

Sesungguhnya saya bersimpati dengan Kerajaan yang terpaksa menghadapi kegagalan demi kegagalan. Saya percaya kerugian yang besar negara ini dengan sendirinya akan merupakan kerugian yang besar kepada rakyat yang perlukan kepada pembangunah. Kalau dibincangkan kerugian ini dengan peruntukan pembangunan luar bandar yang diperuntukkan dalam tahun 1982, 1983, 1984 yang jumlahnya sehingga tahun 1985 adalah \$9,432 juta iaitu peruntukan selama 4 tahun dan hanya pada tahun 1989 sahaja baru dinaikkan menjadi \$517 juta. Kalau dicampurkan semua ini, saya percaya ianya adalah lebih kecil daripada kemungkinan kerugian yang akan dihadapi oleh Kerajaan dalam pembangunan-pembangunan yang telah gagal dan melalui badan-badan berkanun separuh Kerajaan dan lain-lain, tetapi kita mesti beri peluang

kepada Kerajaan untuk membuat pemeriksaan yang sempurna seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui Budget yang telah disarankan.

Cuma yang saya harap penyusunan semula jangan diambil melalui jalan yang paling senang iaitu dengan memansuhkan perbelanjaan yang besar yang telah dibuat oleh Kerajaan dan menjualnya kepada pihak private sector ataupun swasta dengan bayaran yang rendah. Saya terdengar, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya projek PERWAJA yang telah dibelanjakan sebanyak \$1.6 bilion dan modal \$1.6 bilion itu akan dipindahkan dan akan dihapuskan dan akan diberikan kepada swasta dengan hanya sebanyak \$500 juta, bermakna Kerajaan akan menghapuskan \$1.1 bilion. Apakah ini sahaja pilihan Kerajaan untuk mengubahsuai kegagalan yang telah dihadapi seperti yang pernah Kerajaan menjawab dalam Dewan ini, apabila gagal dalam bidang perniagaan Pasaran Bijih Timah London dahulu, katanya, "dalam perniagaan ada untung, ada rugi". Maka oleh kerana rugi kita terpaksa menghapuskan semua ini.

Bagaimana pula kalau kaedah yang sama ini diucapkan oleh peminjam-peminjam daripada bank ataupun daripada MARA bukan kerana mereka tidak berusaha untuk menjayakan program dan rancangan perniagaan mereka tetapi kerana beberapa sebab yang tertentu, rancangan dan projek mereka itu gagal, saya percaya sudah tentu bank-bank atau MARA tidak akan menghapuskan hutang mereka ini. Disebabkan itu, tidak hairanlah pada hari ini Kerajaan melalui bank-bank perniagaan ataupun Bank Bumiputra telah berjaya mengisytiharkan banyak pengurus-pengurus bumiputera menjadi muflis dan bankrap. Kalau pun mereka muflis dan bankrap, mereka terpaksa membayar hutang tetapi apabila Kerajaan gagal dalam

perniagaan, sukacita kita hapuskira sahaja. Kalau pemimpin dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mentadbir dalam projek-projek dan dalam rancangan-rancangan besar yang telah gagal ini terlepas dengan senang "Yang Berhormat, mereka yang telah gagal ini mesti diberhentikan", kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan pemimpin yang telah gagal dan yang telah merosakkan wang negara? Kata Yang Berhormat Menteri Kewangan "mereka kena berhenti". Bisikan yang paling halus tetapi sampai ke sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja terdapat kegagalan dalam sektor Kerajaan dan badan-badan berkanun Kerajaan seperti perbadanan-perbadanan awam bukan kewangan kerana pengurusannya tidak baik dan juga pengurusan dan pengusaha yang baik yang telah mencebur dalam bidang-bidang kontrak usahawan yang lain dan oleh kerana mereka dekat dengan pemimpin, mereka diberi tugas tetapi akhirnya gagal seperti pembangunan di Pulau Langkawi dan oleh kerana mereka boleh bergesel bahu, mereka diberi tempat dalam badan-badan kewangan seperti koperasi dan badan korporat yang lain dalam negara ini. Rakyat kagum mendengar nama mereka tetapi bila mereka diberi tugas, mereka mentadbir sesuka hati mereka, kerana mereka dekat dengan pemimpin, kerana mereka dikatakan sebagai orang yang bijak kerana mereka berjaya satu dua projek dan mereka dikatakan hartawan, mereka mengambil kesempatan puji-puja ini dan dalam masa rakyat atau ahli-ahli badan tertentu mengharapkan kejayaan. Orang-orang ini menghancurkan harapan ahli-ahlinya.

Inilah yang berlaku dalam Koperasi Usaha Bersatu UMNO-UMNO lama, bukan UMNO baru-Syarikat yang

ditaja oleh UMNO dahulu, ada Menteri, ada Pemuda UMNO yang telah melaporkan kes ini kepada Polis tetapi saya ingin memaklumkan, Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi ini juga telah melaporkan kes ini dan bukan pada tahun ini sahaja laporan ini yang telah diberikan, Pengerusi Lembaga Pengarah telah melaporkan kes ini 2 tahun sudah kepada Perdana Menteri, kepada Menteri Kewangan, kepada Bank Negara atas sikap bertangjawab kepada 110,000 ahli-ahli Koperasi, tetapi kenapa semua orang-orang ini mendingkan diri? Kewangan Usaha Bersatu Berhad yang telah banyak merosakkan sumber kewangan KOOP Bersatu ini, \$600 juta daripada pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan melalui kuasa yang diberi kepada Pengurusnya telah tidak terbayar sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah wadah yang telah terdedah kepada masyarakat bumiputera dan ahli-ahli UMNO hari ini. Apakah perkara ini kalau kita bangkitkan, ia merupakan satu fitnah ataupun perkara yang menjadi masalah dan pedoman kepada semua kita yang tidak menyertai UMNO yang ada pada hari ini ataupun yang menyertai UMNO yang ada pada hari ini. Adakah ada etika "secrecy" dalam badan kewangan, ahli-ahli Lembaga Pengarah tidak diberi peluang untuk menyiasat? Bank Negara sepatutnya telah menjalankan tugas ini dan penyiasatannya perlu diberi kepada Lembaga Pengarah badan ini. Tetapi setelah laporan diminta 2 tahun sudah, sehingga hari ini tidak dapat. Apakah ini bukan merupakan satu tanggungjawab Kerajaan dan tanggungjawab seluruh pemimpin, tanggungjawab Bank Negara kerana inilah badan yang telah ditajakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada satu ketika dahulu, tetapi yang timbul salahnya ialah Lembaga Pengarah

Koperasi Bersatu sahaja. Saya berjanji dan saya berhasrat untuk menyiasat lebih lanjut lagi dan saya sebelum itu meminta supaya Bank Negara menyiasat, kalau perlu syarikat dan orang-orang perseorangan yang telah mendapat kemudahan pinjaman di luar daripada dugaan, mufliskan sahaja orang ini, jangan ada anak kandung, anak gahara di dalam pentadbiran kita. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, bila ada anak kandung, anak gahara inilah yang membawa kepada persengketaan yang tidak habis-habis, membawa kepada perpecahan yang tidak habis-habis, tuduhan yang tidak habis-habis.

Saya setuju seperti kata Yang Berhormat dari Kok Lanas, kita kembali ke pangkal jalan, tetapi bagaimana mahu kembali ke pangkal jalan \$600 juta wang daripada ahli-ahli UMNO yang telah dilaburkan, tidak mahu kembali ke pangkal jalan, dan orang yang meminjam terus selamat. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengambil tindakan dalam perkara ini. Kalau ada Ahli Lembaga Pengarah yang terlibat dakwaan mereka, kalau ada pegawai yang terlibat dakwaan mereka, kerana kita berjanji kepada rakyat untuk mempraktikkan "Bersih, Cekap dan Amanah", tetapi apa yang telah saya sarankan "tidak bersih, tidak cekap, jauh sekali amanah".

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Budget ini. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.02 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1989 yang berjumlah \$30,164,326,960

seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Saya setuju dengan strategi Belanjawan yang antara lain akan menyusun semula sistem cukai, meningkatkan peranan sektor swasta bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan pengangguran dan juga meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Saya berpendapat bahawa penurunan cukai syarikat daripada 40% ke 35% akan memberi iklim yang lebih menarik kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya, lebih-lebih lagi dari segi pelaburan asing yang dijangka akan meningkat.

Saya juga yakin bahawa negara kita ini berada di peringkat permulaan ekonomi perindustrian, mungkin di satu masa nanti Malaysia akan setanding dengan negara-negara maju, seperti Jepun, Korea dan Taiwan, sekiranya semua pihak bersungguh-sungguh untuk membangunkan ekonomi. Sejajar dengan matlamat perindustrian, saya ingin menggesa pihak Kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan infrastruktur seperti lebuhraya dan lain-lain sistem perhubungan di negara ini. Penekanan hendaklah juga diberi ke atas pembesaran kemudahan pelabuhan-pelabuhan seperti di Pulau Pinang, Kelang, Kuantan, Pasir Gudang serta juga di Kota Kinabalu dan Labuan supaya barangan eksport negara ini dapat diuruskan dengan lebih cekap lagi. Walaupun dalam keadaan sekarang, kemudahan pelabuhan agak mencukupi, persediaan hendaklah dibuat untuk mengambilkira pengeluaran eksport yang akan berlipatganda di dalam beberapa tahun yang akan datang. Negara ini hendaklah juga mencontohi

kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan negara maju seperti di Hamburg, Jerman Barat, di Antwerp, Belgium yang bukan sahaja berupa memberi khidmat kepada barangan import eksport negara mereka masing-masing, tetapi juga menjadi pusat pengangkutan import eksport negara-negara sekelilingnya di Eropah Barat. Mungkin pelabuhan seperti Pasir Gudang, Johor dapat dijadikan sebagai pelabuhan serantau ASEAN sekiranya kemudahan diperbanyakkan untuk kegunaan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Lebuh raya Utara—Selatan adalah satu perkembangan positif terhadap pembangunan ekonomi amnya dan yang berasas perindustrian khususnya. Dalam hal ini saya ingin menegaskan bahawa perhatian hendaklah juga ditumpukan kepada negeri-negeri yang sangat memerlukan perhubungan lebuh raya untuk mempertingkatkan pertumbuhan perindustriannya, lebih-lebih lagi negeri-negeri yang tidak dimasukkan ke dalam corridor perindustrian seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang. Negeri-negeri ini pada asasnya bergantung kepada ekonomi pertanian hendaklah diberi peluang dan kemudahan juga untuk membangun dalam sektor perindustrian, khususnya industri sokongan seperti membuat komponen-komponen bagi keperluan industri-industri besar. Dengan wujudnya industri-industri sokongan untuk keperluan industri-industri besar, maka bukan sahaja banyak peluang kerja dapat dinikmati di kawasan-kawasan yang agak ketinggalan sekarang, tetapi juga akan dapat mengurangkan kos pengeluaran bagi industri-industri besar di negara ini, yang seterusnya akan menghasilkan barangan eksport yang lebih competitive. Pendeknya peranan industri sokongan adalah penting di mana-mana negara perindustrian. Hal ini nyata sekali kalau dilihat di Jepun, Korea dan Taiwan di mana industri

berat atau industri besar saling bantu-membantu dalam usaha pengeluaran. Oleh itu adalah wajar bagi pihak Kerajaan, terutamanya dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi perhatian khusus untuk mewujudkan industri sokongan terutamanya di negeri-negeri yang tidak dimasukkan dalam corridor perindustrian. Seajar dengan itu Kementerian Kerjaraya harus juga memberi perhatian kepada pembinaan lebuh raya yang lebih cepat untuk memudahkan penubuhan perhubungan di antara kawasan-kawasan perindustrian sokongan dengan kawasan-kawasan industri besar dan juga dengan pelabuhan-pelabuhan.

Pembinaan lebuh raya di antara Kedah dan Pulau Pinang umpamanya hendaklah dipercepatkan lagi bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi perindustrian, bukan sahaja di Zon Perusahaan Bebas di Bayan Baru dan Perai, tetapi juga untuk membuka jalan kepada Perlis dan Kedah mewujudkan kawasan-kawasan industri sokongan mereka yang boleh memberi faedah kepada perindustrian lain di seluruh negara. Apa yang berlaku sekarang ialah kelambatan pelaksanaan membina lebuh raya di antara Pulau Pinang dengan Kedah khabarnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganggap bahawa ekonomi perindustrian di Pulau Pinang akan menghadapi persaingan sekiranya pembinaan Lebuh raya di kawasan Pulau Pinang dipercepatkan. Itulah sebabnya proses pengambilan tanah untuk pembinaan Lebuh raya di antara Pulau Pinang dan negeri Kedah dilambat-lambatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seajar dengan Pelan Induk perindustrian, Kerajaan hendaklah memperbanyakkan kemudahan untuk menyediakan belia-belia dalam sektor perindustrian. Sekolah-sekolah

Menengah Vokasional dan Teknik bukan sahaja ditambah, tetapi juga hendaklah disesuaikan dengan perkembangan perindustrian di negara ini. Pelajar-pelajar lepasan sekolah-sekolah ini sewajarnya akan diterima terus oleh syarikat-syarikat perkilangan berdasarkan pelajaran atau kursus yang dijalani oleh mereka. Kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar lepasan Sekolah Vokasional atau Sekolah Teknik yang tidak secukup dengan keperluan sektor perindustrian khususnya dalam bidang perkilangan. Di samping itu kemudahan-kemudahan lain-lain latihan seperti pengajian pengusahawan, pengurusan dan perdagangan hendaklah diperluas dan dipertingkatkan mutunya di negara ini. Dalam keadaan sekarang kemudahan yang disediakan di universiti-universiti dan lain-lain pusat pengajian tinggi di Malaysia ini agak terhad dalam bidang yang disebutkan. Pusat-pusat pengajian tinggi kita agak masih terpengaruh dengan kursus-kursus berbentuk akademik dan kurang menekankan kursus-kursus professional atau yang lebih praktik untuk menyediakan siswa-siswa ke sektor perindustrian dan perdagangan.

Kita selalu berbangga dengan tenaga pekerja kita yang mahir dan senang dilatih. Biarlah kebanggaan kita ini bukan sahaja menjadi kenyataan juga kemahiran tenaga kerja itu adalah diberbagai bidang daripada pekerja kilang biasa hinggalah ke tahap usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan pertahanan negara terutama dengan persetujuan untuk membeli panaviad tornado untuk menggantikan pesawat-pesawat pejuang TUDM yang telah usang. Kita semua berharap agar pesawat-pesawat buatan konsortium British, Jerman, Italy itu akan membolehkan angkatan udara kita mengawasi ruang

udara negara ini dengan lebih berkesan lagi. Hanya dengan pesawat dan kelengkapan moden akan membolehkan tentera udara kita menghadapi sebarang kemungkinan dari ancaman. Lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan terpencil seperti di ruang udara di antara Semenanjung dengan Malaysia Timur. Dan juga di perairan antarabangsa yang menjadi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) terutamanya di sekitar kepulauan Spratly. Walaupun masalah di sekitar kepulauan tersebut belum lagi mengancam kedaulatan Malaysia tetapi pihak tentera kita harus sentiasa bersedia untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan supaya pulau-pulau kecil dan terumbu-terumbu kepunyaan Malaysia tidak dicabuli oleh negara-negara asing.

Sehubungan dengan pengawasan di ZEE pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) hendaklah juga diperkuatkan dengan penambahan kelengkapan dan juga kemudahan pengkalan. Pihak TLDM bukan sahaja harus memperbanyakkan rondaannya di ZEE tetapi juga mempercepatkan pembinaan dan pembesaran pengkalan di Labuan dan Sandakan, Sabah. Pengkalan-pengkalan ini hendaklah mempunyai kemudahan untuk kapal-kapal selam yang akan berkhidmat dengan TLDM tidak lama lagi.

Pada hemat saya pengawasan perairan dan ruang udara negara kita di antara Semenanjung dan Malaysia Timur adalah sangat penting. Kawasan ZEE Malaysia di Laut China Selatan mempunyai sumber kekayaan yang besar termasuk petroleum dan gas yang menjadi perhatian beberapa negara jiran. Sekiranya kita tidak sentiasa atau mampu menunjukkan kewibawaan untuk mempertahankan hak kita dengan rondaan-rondaan laut dan udara maka negara-negara jiran akan menganggapnya sebagai

kelemahan dan ini boleh mengakibatkan pendaratan pasukan tentera-tentera asing di Terumbu-terumbu terpencil seperti di kawasan Spratly. Perkara ini telah berlaku di akhir tahun 70an dan awal 80an dan ianya tidak boleh dibenarkan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di atas kejayaan Malaysia menganggotai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau MKPBB selama dua tahun mulai 1hb Januari, 1989. Keanggotaan tersebut akan membolehkan Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif di arena antarabangsa. Sebagai anggota Majlis Keselamatan, Malaysia akan sentiasa dihubungi oleh para anggota lain terutama kuasa-kuasa besar dalam berbagai isu antarabangsa sama ada yang melibatkan Rantau Asia mahupun masalah ekonomi seluruh dunia. Memandangkan keadaan ini Malaysia hendaklah memperjuangkan bukan sahaja kepentingan tetapi juga kepentingan bersama masyarakat dunia. Ini termasuk isu-isu seperti kemiskinan di beberapa negara di Afrika dan Asia. Malaysia harus juga menunjukkan kewibawaannya dalam memperjuangkan nasib bangsa-bangsa yang dijajah oleh kuasa-kuasa asing seperti yang sedang berlaku di Palestine, Kampuchea dan Afghanistan.

Pendirian negara ini haruslah tegas dan tidak berbelah bahagi dalam soal penjajahan. Ini juga termasuk penjajahan Perancis terhadap New Caledonia di Lautan Pasific. Malaysia juga harus memainkan peranan penting dalam usaha mencari perdamaian di dalam berbagai persengketaan antarabangsa termasuk persengketaan Iran/Iraq dan juga di Namibia. Penyertaan sekumpulan

pegawai tentera Malaysia yang dihantar menganggotai kontinjen tentera Bangsa-bangsa Bersatu atau UNIIMOG adalah satu contoh daripada peranan negara ini dalam mencari penyelesaian sengketa antarabangsa.

Dalam hal ini adalah lebih baik kumpulan pegawai-pegawai tentera Malaysia di UNIIMOG itu diperbesarkan supaya mereka boleh bertugas dengan lebih berkesan atas nama PBB dan juga Malaysia. Begitu juga dengan Rancangan Malaysia untuk menghantar satu batalion tenteranya untuk berkhidmat dengan kontinjen PBB di Namibia. Dengan peranan diplomatik yang lebih aktif di medan antarabangsa, Malaysia akan dapat menjalin persahabatan yang lebih erat dengan semua negara-negara lain. Ini akan menguntungkan kita bukan sahaja sebagai rakyat Malaysia tetapi juga sebagai anggota masyarakat dunia yang mahukan keamanan dan kesejahteraan. Kita tidak mahu mengulangi keadaan seperti di tahun 1963/1965 sewaktu Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri di mana Malaysia tidak dikenali ramai dan tidak mendapat sokongan antarabangsa di dalam persengketaannya dengan Indonesia. Pada masa itu negara kita terlalu bergantung kepada sokongan British dan Commonwealth yang tidak mencukupi untuk mematahkan serangan diplomatik yang dibenarkan oleh Indonesia di medan antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kontinjen kita yang telah bertanding di Sukan Olimpik Seoul, Korea. Walaupun kita tidak memenangi apa-apa pingat di Sukan Olimpik itu, kita sekurang-kurangnya telah mengambil bahagian. Namun begitu, saya suka menyarankan supaya Kementerian Belia dan Sukan mempertingkatkan usahanya untuk melatih para olahragawan negara kita

dengan cara yang lebih profesional. Saya suka menyarankan supaya kita mengimport Pengurus dan Jurulatih daripada luar negeri untuk menyediakan kontinjen kita ke Sukan Olimpik yang akan datang di Madrid. Kita hendaklah sanggup memberi perhatian kepada persediaan olahragawan kita dengan segala cara dan janganlah sekali-kali melantik Pengurus atau Jurulatih kontinjen dengan hanya berasaskan kenalan ataupun status seseorang dalam masyarakat ataupun yang menjadi Penaung dalam jawatankuasa-jawatankuasa badan sukan. Selagi kita tidak sanggup menggunakan tenaga profesional maka selama itulah kontinjen kita tidak akan maju di arena sukan antarabangsa.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bolasepak Malaysia yang berjaya menarik minat orang ramai ke pertandingan bolasepak Piala Malaysia tahun ini. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan mutu permainan ternyata dengan penubuhan divisi-divisi untuk pertandingan liga bolasepak di peringkat kebangsaan dan juga usaha-usaha mengimport pemain-pemain asing oleh persatuan-persatuan bolasepak tempatan bagi memperkuatkan pasukan masing-masing. Kita berdoa agar pasukan bolasepak Malaysia akan setanding dengan pasukan-pasukan negara lain seperti Maghribi, Kuwait ataupun Korea yang mempunyai kemampuan memasuki perlawanan bolasepak Piala Dunia di peringkat suku akhir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai peminat bolasepak, saya ingin menjemput semua Ahli Dewan ini untuk menonton perlawanan peringkat akhir Piala Malaysia di antara pasukan Kedah dan Kuala Lumpur pada hari Ahad 6hb November yang akan datang. Saya meramalkan pasukan Kedah akan

menjadi juara bolasepak Piala Malaysia tahun ini (*Tepuk*). Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Maran.

5.20 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya memang sudah lama hendak bercakap tetapi alhamdulillah hari ini dapat bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindah tempat duduk ini bukanlah permintaan saya. Dahulu saya di Blok E, sekarang di Blok C. Tetapi insya Allah, saya tidak akan meminta untuk pindah tempat duduk. Bererti biarlah saya kekal mewakili UMNO di dalam Barisan Nasional (*Tepuk*). Kerana sesiapa yang suka meminta pindah tempat duduk adalah merupakan orang yang kurang berprinsip.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh mengenai Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan tempoh hari, ingin saya menyebut beberapa prinsip hidup kita di atas muka bumi ini. Di antaranya ialah menjaga keselamatan negara. Menjaga keselamatan negara adalah merupakan tanggungjawab seluruh warganegara yang tinggal di negara, mana-mana negara sekali pun, tanpa mengira sama ada orang itu orang kampung, orang Kerajaan, Pembangkang ataupun penyokong Pembangkang ataupun siapa sahaja di dalam negara ini. Kerana kepentingan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara adalah bertujuan untuk menjaga keamanan negara kita. Apabila negara kita aman, bererti kita boleh hidup selesa di dalam negara kita yang aman ini.

Tuan Yang di-Pertua, manusia selalunya digodai oleh nafsu. Sebab itulah siapa manusia yang dapat

menahan nafsunya, maka orang itu merupakan orang yang berjaya di dalam kehidupannya. Oleh itu, apa sahaja yang kita bertindak, kita mestilah memikirkan masalah orang ramai. Jangan sahaja apabila kita bertindak memikirkan masalah kita lebih daripada masalah orang ramai, kerana kalau kita berfikir demikian, maka kadangkala apa yang kita ambil tindakan di atas fikiran kita sahaja maka tindakan yang kita ambil itu menyusahkan negara dan juga menyusahkan orang ramai. Sebab itulah Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. telah menyarankan, "janganlah kamu menjadi beban kepada orang lain". Maksudnya, janganlah kita ini cuba mencari jalan untuk menyusahkan orang lain sedangkan apa yang kita kemukakan itu bukannya untuk menyenangkan orang lain, bahkan menyusahkan orang lain. Sebab itulah dalam Islam, perlu kita membetulkan diri kita. Kita sentiasa melihat diri kita sendiri ke arah mana kita bertindak sama ada kepentingan itu untuk kepentingan orang ramai ataupun akan menyusahkan orang ramai.

Perkara ini mudah. Apabila sesuatu yang kita kemukakan, sekiranya ramai yang menentang kita, maka sudah barang tentu perkara yang kita hendak kemukakan itu kurang baik. Itu secara mudah kita mengukur. Tetapi apa sahaja anjuran yang kita kemukakan mendapat sokongan orang ramai, bererti perkara itu baik dan perlulah kita memberi sokongan. Kita perlu memikirkan ke arah ini, janganlah kita hanya memikirkan apa yang kita fikirkan itu mesti berjaya demi untuk kepentingan kita sahaja tanpa memikirkan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Islam juga menganjurkan kita supaya mempunyai sifat malu. Maksud saya bukannya malu untuk berniaga. Itu bukannya malu, itu malas. Jangan kita malu untuk mencari nafkah yang halal.

Kalau kita malu, bererti kita tidak mendapat kejayaan. Jangan kita malu belajar. Jadi, kalau orang malu belajar, bererti orang itu malas belajar. Tetapi sifat malu yang dituntut oleh Islam ialah sifat malu menjaga diri kita daripada mengerjakan perkara yang buruk, kerana apabila kita tidak malu melakukan perkara yang tidak baik, perkara yang buruk, perkara yang boleh merosakkan masyarakat ramai maka bererti kita telah merosakkan masyarakat dan kita telah melakukan perkara yang tidak disenangi oleh ramai. Sebab Hadis dari Nabi Besar Muhammad s.a.w. sendiri bersabda, "alhayau qhoirul kulluh". Ertinya apabila seseorang itu mempunyai perasaan malu maka baiklah keseluruhannya. Kerana seseorang itu mempunyai perasaan malu dia tidak akan bertindak mengikut kemahuannya sahaja. Tetapi apabila dia hendak bertindak, dia sentiasa memikirkan ke arah kebaikan. Dia tidak mengikut hanya sesuka hati sahaja. Tetapi kalau sekiranya manusia itu telah hilang pedoman, hilang perasaan malu, maka buatlah apa yang kita suka. Sebab Nabi sendiri telah bersabda, "iza lam tastahi fasnama syi'ta", bererti, "apabila kamu hilang perasaan malu, maka buatlah apa yang kamu suka tetapi ingat padanya akan kamu terima". Inilah di antara prinsip Islam yang diajar kepada kita manusia supaya memikirkan ke arah kebaikan keseluruhan, bukan sahaja kebaikan diri kita bahkan kebaikan keseluruhan. Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. hendak beri jalan?

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya memang tidak hendak bercakap panjang.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Maran mengenai soal malu dan merupakan satu sifat yang harus ada kepada kita orang Islam ataupun orang Melayu, kerana Melayu di Malaysia ini Islam.

Apa pendapat atau penjelasan saudara mengenai satu cadangan atau gagasan yang pernah dibuat oleh seorang pemimpin Melayu yang mengatakan "Melayu mesti kurang ajar, kalau Melayu mahu maju". Apakah boleh Yang Berhormat jelaskan antara sifat malu-malu di kalangan orang Melayu dengan lebih baik dengan sifat orang Melayu harus kurang ajar. Saya mohon mendapat penjelasan.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut sahaja perkataannya "kurang ajar" itu sendiri memang perkataan kurang baik. Jadi siapa yang bersikap sedemikian bererti dia termasuk di antara orang yang kurang baik. Itu sahaja penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak sebut di sini ialah mengenai fitnah. Fitnah ini ialah satu perubahan yang amat keji di sini Islam. Sebab itu Allah s.w.a. sendiri berfirman dalam surah Al-Baqarah, antaranya ialah "alfitnatu asyaddu minal qatli" dan satu ialah "alfitnatu akbaruminal qatli". Mengapakah Tuhan berfirman sedemikian ialah kalau sekiranya kita membunuh seorang ertinya fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh ataupun fitnah itu lebih besar dosanya daripada membunuh. Bererti kalau kita membunuh seorang, kita hanya berdosa dengan orang yang kena bunuh, kalau sekiranya kita melemparkan fitnah, maka fitnah yang kita keluarkan itu akan merosakkan seluruh negara dan orang ramai.

Sebab itulah Islam sendiri melarang kita jangan membuat fitnah, tetapi di zaman akhir-akhir ini fitnahlah yang paling digemari oleh manusia, tetapi ingatlah ini adalah amaran daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala, apabila fitnah berleluasa, maka kita akan terimalah akibatnya. Jadi, jauhilah diri kita sekurang-kurangnya janganlah kita mencari dosa kerana membuat fitnah. Biarlah siapa yang suka mencari dosa membuat fitnah . . . . .

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Marang mahu tanya Maran. Tadi dikatakan bahawa sejak akhir-akhir ini banyak berlaku fitnah. Saya ingin bertanya siapa yang fitnah siapa, siapa yang kena fitnah, apa yang difitnah dan bolehkah ditunjukkan bukti-bukti fitnah atau contoh fitnah itu?

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan asal tadi, saya bercakap secara prinsip. Siapa yang makan lada, orang itulah berasa pedas, tanpa mengira siapa, di mana dia duduk, tetapi larangan fitnah itu adalah kepada keseluruhan orang-orang Islam dan hendaklah kita menjauhi daripada membuat fitnah. Jadi, siapa yang hendak membuat fitnah, terpulanglah kepada masing-masing, tetapi dosanya mereka sendirilah akan tanggung.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya masuk dalam soal Belanjawan ini dan saya ingat tidak ada gangguan selepas ini, saya akan teruskan.

Saya ingin menyentuh mengenai bidang pertanian yang mana kita telah

memperuntukkan sebanyak \$521 juta bagi bidang pertanian, di antaranya termasuklah membuka rancangan tanah FELDA dan sebagainya, termasuklah juga diantaranya untuk membaikpulih atau memajukan tanah-tanah terbiar yang mana kita kedapatan sekarang lebih kurang 69,000 hektar tanah terbiar yang tidak diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar ini banyak terdapat di luar bandar dan itu perlu Kerajaan memberi bantuan kerana kalau tidak memang tidak mampu bagi orang luar bandar untuk melaksanakannya. Kita perlu membela orang-orang luar bandar kerana mereka adalah merupakan orang-orang yang bergantung seratus-peratus hasilnya daripada tanah, kerana kita kedapatan mengikut ilmu anthropologi ataupun sosiologi, mana-mana manusia yang berpegang kuat atau mendapat penghasilan daripada tanah adalah yang paling cinta kepada tanahair kerana mereka merasakan hasil daripada tanahlah mereka boleh hidup. Sebab itulah perlu memberikan pembelaan kepada orang-orang di luar bandar yang banyak memiliki tanah terbiar. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana mengambil tindakan sedemikian rupa untuk memajukan tanah di luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk kepada industri kecil. Sememangnya perlu kita mendirikan industri kecil kerana ini akan memberikan pendapatan kepada orang-orang sekitar bandar dan juga di luar bandar. Saya suka menyarankan supaya Kerajaan mengadakan industri kecil selain daripada di luar bandar, di kampung-kampung lama, juga termasuklah di FELDA, di rancangan-rancangan tanah.

Saya menyarankan sedemikian rupa kerana di rancangan peserta-peserta telah dikumpulkan dengan begitu

baik, kemudahan asas mudah didapati. Maka kalau kita mendirikan industri kecil, kita senang mendapat tenaga buruh dan pekerja-pekerja di sana. Punca ekonomi adalah empat: tanah, modal, pengusaha dan buruh. Saya percaya di FELDA beberapa punca ekonomi telah didapati. Kalau kita memberikan kemudahan berupa modal, maka sudah barang tentu industri kecil di FELDA senang dijalankan.

Dan juga saya menyarankan supaya Kerajaan memikirkan untuk menubuhkan mini-bank kerana kita kedapatan bank-bank itu terletak di pusat-pusat bandar, sukar bagi orang luar bandar untuk berurusan. Kalau kita wujudkan mini-bank di luar-luar bandar, maka mudahlah bagi mereka yang tinggal di rancangan-rancangan luar bandar berurusan untuk mendapatkan sumber kewangan. Jadi sesuaiilah dengan hasrat kita untuk memulihkan tanah terbiar dan juga membuat industri kecil di luar bandar. Senanglah bagi mereka untuk membuat pinjaman wang dengan bank-bank yang tertentu. Kalau boleh di antaranya seperti Bank Pertanian ataupun Bank Islam kita wujudkan di rancangan-rancangan tanah dan di luar-luar bandar.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai Darul-Arqam. Telah jelas kepada kita semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengharamkan buku Aurad Muhammadiyah. Jadi, apabila ulama-ulama besar telah memberikan keputusan demikian, maka sudah barang tentu ada percanggahan dengan Islam. Jadi, inginlah saya merayu kepada pengikut-pengikut Darul-Arqam supaya tinggalkan pertubuhan yang tidak berdaftar itu dan baliklah semula kepada Islam yang sebenar kerana tujuan kita hidup bukan sahaja kemudahan dan nikmat dunia, tetapi ingatlah bahawa tujuan kita hidup ialah berkehendakkan

kemudahan dan nikmat di akhirat. Kalau sekiranya Kerajaan sudah menentukan bahawa ajaran itu tidak betul, memang tidak boleh kita mengikutinya lagi, kerana itu akan menjadikan kita sesat dan tidak menjadi orang yang sepatutnya yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pusat Dakwah, dalam usaha kita menyampaikan dakwah ataupun menyebarkan dakwah Islamiah kepada umat Islam di seluruh negara ini, inginlah saya menyarankan supaya seluruh Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat-pusat Dakwah. Kalau sekiranya Kerajaan Persekutuan perlu memberikan bantuan sama ada untuk mendirikan bangunan-bangunan ataupun kakitangan, maka Kerajaan Persekutuan mestilah memberikan bantuan kerana perkara ini adalah perkara penting, perkara pokok bagi menentukan lagi bagi agama Islam kita ini sentiasa terjaga.

Mahkamah Syariah adalah merupakan satu cita-cita Kerajaan untuk menentukan hukum-hukum Islam dapat berjalan dengan baik di negara kita. Saya menyarankan lagi supaya Kerajaan meramaikan lagi Kadhi-kadhi berkursus cara menjalankan mahkamah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan juga membina bangunan-bangunan Mahkamah Syariah di daerah-daerah di seluruh negara ini kerana apabila ada kemudahan ini, bolehlah kita menjalankan Mahkamah Syariah dengan lebih baik dan teratur.

Satu perkara yang penting ialah kedapatan dalam negeri-negeri yang kekurangan kakitangan dalam menjalankan hal Mahkamah Syariah ini, jadi perlulah kita memikirkan bersama tanpa mengira Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Ini adalah Malaysia, negara kita, bersama-samalah memikirkan untuk menambahkan lagi

kakitangan dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan kakitangan adalah disarankan oleh Kerajaan, sebanyak 18,700 jawatan kosong yang penting akan diisikan, termasuklah anggota polis. Saya suka menyarankan apabila kita mengambil anggota pasukan polis hendaklah anggota polis itu diletakkan, ditempatkan di luar-luar bandar dan juga di rancangan-rancangan tanah kerana jenayah berlaku tidak menentukan tempat, sama ada hendak berlaku di bandar ataupun di luar bandar. Tambahan pula pengedar dadah dan juga penagih-penagih dadah telah meresap ke kampung-kampung di luar bandar. Jadi, perlulah penambahan anggota polis itu ditempatkan di luar-luar bandar demi untuk menjaga keselamatan negara kita.

Perkara lain yang saya hendak menyebutkan ialah mengenai kegunaan kayu getah. Saya ingin menyarankan supaya Kerajaan membuat kajian bagi menggunakan pokok kayu atau batang-batang getah itu digunakan untuk membuat kertas murah bagi kegunaan untuk membuat surat khabar dan sebagainya. Kalau tak silap, saya difahamkan bahawa di antara kayu yang baik bagi kegunaan membuat kertas ialah pokok kayu getah. Kita memang banyak pokok ini. Apabila kita hendak menanam semula sudah barang tentu pokok-pokok ini akan dibuang begitu sahaja. Jadi mestilah kita fikirkan untuk kegunaan bagi faedah kita bagi memproses pokok kayu getah itu.

Seperkara yang lain saya hanya menyarankan ialah mengenai royalti minyak petroleum. Saya difahamkan bahawa negeri Pahang ada juga salah seorang menjadi ahli Majlis Penasihat Petroleum Negara.

Pada dulunya kalau tidak silap saya di Pahang hendak dibuat tempat keluar

minyak tetapi di negeri lain keluar minyak. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk memberi royalti selain daripada Terengganu, Pahang juga dapat, Kelantan pun dapat. Semua negeri-negeri di sebelah Timur sana mendapat royalti daripada minyak yang dikeluarkan di sebelah Timur sana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.41 ptg.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin bin Ibrahim (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 yang banyak menitikberatkan penyusunan semula cukai merupakan satu usaha yang berani bagi menggalakkan sektor swasta mengambil peranan penting dalam mengembalikan semula pertumbuhan ekonomi negara yang saya sifatkan sebagai lembab sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bahkan saya mengambil kesempatan ini untuk memuji langkah dan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan sehinggakan membawa kita semua keluar daripada kelembapan tersebut. Langkah-langkah objektif dan bertanggungjawab daripada pihak Kerajaan itu telah memanfaatkan seluruh rakyat jelata.

Penurunan kadar cukai syarikat sebanyak 5% tentu sekali menjadikan satu intensif yang berkesan kepada sektor swasta untuk meningkatkan prestasi masing-masing. Apa lagi penghapusan cukai pembangunan secara beransur-ansur merupakan bonus tambahan kepada mereka, terutamanya syarikat-syarikat yang besar.

Langkah yang dicadangkan ini merupakan satu usaha yang bertepatan dan mengikut kehendak masa demi untuk menjamin keadaan ekonomi dan politik yang lebih cerah dan stabil,

khususnya melalui pelaburan-pelaburan pihak swasta. Langkah yang diambil ini bukan sahaja mempelawa pelabur-pelabur asing menanam modal di negara kita, malah ianya tentu juga menggalakkan pelabur-pelabur dalam negeri. Insentif ini akan menjadikan negara kita mempunyai daya persaingan yang kuat berbanding dengan negara-negara membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bayangkan pertumbuhan ekonomi negara kita melalui pelaburan pihak swasta ini akan dapat menyenangkan hati dan fikiran belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita yang sedang mencari pekerjaan yang pada masa ini mempunyai jumlah yang tinggi dari segenap peringkat pelajaran, dari sekolah menengah hinggalah ke para lulusan universiti. Dengan lebih banyak pelaburan yang dicurahkan akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan ini.

Laporan Ekonomi 1988/1989 menganggarkan peluang-peluang pekerjaan akan meningkat sebanyak 3.4% manakala jumlah tenaga buruh pula akan berkembang sebanyak 3.1%.

Sektor-sektor yang dijangkakan dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan ialah sektor perkilangan, pertanian, perhutanan, perikanan dan sektor perniagaan. Berdasarkan kepada angka ini menggambarkan perkembangan yang sama rata di antara sektor desa dan bandar. Walaupun kadar pertumbuhan peluang-peluang pekerjaan adalah berlebihan jika dibandingkan dengan kadar pertambahan pengangguran, namun saya ingin juga menyuarakan kebimbangan mengenai keadaan-keadaan semasa pasaran buruh di negara kita.

Di samping isu yang telah bertahun-tahun kita dengar ialah tentang aliran buruh dari desa ke bandar. Negara kita

juga sering dibanjiri oleh tenaga buruh luar negeri yang datang ke negara ini tanpa menggunakan dokumen-dokumen yang sah walaupun Kerajaan telah berusaha mengawal keadaan ini namun pada masa ini ianya tidak dapat dibendung secara keseluruhannya.

Sudah tentu dengan kedatangan tenaga-tenaga buruh dari luar negeri itu akan menambahkan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan. Para majikan tentunya akan membuat pilihan untuk mengurangkan kos operasi masing-masing dan golongan-golongan pendatang ini rela menerima upah yang rendah asalkan mereka mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan untuk menyara hidup, khususnya dalam sektor pertanian dan perladangan.

Kita tidak menolak hakikat bahawa guna tenaga di sektor pertanian selalunya berkurangan. Hasilnya banyak tanah-tanah pertanian dibiarkan kosong tanpa dikerjakan untuk mengeluarkan hasil. Walaupun pada tahun hadapan sejumlah \$521 juta akan diperuntukkan bagi pembukaan kawasan-kawasan tanah baru dan untuk pemulihan tanah terbiar, namun keupayaan untuk menarik minat pekerja sektor ini tetap diragukan.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita kita sektor pertanian telah dicap sebagai satu sektor yang mundur dengan perkembangan yang lembab. Malah ada juga orang yang mengatakan bahawa industri pertanian ini adalah merupakan satu sunset industry, dengan izin.

Menurut Laporan Ekonomi pertumbuhan sektor ini dalam tahun 1989 dianggarkan sebanyak 3.6% iaitu satu kadar yang menurun berbanding dengan tahun lalu.

Selain daripada sektor ladang yang dijalankan secara komersial, pengusaha-pengusaha pertanian yang sejumlah besarnya merupakan

kumpulan sasaran di mana taraf hidup mereka di bawah garis kemiskinan, masih lagi mengusahakan aktiviti pertanian pada tahap tradisional. Pandangan ini jauh berbeza di negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan negara-negara maju yang lain. Bagi mereka sektor pertanian telah dapat berkembang serta memberi sumbangan yang bermakna kepada ekonomi negara mereka. Negara kita harus menyusun langkah-langkah yang perlu bagi memodenkan sektor ini yang bukan hanya dititikberatkan kepada aktiviti pengeluaran semata-mata, malah penumpuan yang sungguh-sungguh harus diberikan kepada aktiviti pemasaran dan juga pemerosesan.

Para petani kita tidak mempunyai mekanisme yang membolehkan mereka menguasai pasaran, terutamanya harga. Kekurangan ini seringkali digunakan oleh golongan yang lebih pintar dengan menggunakan amalan yang tidak berpatutan untuk mengeksploitasikan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pertanian kita harus memikirkan untuk meningkatkan industri-industri terutamanya untuk pengeluaran makanan misalnya industri perikanan laut dalam dan ternakan air. Sumbangan industri-industri ini kepada negara adalah dirasakannya dapat dipertingkatkan pada masa yang akan datang. Industri terkenal laut di negara ini masih lagi di peringkat permulaan, dan ianya belum mencapai ke tahap yang memuaskan. Ini adalah disebabkan kurangnya penglibatan pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur dalam industri ini kerana risiko yang tinggi dan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lebih banyak lagi pengusaha menceburi bidang ini, saya mengesyorkan agar pelabur-pelabur mengambil nelayan-nelayan kecil

sebagai rakan kongsi supaya dengan ini manfaat dapat dirasakan bersama. Dalam hal ini modal dapat disumbangkan oleh pelabur-pelabur sementara kepakaran penangkapan diperolehi dari para nelayan.

Pelaburan di dalam bidang penangkapan laut dalam memerlukan modal yang tinggi. Sebagai contoh untuk mengusahakan sebuah bot seberat 70 tan memerlukan modal lebih kurang \$400,000. Bagi pengusaha adalah sukar untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan oleh sebab tertentu dan khususnya oleh sebab tidak mempunyai cagaran yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya pihak-pihak tertentu memikirkankan untuk mengadakan ordinan-ordinan tertentu bagi membolehkan bot-bot nelayan didaftarkan di bawah ordinan tersebut untuk membolehkan ianya diterima sebagai cagaran kepada bank-bank. Selagi perkara ini tidak dilaksanakan maka isu cagaran akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan industri ternakan air di negara kita adalah untuk memenuhi keperluan makanan penduduk tempatan dan juga untuk dieksport ke luar negeri. Industri ternakan air pada masa ini sedang berkembang pesat terutama sekali ternakan udang harimau. Pada masa ini benih-benih tempatan tidak mencukupi untuk menggalakkan industri ternakan udang harimau, malah kita terpaksa mengimport dari negara-negara luar. Untuk memesatkan lagi perkembangan industri ini, saya mencadangkan supaya ditingkatkan penyelidikan dan pengeluaran benih udang harimau. Ini adalah memandangkan industri ternakan air merupakan satu industri yang berpotensi dan menguntungkan pihak pengusaha dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan industri perikanan,

saya rasa tidak lengkap bagi saya jikalau saya tidak menyentuh sedikit nasib nelayan-nelayan kita di seluruh negara dan khususnya di kawasan Parlimen saya sendiri, di Kuala Kedah. Saya telahpun membangkitkan, dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lalu, berkenaan dengan corak penghidupan nelayan-nelayan yang tidak mempunyai hakmilik-hakmilik tanah dan rumah masing-masing yang terpaksa tinggal di pinggir-pinggir sungai, di kuala-kuala dan di tepi-tepi pantai, di atas tanah reserve, dengan izin. Oleh sebab yang demikian mereka ini terpaksa hidup sebagai setinggian-setinggian dengan tidak mendapat kemudahan-kemudahan asas yang sempurna. Rumah-rumah mereka dibina dengan tidak tersusun dan sesak sehingga sukar untuk satu-satu kemudahan seperti jalan dan longkang untuk dibina dan bekalan-bekalan air dan api elektrik untuk diberikan.

Di masa yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini saya telah mengesyorkan supaya satu dasar yang konkrit diwujudkan untuk memberi tempat tinggal yang sempurna dengan hakmilik-hakmilik tanah dan rumah kepada kaum keluarga nelayan. Dengan kemudahan-kemudahan tersebut maka nelayan-nelayan kita akan menikmati satu kualiti hidup yang sederhana dan anak-anak mereka akan juga menikmati masa depan yang lebih cerah. Bahkan saya ingin mengesyorkan supaya skim-skim penempatan semula nelayan-nelayan di negara kita ini diwujudkan. Skim-skim ini bukan sahaja dapat memberi hak kepada mereka untuk memiliki tapak dan rumah yang sempurna, tetapi juga Kerajaan perlu menyediakan sumber-sumber baru ekonomi. Di skim penempatan tersebut ataupun di tempat-tempat yang berhampiran dengannya untuk menambahkan lagi pendapatan keluarga nelayan di samping

pendapatan daripada kerja menangkap ikan.

Sekarang inipun pihak Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang menyediakan kemudahan-kemudahan industri kecil yang berasaskan perikanan kepada nelayan-nelayan yang ingin mencebur diri dalam lapangan perniagaan dan pemerosesan. Apa yang perlu ialah usaha-usaha ini dapat dipertingkatkan lagi supaya tapak-tapak industri kecil ini dapat disediakan dengan lebih tersusun. Kerajaan perlu menyediakan gerai-gerai dan bengkel-bengkel serta kemudahan-kemudahan kewangan dan kursus-kursus kemahiran kepada kampung-kampung baru nelayan supaya mereka serta kaum keluarga mereka dapat menambahkan pendapatan mereka.

Nelayan-nelayan juga boleh mencebur diri dalam bidang ternakan seperti ayam, itik, kambing biri-biri dan juga ternakan ikan dalam sangkar atau udang dalam kolam. Dengan adanya skim pendapatan semula nelayan yang sepadu dari segi perumahan yang tersusun, dengan izin, economic base yang lebih luas, maka saya percaya nelayan-nelayan kita juga akan dapat meningkat maju dan akan menikmati satu kualiti hidup yang sederhana dan tidak dianggap lagi sebagai satu golongan masyarakat yang miskin dan ketinggalan di dalam negara kita yang serba maju ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh berkenaan dengan industri perikanan ini ialah Akta Perikanan 1985 dan penguatkuasaannya. Di masa perbahasan Bil Akta Perikanan 1985 pada 10hb April, 1985, Yang Berhormat Menteri Pertanian pada masa itu telah menjawab teguran-teguran dan kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen dengan janji-janji bahawa tindakan tidak akan diambil terhadap nelayan-nelayan yang membuat kesalahan teknikal

yang kecil. Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menyatakan dan saya petik daripada *Hansard* yang bertarikh 10-4-1985. Tuan Yang di-Pertua, saya petik sebahagian daripada ucapan tersebut yang berbunyi:

“Saya ingin memberi jaminan, insya Allah, bahawa tindakan dengan kuasa yang ada tidak akan diambil terhadap nelayan-nelayan yang membuat kesalahan teknikal yang kecil. Tindakan tidak akan diambil ke atas nelayan-nelayan miskin yang mengharung laut menggadai nyawa semata-mata untuk mendapatkan pendapatan yang sedikit, kerana ini tentu bertentangan dengan dasar Kerajaan dan hasrat kita semua untuk membela nasib dan kepentingan mereka. Apa yang dapat dilakukan ialah mewujudkan peraturan pentadbiran mengenakan kompoun-kompoun yang kecil dan mengelakkan daripada nelayan-nelayan kecil dan miskin ini diheret ke mahkamah”.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini nelayan-nelayan merasa gelisah di atas tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka oleh pihak Jabatan Perikanan dan Jabatan Polis Marin. Banyak nelayan-nelayan telah diambil tindakan oleh sebab kesalahan teknikal yang kecil. Apabila nelayan-nelayan tersebut memilih untuk membayar kompoun, maka kompoun yang dikenakan adalah tinggi dan membebankan. Ada pula nelayan-nelayan yang dihadapkan di mahkamah dan dikenakan denda yang tinggi dan bot-bot mereka dirampas. Di dalam satu kes di kawasan Parlimen Jerai baru-baru ini, dua orang nelayan telah dipenjarakan oleh sebab tidak mampu membayar denda-denda yang tinggi itu yang jumlahnya adalah lebih daripada harga bot mereka yang dirampas itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Dewan yang mulia

penggal ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah menyatakan bahawa Akta Perikanan 1985 tidak akan dipinda. Walaupun begitu, saya mengesyorkan agar pihak Kerajaan akan mengkaji semula Akta tersebut dan juga mengubah sikap pegawai-pegawai penguatkuasa supaya apa yang telah dijanji oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada 10-4-85 dapat ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ada masa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada dua minit lagi.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas di atas Belanjawan 1989 yang turut mengambil perhatian berhubung dengan perkembangan industri kecil dan sederhana. Industri kecil dan sederhana merupakan tulang belakang dalam pertumbuhan sektor pembuatan di mana sepanjang tahun 1966 hingga 1980 telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh iaitu 11% setahun. Sumbangan industri kecil dalam menyediakan perhubungan yang penting kepada proses perindustrian dalam sektor pembuatan hanya terhad kepada aspek modal dan pekerjaan. Dari itu penekanan yang diberi bagi pembangunan industri kecil dan sederhana ini melalui insentif galakan cukai dan pembiayaan dari Tabung Pembangunan ASEAN/Jepun (AJDF) sebanyak \$830 juta adalah wajar dan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai masalah telah dikenalpasti yang membendung perkembangan industri kecil dan sederhana di negara ini. Di antara masalah yang ketara ialah kekurangan modal di mana pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana tidak berkeupayaan menyediakan cagaran yang cukup bagi mendapatkan pinjaman. Masalah-masalah lain yang turut dikenalpasti

ialah kekurangan pengetahuan dan amalan pengurusan yang baik, paras teknologi yang rendah dan tiada penyelarasan bagi agensi-agensi yang menawarkan bantuan dan sokongan kepada industri kecil dan sederhana.

Bagi mengadakan pembangunan industri kecil dan sederhana saya ingin membuat cadangan supaya satu badan penyelarasan dibentuk. Dewasa ini terdapat 12 Kementerian dan 30 agensi dengan matlamat yang berbeza dan menawarkan berbagai bantuan dan sokongan kepada industri kecil dan sederhana. Badan penyelarasan tersebut akan berfungsi sebagai "one-stop agency", dengan izin. Melalui badan penyelarasan tersebut segala maklumat-maklumat penyelidikan-penyelidikan pemasaran akan dijalankan secara bersepadu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah cukuplah itu.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan 1989. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bayan Baru.

*6.01 ptg.*

**Tuan Peter Paul Dason (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, pertama dan yang sangat penting saya ingin menyentuh tentang jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa menjawab usul yang dibawa oleh Pemangku Ketua Pembangkang pada petang kelmarin. Beliau berkata bahawa, beliau membuat kenyataan bahawa Yang Berhormat Saudara Karpal Singh, Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng dan 3 orang

tahanan yang lain telah mencuri-curi makanan berdasarkan laporan yang diterima oleh beliau dari pegawai-pegawai kem dan beliau cukup yakin bahawa laporan itu adalah benar.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Operasi Lallang segala kenyataan baik dari Menteri, Timbalan Menteri ataupun dari Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan boleh dikatakan kebanyakannya mempunyai tanda tanya yang tidak terjawab dan kurang menyakinkan pada kami dan orang ramai umumnya. Setiap laporan atau kenyataan apabila dicabar selalunya tidak mendapat jawapan yang jelas dan juga selalu pandang sebelah sahaja. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri begitu yakin dengan laporan yang diterima dari Pegawai-pegawai Kem Kamunting bahawa Yang Berhormat Karpal Singh, Yang Berhormat Lim Guan Eng dan 3 orang tahanan ISA sedang mogok lapar di Kamunting seperti apa yang dikatakan petang kelmarin dalam Parlimen, maka saya mencabar bahawa jika Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri seorang anak jantan, saya cabar beliau ulangi kata-kata beliau di luar Parlimen. (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bayan Baru, perkataan "anak jantan" ialah satu perkataan yang . . .

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tarik balik!

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya tarik balik.

**Tuan Ismail bin Said:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, point of order.

**Tuan Ismail bin Said:** 36 (3), Tuan Yang di-Pertua:

"Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu."

Saya percaya. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun diselesaikan petang semalam, jadi saya rasa Yang Berhormat dari Bayan Baru tak boleh sebut lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap! 36 (3), saya sedang cari tentang itu tadi. Jadi perkataan dalam 36 (3) ini dikatakan "yang diputuskan", kelmarin tidak ada keputusan kerana kita tidak ambil undi kelmarin.

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya ingin memberitahu kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, cukup sayang beliau tidak ada di dalam Dewan ini, jangan menggunakan hak istimewa Parlimen untuk membuat fitnah (*Tepuk*). Saya ulang sekali lagi, kami cabar Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengulangkan kata-kata yang dibuat semasa menjawab usul Pemangku Ketua Pembangkang petang kelmarin di luar Parlimen (*Tepuk*). Jika beliau tidak berani menyahut cabaran kami, ini bermakna beliau hanya bermain sandiwara atau drama politik sahaja (*Tepuk*). Bukan kami yang bermain drama, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bermain drama. (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bayan Baru, saya tahu kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah membuat

ucapan ini dalam Persidangan UMNO. Apakah hendak dicabarkan lagi?

**Tuan Peter Paul Dason:** Semalam beliau cakap dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di Perhimpunan UMNO dia sudah sebutkan tentang apa yang diucapkan kelmarin.

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Belanjawan 1989 mengikut kata-kata Menteri Kewangan adalah untuk mengambil langkah. . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bandar Kuching hendak apa?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta jalan. Sebelum Yang Berhormat dari Bayan Baru terus bincang Belanjawan, satu soalan dari saya, adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa dia tidak akan menerima cabaran dari DAP untuk mengulang-ulangi apa yang dia katakan semalam di Dewan yang mulia ini. Adakah dia sedar? Kalau sedar, bukankah ini satu tanda bahawa dia ingin selalu "hide under the privilege", dengan izin. Ini sahaja. (*Tepuk*)

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di-Pertua, petang kelmarin semasa menggulung Yang Berhormat Timbalan Menteri buat ucapan beliau di dalam Dewan ini ada kata kepada saya dan Ahli dari Kampar, beliau tak pernah bercakap nama Karpal Singh atau Lim Guan Eng kepada pemberita, itu pemberita sendiri tulis. Tetapi dalam Dewan ini ada hak istimewa, beliau kata nama Saudara Karpal Singh, Ahli dari Jelutong dan

Ahli dari Kota Melaka dengan 3 orang lain, tetapi tak berani bercakap di luar. . . . .

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai bangun. Hendak apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Saya minta penjelasan. Jadi. . . . .

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya tak beri jalan! Point of order, boleh; minta penjelasan, duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri jalan. Dia sudah duduk, kemudian dia bangun pula (*Ketawa*).

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya ingat dia cakap atas point of order, tetapi kalau dia mahu minta penjelasan, saya tak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, itu hak saya.

Tujuan utama Belanjawan 1989 mengikut kata-kata Menteri Kewangan adalah untuk mengambil langkah selanjutnya menggalakkan pemulihan ekonomi negara dan menggariskan arah bagi peningkatan ekonomi selanjutnya di Malaysia. Secara keseluruhannya cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan nampak menarik tetapi Menteri Kewangan dengan sendiri telah tunjuk kepada kita semua bahawa kejayaan langkah-langkah ini adalah bergantung kepada perpaduan dan kestabilan rakyat di negara ini. Beliau juga sebut sentimen yang disuarakan oleh pemerhati-pemerhati bahawa jika ketidaksefahaman politik dapat dikurangkan maka kita boleh mencapai kejayaan yang lebih besar tetapi sia-sia sahaja jika sentimen-sentimen tersebut hanya didebate

sahaja. Operasi Lallang pada 27hb Oktober 1987 adalah jelas dan sah akan sikap Kerajaan menggunakan kekuatan bagi mengugut dan mengancam negara.

Tangkapan tidak adil di bawah ISA ke atas orang-orang tertentu rakyat Malaysia oleh Special Branch dan taktik-taktik yang digunakan telah disorok dengan begitu istimewa sekali untuk mengugut dan menakutkan rakyat Malaysia. Semasa gerakan menangkap secara besar-besaran pada setahun lalu, tangkapan telah dibiarkan kepada jangkamasa lebih 2 minggu, pada hal ianya dapat dilakukan dan tamat dalam dua atau tiga hari. Setengah-setengah dari tangkapan dibuat pada lewat malam hari dan dalam setengah-setengah kes bilangan anggota polis yang digunakan adalah begitu ramai sekali semata-mata untuk menangkap seorang warganegara yang tidak pernah ganas selama ini. Tetapi taktik-taktik yang sempat digunakan pada masa itu adalah sebilangan kes yang diketahui umum, kerana mereka ini yang ditangkap adalah ahli-ahli dari DAP dan perkara ini telah dicakapkan secara terbuka.

Apa yang orang awam tidak ketahui atau tidak mempunyai pengetahuan adalah mereka yang telah diugut dan mengalami rasa takut yang amat sekali sehingga mereka ini tidak berani untuk menceritakan pengalaman pahit mereka secara terbuka. Ada terdapat kes-kes di mana orang ramai diculik atau, dengan izin, kidnap, oleh anggota Special Branch dari tempat-tempat awam dan dibawa ke bilik-bilik hotel di mana mereka ini disoalsiasat selama 24 jam dan disuruh secara keras untuk menjadi informer Special Branch. Rakyat Malaysia telah dipaksa untuk mengintip ke atas kawan-kawan rakyat Malaysia mereka sendiri. Ini adalah kaedah atau cara kotor yang begitu menakutkan sekali yang digunakan dalam satu-satu negara polis atau police state.

Dengan ini saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini di mana beliau akan bertolak ansur ke atas salahguna kuasa dan kekerasan yang dilakukan oleh pihak polis ke atas orang awam. Saya berharap beliau dapat mengotakan janji-janji yang beliau buat dengan menubuhkan satu badan penyiasat bagi menyasat dalam perkara ini dan tindakan yang setimpal hendaklah diambil dengan segera ke atas anggota-anggota polis yang melakukan perkara yang tidak sihat ini, yang telah menjatuhkan imej anggota polis dan membuat orang awam hilang keyakinan terhadap pasukan polis. Perpaduan dan kestabilan tidak boleh wujud jika orang-orang yang tidak bersalah ditangkap dan ditahan dengan menggunakan ISA pada hal mereka yang benar-benar bersalah yang kita semua ketahui telah menimbulkan sentimen-sentimen perkauman semata-mata untuk mengekalkan kuasa politik mereka, telah dibiarkan bebas begitu sahaja.

Orang ramai tahu bahawa Kerajaan kita yang ada sekarang tidak menghormati langsung kepada keadilan. Kebebasan kehakiman telah pun dicerobohi oleh pihak Kerajaan semata-mata mahu meragut kuasa ke atas badan ini. Bagaimanakah boleh ada kestabilan jika asas mutlak hak orang ramai yang adil telah dinafikan. Bagaimanakah boleh ada perpaduan dan kestabilan apabila Ketua Pembangkang Yang Berhormat Saudara Lim Kit Siang yang adalah symbol dan aspirasi sejuta rakyat pengundi Malaysia ditahan dengan tidak adil di bawah ISA? (*Tepuk*). Bagaimanakah boleh ada perpaduan dan kestabilan apabila satu permainan kotor berlaku dan peraturan permainan sering ditukar-tukar semata-mata untuk menyesuaikan tindakan oppressive pihak Kerajaan? Kami tidak berminat dengan kata-kata sahaja. Bebaskan tahanan-tahanan

ISA dan kembalikan kebebasan kepada pihak kehakiman sebagai langkah pertama bahawa pihak Kerajaan adalah ikhlas, kemudian baru bercakap berkenaan dengan perpaduan dan kestabilan, kalau tidak jangan buang masa. Terima kasih. (Tepuk)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Langat.

6.15 ptg.

**Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah saya di atas kejayaan Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam mengawal perbelanjaan negara sepanjang dua tahun yang lalu yang mana telah membawa kepada keadaan kewangan negara kita stabil pada hari ini. Saya juga mengucapkan tahniah di atas Belanjawan yang telah dibentangkan pada 21hb Oktober yang lalu yang saya anggap sebagai satu Belanjawan yang realistik dan berani yang mana di antara lain ia bertujuan menyusun semula sistem percukaian dan mempertingkatkan peranan sektor swasta dalam membangunkan ekonomi negara serta mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya meneruskan dasar jimat cermat.

Pada keseluruhannya, Belanjawan 1989 adalah satu Belanjawan yang dapat diterima umum. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor swasta tidak akan berkembang dengan pesat sebagaimana yang diharapkan jika keadaan dan kestabilan politik tidak terkawal. Strategi Belanjawan kali ini menjangkakan bahawa sektor swasta akan dapat mempertingkatkan lagi pelaburan mereka pada tahun hadapan. Pada masa yang sama perbelanjaan sektor awam juga bertambah. Dengan hal yang demikian, perkembangan kedua-dua

sektor tersebut akan menambahkan lagi peranan yang akan dimainkan oleh bank dan institusi-institusi kewangan. Ini mungkin akan mendatangkan kesan yang agak negatif ke atas kadar faedah bank jika ia tidak diawasi dengan teliti oleh pihak Kerajaan dan kenaikan kadar faedah bank boleh juga menjadi faktor yang akan melembabkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. Dengan perbelanjaan yang agak besar oleh kedua-dua sektor ini juga mungkin inflasi akan meningkat lebih dari jangkaan iaitu 3%. Oleh yang demikian, pengawasan yang teliti perlulah diambil. Mengenai pemotongan kadar cukai syarikat dari 40% kepada 35%, adalah sesuatu yang sangat dialu-alukan, walaupun ia akan mengurangkan pendapatan negara.

Bagaimanapun mengenai penarikan balik kebenaran elaun-elaun dan perbelanjaan keraian dari dikecualikan cukai adalah satu perkara yang perlu dilaksanakan dengan penuh teliti kerana secara langsung ataupun tidak ia akan menjejaskan perniagaan, terutamanya dalam bidang perhotelan dan industri yang berkaitan dengannya. Sebagaimana yang kita maklum bahawa industri tersebut baru sahaja mulai pulih dari kesan kemelesetan ekonomi yang kita hadapi. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya diadakan had-had tertentu terhadap jumlah keraian yang akan dikenakan cukai, bukan dihapuskan keseluruhannya.

Mengenai cadangan tambang percuma yang dibelanjakan oleh syarikat tidak lagi diberi pengecualian cukai, saya rasa ini agak bertentangan sedikit dengan usaha kita hendak menggalakkan syarikat-syarikat multinational bagi mewujudkan pejabat-pejabat operasi mereka dalam negara ini. Oleh yang demikian, ianya perlu juga diberi penelitian.

Menyentuh peruntukan Kementerian Pertanian yang berjumlah \$650 juta lebih itu, saya mengalu-alukan rancangan Kerajaan dalam menggalakkan sektor pertanian ini. Dalam hubungan ini satu sistem pertanian yang lebih tersusun dan ekonomik haruslah diberi penekanan. Kalau kita lihat keadaan hari ini, kita dapati petani-petani khususnya pekebun-pekebun kecil tidak mendapat bimbingan yang secukupnya dalam memilih tanaman yang paling sesuai dengan keadaan tanah serta ada potensi pasarannya. Petani-petani seolah-olah dibiarkan menanam apa yang mereka suka walaupun ada bimbingan teknologi serta teknikal dari pihak Kerajaan. Saya rasa sudah sampai masanya bagi Kerajaan mengkaji apakah jenis komoditi-komoditi baru yang lebih sesuai, yang lebih menguntungkan jika diusahakan secara kecil-kecilan dengan bantuan teknik dan pasaran dari Kerajaan sendiri. Dalam hubungan ini tanaman kelapa sawit, getah atau koko serta kelapa haruslah tidak digalakkan terutama kepada petani-petani atau pekebun-pekebun kecil kerana komoditi tersebut lebih sesuai dan ekonomik jika diusahakan secara perladangan atau secara besar-besaran.

Menyentuh masalah subsidi, ianya patut diteruskan dan jika boleh ditambah. Tetapi subsidi yang diberikan itu mestilah mendapat pulangan yang seimbang. Kita tidak mahu subsidi yang diberikan itu menjadikan penerimanya lebih manja atau menebalkan lagi sifat pergantungan mereka, atau dengan kata lain, ianya akan melemahkan mereka untuk berdikari. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa rata-rata penduduk negara ini adalah miskin terutamanya di luar bandar. Miskin bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari segi ilmu dan idea.

Menyentuh mengenai pertanian juga, kita tidak tahu di manakah kita

hendak meletakkan petani-petani kita sama ada sebagai petani tradisional ataupun petani-petani moden. Bagaimanapun, saya percaya kita sedang menuju ke arah pemodenan. Dalam hubungan ini kita mempunyai begitu banyak agensi yang ada kaitannya dengan pertanian tetapi sayang sehingga ke hari ini kesannya belum membanggakan. Setelah sekian lama kita menolong menggalak dan membantu petani-petani terutama pekebun-pekebun kecil, kita masih dapati bahawa taraf hidup dan pendapatan mereka masih belum sampai ke tahap yang diharapkan.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai potensi eksport yang tinggi dan kita juga mempunyai alam semula jadi yang amat sesuai dengan sektor ini. Dalam hal ini pasaran perlu juga diberi perhatian. Hari ini kita menggalakkan petani bertanam sayur tetapi pasarannya sering menjadi masalah. Kita juga menggalakkan mereka bertanam buah-buahan, pasarannya juga sama seperti yang saya sebutkan tadi dan dalam hal ini Kerajaan harus memikirkan dengan serius untuk mewujudkan kilang-kilang memproses buah-buahan atau sayur-sayuran bagi memastikan hasil pertanian kampung ini dapat terjamin.

Satu perkara yang saya ingin memaklumkan di sini kepada Kementerian dan Kerajaan ialah bahawa di kawasan saya di Kuala Langat, satu kawasan seluas 1,000 ekar lebih kurang telah disediakan untuk kawasan menternak udang harimau dan saya berharap pihak Kementerian akan bersedia menghadapi masalah-masalah yang akan dihadapi oleh petani terutama dari segi masalah pembekalan benih. Begitu juga dengan kilang makanan, kilang memproses untuk pengeksportan dan mungkin kilang memproses untuk menjadikan udang itu satu jenis bahan makanan yang lain serta pusat penyelidikannya.

Menyentuh FAMA, saya ucapkan tahniah, kerana FAMA selama ini dapat membantu pekebun-pekebun kecil dalam menstabilkan harga barangan mereka. Walau bagaimanapun, peranan FAMA harus diperluaskan lagi. Hari ini kita nampak beberapa contoh seperti kilang kopi di Kuala Langat, kilang koko di Sabak Bernam dan beberapa rumah "cold house" yang diadakan. Ini sebagai satu usaha untuk menolong mencari jalan keluar atau "outlet" kepada hasil-hasil pertanian tetapi perkara ini perlulah diperluaskan lagi dalam bidang-bidang lain, seperti pada hari ini ubi kayu yang ditanam oleh orang kampung masih banyak masalah pasaran, begitu juga dengan tanaman pisang, ikan, sayur-sayuran dan sebagainya. Dengan adanya kilang-kilang seumpama itu, maka pekebun-pekebun kecil tidak akan menghadapi masalah pasaran. Pada masa itu pekebun-pekebun kecil menghadapi masalah turun naik harga yang tidak menentu terutama terhadap hasil-hasil tanaman kontan. Mereka sebenarnya takut untuk mengusahakan tanaman-tanaman kontan secara komersial kerana mereka tahu pasarannya tidak terjamin.

Menyentuh industri kecil, saya suka menyentuh beberapa perkara di sini. Sungguhpun Kerajaan sedang menggalakkan industri kecil ini berkembang dan dasar yang dibuat ke arah perkembangan sektor industri kecil ini perlu dipertingkatkan dan pada masa ini usahawan-usahawan kecil terpaksa menghubungkan beberapa Jabatan dan Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan. Dalam usaha kita menuju ke arah menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara industri menjelang tahun 2000, saya rasa perlu difikirkan sama ada mustahak ataupun tidak sebuah Kementerian khas ditubuhkan untuk mengendalikan masalah industri kecil ini.

Yang kedua dari segi masalah CGC atau Syarikat Jaminan Kredit. Ia hendaklah mempermudah proses pinjaman untuk perusahaan-perusahaan kecil kerana mereka tidak mempunyai rekod perniagaan dan juga tidak mempunyai cagaran. Peranan Syarikat Jaminan Kredit atau CGC mestilah bertindak sebagai penjamin dengan pinjaman secara yang lebih "development oriented", dengan izin, dan tidak passive sebagaimana sekarang. Pihak bank hendaklah menjadikan jaminan CGC itu sama baiknya dengan cagaran-cagaran yang lain.

Selain dari itu hubungan perniagaan yang lebih bermakna hendaklah dijalinan di antara sektor perusahaan kecil dengan syarikat-syarikat besar dan multi-national. Bimbingan khidmat nasihat, pendedahan dan persefahaman yang lebih di antara kedua-dua pihak hendaklah diwujudkan supaya sektor perusahaan kecil mendapat pulangan yang sewajarnya.

Dalam Belanjawan tahun ini peruntukan lebih daripada \$1.22 billion telah diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan dan ini merupakan satu jumlah peruntukan yang agak besar. Walaupun kita mengakui bahawa perkhidmatan kesihatan negara kita sudah bertambah baik, namun ianya perlu diberi lebih perhatian berat kerana taraf kesihatan rakyat kita terutamanya di luar bandar masih jauh terkebelakang jika kita bandingkan dengan taraf kesihatan penduduk-penduduk dalam bandar.

Dalam hubungan ini, Kerajaan harus membanyakkan lagi usaha-usaha dan kempen-kempen bagi mempertingkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap pentingnya menjaga kesihatan. Undang-undang sahaja tidak mencukupi kerana

undang-undang hanyalah merupakan faktor luaran. Apa yang lebih penting ialah faktor dalaman iaitu kesedaran dan keinsafan serta amalan individu. Kempen mempertingkatkan kesedaran kesihatan ini boleh dilakukan dalam berbagai-bagai cara sama ada melalui Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun melalui media massa. Tidak ada makna kita menambahkan lagi peruntukan hospital, kakitangan dan sebagainya kalau kesedaran tentang kesihatan rakyat tidak dipertingkatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Esok boleh sambung.

**Tuan Haji Basri bin Bajuri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*